Bil. 6 **Rabu**
1 April 1998

MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN
DEWAN RAKYAT

PARLIMEN KESEMBILAN
PENGGAL KEEMPAT
MESYUARAT PERTAMA

KANDUNGAN

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT
BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN (Ruangan 1)

USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 18(1):

Pergaduhan Dan Ketegangan Antara Agama di Pulau Pinang.
- *Y.B. Tuan Haji Nik Mohd. Amar bin Haji Nik Abdullah (Pengkalan Chepa)* (Ruangan 12)

USUL:

Ucapan Terima Kasih Kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong
- *Y.B Tuan Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah (Tambun)* (Ruangan 13)

Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat. (Ruangan 39)

Diterbit Oleh
CAWANGAN DOKUMENTASI
PARLIMEN MALAYSIA
1999

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Dato' Mohamed Zahir bin Haji Ismail, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K. J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, D.K.I., D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S. (Kubang Pasu)

Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, Dato' Seri Anwar bin Ibrahim, D.U.P.N., S.S.A.P., S.S.S.A., D.G.S.M., S.P.N.S., S.P.D.K., D.M.P.N. (Permatang Pauh)

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, Dato' Seri Dr. Ling Liong Sik, D.G.S.M., S.P.M.P., D.P.M.S., D.P.M.P. (Labis)

" Menteri Kerja Raya, Dato' Seri S. Samy Vellu, S.P.M.P., S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput)

" Menteri Perusahaan Utama, Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik, S.P.M.P., D.P.C.M. (Beruas)

" Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, Datuk Leo Moggie anak Irok, P.N.B.S. (Kanowit)

" Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Seri Rafidah Aziz, S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar)

" Menteri Pertanian, Datuk Seri Amar Dr. Haji Sulaiman bin Haji Daud, S.I.M.P., D.A., D.S.S.A., P.N.B.S, J.B.S. (Petra Jaya)

" Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Megat Junid bin Megat Ayob, S.P.D.K., D.P.C.M., D.S.A.P., A.M.P., A.M.K. (Pasir Salak)

" Menteri Pendidikan, Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak (Orang Kaya Indera Shahbandar), S.S.A.P., S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S. (Pekan)

" Menteri Penerangan, Dato' Mohamed bin Rahmat, S.P.M.J., S.I.M.P., S.S.S.A., S.S.I.J., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Pulai)

" Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato' Sabbaruddin Chik, S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh)

" Menteri Sumber Manusia, Dato' Lim Ah Lek, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.T., J.P. (Bentong)

" Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha, D.S.A.P., P.N.B.S., D.P.T.J., J.M.N. (Kuala Rajang)

" Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Datuk Law Hieng Ding, P.N.B.S., K.M.N., P.B.S., P.B.J. (Sarikei)

Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato' Dr. Ting Chew Peh, D.P.M.P. (Gopeng)

" Menteri Pertahanan, Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi)

" Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato' Haji Annuar bin Haji Musa, S.I.M.P. (Peringat)

" Menteri Luar Negeri, Datuk Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, D.G.P.N., D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas)

" Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Datuk Osu bin Haji Sukam, P.G.D.K. (Papar)

" Menteri Belia dan Sukan, Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.S.M., S.P.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh)

" Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Gombak)

" Menteri Kesihatan, Datuk Chua Jui Meng, D.I.M.P., S.M.J., P.I.S. (Bakri)

" Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., P.P.T. (Sik)

" Menteri Pembangunan Usahawan, Dato' Mustapa bin Mohamed, D.P.M.S. (Jeli)

" Timbalan Yang di-Pertua, Tuan Ong Tee Keat, S.M.S. (Ampang Jaya)

" Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin, P.G.D.K (Kinabatangan)

" Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik)

" Timbalan Menteri Perusahaan Utama, Dato' Hishamuddin bin Tun Hussein, D.P.M.J. (Tenggara)

" Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato' Azmi bin Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar)

" Timbalan Menteri Kesihatan, Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman, D.I.M.P. (Paya Besar)

" Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Dato' Loke Yuen Yow, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim)

" Timbalan Menteri Kerja Raya, Datuk Railey bin Haji Jaffrey, P.G.D.K., J.M.N. (Silam)

" Timbalan Menteri Pendidikan, Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus, D.S.N.S. (Jempol)

Yang Berhormat Timbalan Menteri Luar Negeri, Datuk Dr. Leo Michael Toyad, P.G.B.K., J.B.S. (Mukah)

" Timbalan Menteri Pertahanan, Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang)

" Timbalan Menteri Penerangan, Dato' Drs. Suleiman bin Mohamed, D.P.M.S. (Titiwangsa)

" Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato' Teng Gaik Kwan, D.I.M.P., A.M.N., P.P.N. (Raub)

" Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tuan Peter Chin Fah Kui, P.B.S., A.B.S. (Miri)

" Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu)

" Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Kerk Choo Ting, D.P.M.P. (Taiping)

" Timbalan Menteri Pertanian, Dato' Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor, S.P.M.T., D.P.M.T., K.M.N., P.J.C., J.P., P.J.K. (Setiu)

" Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Wong See Wah, D.S.N.S. (Rasah)

" Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datuk Peter Tinggom anak Kamarau, P.N.B.S., J.B.S., K.M.N., P.B.S., A.M.N., P.P.C. (Saratok)

" Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk Dr. Fong Chan Onn, D.M.S.M. (Selandar)

" Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, Dato' Chan Kong Choy, D.S.A.P., .D.P.M.S. (Selayang)

" Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato' Ong Ka Ting D.P.M.P. (Pontian)

" Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato' K. Kumaran, D.P.M.P., K.M.N., J.S.M., P.M.P., P.P.T., J.P. (Tapah)

" Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap)

" Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr. Ibrahim bin Saad, D.M.S.M. (Tasek Gelugor)

" Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato' Abu Bakar bin Daud, D.S.M.T., D.S.A.P., D.P.M.T., J.M.N., P.J.C., P.J.K. (Kuala Terengganu)

" Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam, D.C.S.M., D.M.S.M., D.S.M., P.B.M. (Batu Berendam)

" Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' S. Subramaniam, D.S.N.S., D.P.M.J., S.M.J. (Segamat)

Yang Berhormat	Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Goh Cheng Teik (Nibong Tebal)
"	Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Chenderoh)
"	Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. (Kuantan)
"	Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan, Tuan Idris bin Jusoh, P.J.K. (Besut)
"	Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Dato' M. Mahalingam, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Subang)
"	Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato' Mohd. Noh bin Rajab, D.S.N.S. (Tampin)
"	Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Tuan Douglas Uggah Embas, A.B.S., P.B.S. (Betong)
"	Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Tuan Yong Khoon Seng (Padawan)
"	Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, Puan Ainon Khariyah binti Dato' Mohd. Abas, P.M.P., A.M.P. (Parit)
"	Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Haji Muhamad bin Abdullah, D.I.M.P., S.M.P., P.J.K. (Maran)
"	Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Othman bin Abdul, D.S.S.A., A.M.P., P.P.T. (Pendang)
"	Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh, D.S.S.A., S.M.S., S.S.A., K.M.N. (Kuala Langat)
"	Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan, Dato' Chor Chee Heung, D.S.D.K. (Alor Setar)
"	Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tuan Ahmad Kamaruzaman bin Mohamed Baria (Jerantut)
"	Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, Dato' Abu Bakar bin Taib, D.S.D.K., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Langkawi)
"	Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Tan Chai Ho, P.J.N., K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak)
"	Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, P.G.D.K. (Semporna)
"	Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, Dato' Shahrizat binti Abdul Jalil, D.I.M.P. (Lembah Pantai)
"	Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Tuan G. Palanivel, P.J.K. (Hulu Selangor)

Yang Berhormat	Tuan Abdol Mulok bin Haji Awang Damit (Labuan)
"	Tuan Abdul Aziz bin Mohd. Yassin (Muar)
"	Tun Abdul Ghafar bin Baba, S.S.M. (Jasin)
"	Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang (Marang)
"	Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman (Sungai Benut)
"	Tuan Abdul Rahin bin Dato' Mohd. Said (Kuala Nerus)
"	Tuan Abdul Rahman bin Haji Sulaiman, S.S.A., A.M.N., A.M.S., A.M.P., A.D.K. (Parit Buntar)
"	Datuk Patinggi Tan Sri Haji Abdul Taib Mahmud, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K., S.S.A.P. (Kota Samarahan)
"	Datuk Abu Seman bin Haji Yusof, D.M.S.M., J.P., B.K.T. (Alor Gajah)
"	Dato' Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang, D.S.N.S., A.M.N. (Kuala Pilah)
"	Tuan Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun)
"	Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datok)
"	Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman (Libaran)
"	Tuan Amihamzah bin Ahmad (Lipis)
"	Datu Amirkahar bin Tun Datu Haji Mustapha (Marudu)
"	Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman, D.S.D.K., S.M.S. (Baling)
"	Tuan Asmat Nungka (Beluran)
"	Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin, D.S.D.K., B.K.M., P.J.K. (Yan)
"	Tuan Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz, A.S.A. (Hulu Langat)
"	Tuan Billy Abit Joo (Hulu Rajang)
"	Tuan Haji Buniyamin bin Yaakob (Bachok)
"	Tuan Chang Kon You (Ipoh Timor)
"	Che Ibrahim bin Mustafa, P.J.K. (Sungai Petani)
"	Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera)
"	Tuan Chiew Chiu Sing (Bintulu)
"	Dato' Joseph Chong Chek Ah, D.S.P.N. (Batu)

Yang Berhormat	Puan Chua Soon Bui (Tawau)
"	Tun Daim bin Haji Zainuddin, S.P.M.S., S.S.M., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok)
"	Tuan Fu Ah Kiow (Mentakab)
"	Tuan Hamzah bin Ramli (Sri Gading)
"	Dato Haji Hanafi bin Ramli, D.S.D.K., S.M.S., K.M.N., A.M.K., A.M.N., P.P.N., P.J.K., J.P. (Jerlun)
"	Tuan Hashim bin Ismail, P.P.N., P.I.S. (Ledang)
"	Tuan Henrynus Amin, A.D.K. (Kinabalu)
"	Dato' Hew See Tong, D.P.M.P., J.P., P.M.P. (Kampar)
"	Tuan Ho Cheong Sing, A.M.N. (Ipoh Barat)
"	Dato' Hon Choon Kim, D.S.N.S. (Seremban)
"	Tuan Hoo Seong Chang (Kluang)
"	Tuan Haji Ibrahim bin Mahmood (Kuala Krai)
"	Tuan Ibrahim bin Pateh Mohamad (Tanah Merah)
"	Puan Hajah Ilani binti Dato' Haji Isahak (Kota Bharu)
"	Tuan Jacob Dungau Sagan, P.P.B. (Baram)
"	Dato' Jamaluddin bin Adnan (Kuala Selangor)
"	Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis, D.I.M.P., S.A.P. (Rompin)
"	Tuan James Jimbun Anak Pungga, P.B.S. (Kapit)
"	Tuan Jawah Anak Gerang (Lubok Antu)
"	Tuan Jimmy Lim @ Jimmy Donald (Sri Aman)
"	Tuan Joseph Mauh Anak Ikeh (Selangau)
"	Datuk Seri Joseph Pairin Kitingan, P.G.D.K., P.N.B.S., S.S.A.P., S.P.D.K. (Keningau)
"	Dato' Dr. Kamal bin Salleh, D.S.P.N., K.M.N., P.K.T., J.M.N. (Wangsa Maju)
"	Tuan Kamarudin bin Ahmad (Arau)
"	Tuan R. Karpal Singh (Jelutong)
"	Dr. L. Krishnan, P.M.C., A.M.N. (Telok Kemang)

Yang Berhormat	Tuan Lau Ngan Siew, A.D.K. (Sandakan)
"	Dr. Lee Chong Meng (Bukit Bintang)
"	Dr. G. Leelavathi, A.M.N. (Kapar)
"	Tuan Liew Ah Kim (Seputeh)
"	Tuan Lim Guan Eng (Kota Melaka)
"	Tuan Lim Hock Seng (Bagan)
"	Tuan Lim Kit Siang (Tanjong)
"	Tuan Vincent Lim Kuo Phau (Petaling Jaya Utara)
"	Puan Lim Lay Hoon, P.P.N., B.K.M. (Padang Serai)
"	Datuk Lim Si Cheng, P.I.S. (Senai)
"	Tuan Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan)
"	Dato' Haji Mahbud bin Haji Hashim, D.S.S.A., A.S.A., P.J.K. (Sabak Bernam)
"	Tuan Mansor bin Masikon (Batu Pahat)
"	Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Bandau)
"	Tuan Md. Isa bin Sabu (Kangar)
"	Tuan Michael Lisa Kaya, B.B.S. (Bukit Mas)
"	Tuan Haji Mohamad bin Sabu (Kubang Kerian)
"	Tuan Haji Mohamed bin Haji Abdullah (Pasir Puteh)
"	Tuan Mohamed Khaled bin Nordin P.I.S. (Johor Bahru)
"	Datuk Mohd. Salleh bin Tun Said, P.G.D.K. (Kota Belud)
"	Dato' Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan, D.I.M.P., P.M.P., A.M.P., J.P. (Larut)
"	Tuan Mokhtaruddin bin Wan Yusof (Dungun)
"	Tuan Haji Mustafa bin Muda, A.M.N., A.M.T., P.P.N., P.J.K. J.P. (Hulu Terengganu)
"	Tuan Haji Nik Mohd. Amar bin Haji Nik Abdullah (Pengkalan Chepa)
"	Tuan Noh bin Omar, P.J.K. (Tanjong Karang)
"	Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi (Balik Pulau)

Yang Berhormat	Datuk Nurnikman bin Abdullah (Beaufort)
"	Tuan M. Kulasegaran a/l V. Murugeson (Teluk Intan)
"	Dr. Patau Rubis, P.B.S. (Mas Gading)
"	Tuan Paul Noutin, A.D.K. (Penampang)
"	Tuan Philip Yong Chew Lip, A.D.K. (Gaya)
"	Dato' Haji Qamaruz Zaman bin Haji Ismail, D.P.M.P., P.C.M., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Bagan Serai)
"	Tuan Radin Malleh (Tenom)
"	Dr. Ramli bin Taib (Kemaman)
"	Mulia Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang)
"	Tuan Richard Riot Anak Jaem (Serian)
"	Tuan Robert Lau Hoi Chew (Sibu)
"	Puan Rohani binti Haji Abd. Karim, P.P.B. (Santubong)
"	Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad, P.I.S. (Parit Sulong)
"	Dato' Salamon bin Selamat, D.P.M.S., S.S.A., A.M.S., P.J.K. (Shah Alam)
"	Dr. Sanusi bin Daeng Mariok (Rantau Panjang)
"	Puan Seripah Noli binti Syed Hussin (Sepang)
"	Cik Siti Zainab binti Abu Bakar, S.M.J. (Tebrau)
"	Datuk S'ng Chee Hua, D.S.N.S., P.G.D.K. (Julau)
"	Datuk Song Swee Guan, P.G.D.K. (Bandar Kuching)
"	Cik Sukinam Domo (Batang Sadong)
"	Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed, D.J.M.K., J.P. (Machang)
"	Dr. Tan Chong Keng (Bukit Mertajam)
"	Dr. Tan Kee Kwong (Segambut)
"	Tuan Tan Kok Wai (Cheras)
"	Dr. Tan Seng Giaw (Kepong)
"	Dr. Tan Yee Kew (Kelang)

Yang Berhormat	Tuan Tiong Thai King (Lanang)
"	Tuan Tue Si @ Chang See Ten, P.I.S. (Gelang Patah)
"	Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman, B.K.M. (Pokok Sena)
"	Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, P.B.S. (Batang Lupar)
"	Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood (Tumpat)
"	Tuan Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru)
"	Dato' Yap Pian Hon, D.M.P.S., A.M.N., P.J.K. (Serdang)
"	Dr. Yap Yit Thong, A.M.P., A.M.N. (Lumut)
"	Dr. Yee Moh Chai (Tanjong Aru)
"	Tuan Yeong Chee Wah (Batu Gajah)
"	Tuan Yunof Edward Maringking (Tuaran)
"	Tuan Yunus bin Rahmat (Jelebu)
"	Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob, P.G.D.K., A.D.K. (Sipitang)
"	Tuan Zainal Abidin bin Osman (Mersing)
"	Tuan Haji Zainuddin bin Haji Mohamad Nor, S.M.K. (Pasir Mas)
"	Dato' Haji Zakaria bin Mohd. Said, D.S.D.K., S.M.K., K.M.N., P.J.K. (Kuala Kedah)

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat	:	Datuk Mohd. Salleh bin Haji Hassan, P.S.D., J.S.D., K.M.N.
Pemangku Ketua Penolong Setiausaha	:	Haji Mustakin bin Salamat
		Zamani bin Haji Sulaiman
Penolong Setiausaha	:	Nor Hayatee binti Abdullah
	:	Haji Mustafa bin Abdul Rahman
	:	Ruhana binti Abdullah

CAWANGAN DOKUMENTASI

Pegawai Penerbitan	:	Azhari bin Hamzah
		Monarita binti Mohd. Hassan
Pelapor Perbahasan Parlimen	:	Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop, P.P.N
		Hajah Supiah binti Dewak
		Mohd Saleh bin Mohd. Yusop
		Mohamed bin Osman
		Hajah Norishah binti Mohd. Thani
		Shamsina binti Janor
Pembaca Pruf	:	Abu Bakar bin Haji Hasan

CAWANGAN BENTARA

Bentara Mesyuarat	:	Lt. Kol (B) Haji Rahimuddin bin Abdul Mutalib
		Mejar (B) Abdul Halim bin Haji Ali
		Mejar (B) Zakaria bin Salleh

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Rabu, 1 April 1998

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

D O A

[Timbalan Yang di-Pertua, (Tuan Ong Tee Keat) ***mempengerusikan mesyuarat]***

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

DANA ASING DI BSKL - JUMLAH

1. **Tuan Ibrahim bin Pateh Mohamad [Tanah Merah]** minta Menteri Kewangan menyatakan:-

(a) berapa besarkah dana asing di BSKL sehingga pelabur asing mampu mempengaruhi sentimen urusniaga saham tempatan; dan

(b) berapa banyakkah suntikan modal yang dibuat oleh kerajaan ke dalam BSKL dan sejauh manakah ia berjaya menstabilkan harga-harga saham.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Wong See Wah]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menjawab pertanyaan ini bersama dengan pertanyaan yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Beaufort yang dijadual dijawab pada 21 April 1998 kerana menyentuh isu yang sama.

Tuan Yang di-Pertua, bagi tahun 1997 jumlah dagangan sekuriti oleh pelabur asing yang direkodkan oleh Bursa Saham Kuala Lumpur ialah sebanyak RM228 bilion ataupun 24 % daripada jumlah dagangan sekuriti yang keseluruhannya berjumlah RM951 bilion.

Kerajaan tidak pernah menyuntik sebarang modal di pasaran saham BSKL bagi menstabilkan harga saham. Bagaimanapun, semenjak kegawatan ekonomi yang melanda rantau ini usaha kerajaan adalah lebih tertumpu kepada langkah-langkah mengekalkan pertumbuhan mampan serta memperteguhkan asas ekonomi dan menstabilkan pasaran kewangan. Ini termasuklah mengukuhkan imbangan pembayaran, meningkatkan daya saingan eksport, mengurangkan import, menggalakkan penggunaan bayaran berjenama tempatan serta rancangan penggabungan syarikat-syarikat kewangan dan bank-bank perdagangan tempatan. Langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan itu nampaknya telah berjaya menstabilkan pasaran saham daripada terus jatuh di samping turut meningkatkan lagi nilai mata wang Ringgit Malaysia berbanding dengan Dollar Amerika Syarikat.

Tuan Md. Isa bin Sabu: Tuan Yang di-Pertua, dalam keadaan sekarang bagi maksud menstabilkan harga saham kerajaan mempunyai banyak agensinya. Adakah kerajaan bercadang untuk mengeluarkan arahan supaya agensi-agensinya membuat pembelian saham bagi maksud untuk menstabilkan harga saham dalam pasaran.

Dato' Wong See Wah: Tuan Yang di-Pertua, agensi-agensi kerajaan adalah digalakkan memaksimumkan pulangan untuk ahli-ahli ataupun pemegang saham masing-masing. Kalau untuk melabur dalam jangka masa ini ia memberi kesan yang baik dan dianggap sebagai satu sumbangan untuk menyokong pasaran ataupun mungkin ini dapat dijadikan sebagai satu pelaburan jangka panjang. Ini terserahlah kepada agensi-agensi yang berkenaan untuk mencapai maksud yang utama ini.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, memandangkan bahawa baru-baru ini, dana yang besar dalam KLSE atau Bursa Saham Kuala Lumpur ialah dana institusi khasnya KWSP. Adakah satu ceiling ditetapkan mengenai peratus Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) yang boleh digunakan untuk KLSE, oleh kerana pada satu masa bulan September tahun lalu, masa itu Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengumumkan satu tabung RM60 bilion untuk menaikkan harga pasaran saham. Beliau ada mengatakan bahawa semua ceiling untuk dana institusi-institusi sudah diketepikan. Adakah ini masih menjadi kedudukan sekarang dan apa ceiling wang KWSP boleh digunakan untuk melabur dalam KLSE dan masa sudah sampai bahawa adalah lebih transparensi kepada semua 9 juta orang contributor KWSP mengenai pelaburan wang dalam KLSE.

Dato' Wong See Wah: Tuan Yang di-Pertua, bagi KWSP memangnya KWSP mempunyai polisi, dasar-dasar tertentu untuk pelaburan dalam sektor-sektor tertentu dan sektor amalan itu masih kekal seperti biasa khasnya untuk bahagian ekuiti itu kalau tidak silap saya adalah lebih kurang dalam lingkungan 25% dalam sektor ekuiti, begitu juga untuk agensi-agensi yang lain terserah kepada polisi masing-masing. Mereka mempunyai panel-panel ataupun lembaga-lembaga tertentu untuk membuat pelaburan masing-masing.

LEMBAGA LETRIK SABAH - JANGKA WAKTU PENSWASTAAN

2. **Puan Chua Soon Bui [Tawau]** minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan:-

(a) sama ada terdapat satu jangka waktu yang tetap bagi penswastaan Lembaga Letrik Sabah (SEB), memandangkan bahawa sebelum ini tarikh yang ditetapkan bagi Tenaga Nasional Berhad mengambil alih SEB iaitu 1hb. Januari, 1998 telah pun berlalu; dan

(b) apakah kemusykilan yang telah, sedang dan akan dihadapi dalam penswastaan tersebut. Apakah ianya akan mengakibatkan kenaikan kadar bayaran bil letrik di negeri Sabah.

Menteri Tenaga, Telekom dan Pos [Datuk Leo Moggie anak Irok]: Tuan Yang di-Pertua,

(a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, mengikut jadual terkini Lembaga Letrik Sabah dijangka akan diswastakan selewat-lewatnya pada 1 September 1998.

(b) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga seperti mana projek-projek penswastaan sebelum ini terdapat beberapa isu yang berkaitan dengan penswastaan LLS, antaranya ialah pengambilan aset dan liabiliti, terma dan syarat-syarat perkhidmatan yang akan ditawarkan kepada kuota yang memilih untuk menyertai syarikat konsortium, pembiayaan projek-projek pembangunan yang berkaitan dan sebagainya. Kerajaan akan menyelesaikan isu-isu tersebut berdasarkan peraturan yang sedia ada serta syarat-syarat atau terma-terma tertentu yang telah ditetapkan bagi penswastaan Lembaga Letrik Sabah. Mengenai tarif elektrik kerajaan telah juga memberi syarat kepada konsortium yang akan menswastakan Lembaga Letrik Sabah bahawa kadar tarif elektrik tidak boleh dinaikkan sekurang-kurangnya bagi tempoh menjelang tahun 2000.

Puan Chua Soon Bui: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah rancangan dan tarikh sasaran Kementerian Yang Berhormat Datuk Menteri untuk Lembaga Letrik Sabah kepada semua penduduk di Sabah baik di bandar mahupun di pedalaman?

Datuk Leo Moggie anak Irok: Tuan Yang di-Pertua, mengikut jumlah keupayaan kuasa elektrik di negeri Sabah sekarang termasuk yang telah dibina dan juga bagi projek-projek dalam pembinaan kita mendapati memang mencukupi dari segi keupayaan kuasa elektrik. Walaupun demikian, memang kita sedar juga beberapa tempat khususnya tempat-tempat yang terpencil dan di luar bandar yang masih belum mendapat kuasa elektrik dan Kementerian Pembangunan Luar Bandar sedar akan perkara ini dan telah pun mengambil beberapa tindakan untuk menambahkan tempat-tempat yang dapat diberikan oleh elektrik.

Tuan Yunof Edward Maringking: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Mengikut Yang Berhormat Datuk Menteri SEB hanya akan dapat diswastakan pada 1 September tahun ini. Persoalan saya ialah adakah ini disebabkan oleh kerana perbezaan ataupun pengunduran satu daripada syarikat asal yang berniat untuk membentuk konsortium itu dan kalau ini betul siapakah konsortium baru yang menyertai penswastaan SEB dan apakah ratio ekuiti untuk semua syarikat yang terlibat bila SEB diswastakan nanti?

Datuk Leo Moggie anak Irok: Tuan Yang di-Pertua, memang benar satu dari sebab kita melewatkan pelaksanaan penswastaan Lembaga Letrik Sabah, oleh kerana sebahagian daripada mereka yang pada mulanya berminat untuk terlibat dalam penswastaan ini tidak bersetuju menerima syarat yang telah diberi oleh kerajaan kepada konsortium yang asal itu. Oleh sebab itu kerajaan telah pun menetapkan penubuhan konsortium yang baru yang terdiri dari Tenaga Nasional Berhad juga yang akan mengetuai konsortium ini dan termasuk juga Kerajaan Negeri Sabah yang akan diagihkan 20% dari jumlah ekuiti dan pihak Petronas juga akan diagihkan 20% daripada ekuiti. Bermakna Tenaga Nasional Berhad pada permulaannya akan memegang 60% tetapi apabila penswastaan sudah bermula kelak 5% dari 60% ini dipegang sebagai trustee bagi kakitangan yang sekarang bertugas dalam LLS.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat Dr. Maximus Johnity Ongkili.

***[Soalan No. 3** - Y.B. Dr. Maximus Johnity Ongkili [Bandau] tidak hadir].*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat Dr. G Leelavathi.

KEBAKARAN DI PREMIS KECIL - KEKERAPAN

4. **Dr. G. Leelavathi [Kapar]** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan tentang berapakah kekerapan berlakunya kebakaran di premis-premis kecil atau kedai-kedai di Ibu Kota. Adakah pemeriksaan keselamatan oleh pihak bomba hanya tertumpu kepada pusat-pusat membeli-belah yang besar sahaja.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Tuan Peter Chin Fah Kui]: Tuan Yang di-Pertua, mengikut perangkaan Jabatan Bomba dan Penyelamat, kekerapan kebakaran berlaku di premis atau kedai kecil dalam Ibu Kota Kuala Lumpur adalah purata lebih kurang 15 kes dalam sebulan. Jabatan Bomba dan Penyelamat menumpukan membuat pemeriksaan di tempat-tempat yang tinggi risiko kebakaran dan yang dikunjungi oleh orang ramai.

Dr. G. Leelavathi: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sekarang kita menghadapi masalah kekurangan air di ibu kota. Kalau satu kejadian kebakaran berlaku di sini apakah tindakan diambil oleh pihak berkenaan untuk mengatasi masalah ini dan apakah langkah yang diambil oleh kerajaan untuk membantu mangsa kebakaran yang hilang tempat tinggal dan harta-benda?

Tuan Peter Chin Fah Kui: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, setiap kali kita menghadapi masalah kebakaran, kita berhubung dengan pihak bekalan air supaya tekanan air ke tempat yang ada kejadian kebakaran, itu ditambahkan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di mana kita tidak dapat air daripada pili bomba itu anggota bomba akan mencari air yang terdekat seperti di dalam kolamkah atau di dalam parit atau di sungai-sungai yang berdekatan dengan tempat kejadian kebakaran itu.

Mengenai kehilangan tempat tinggal dan sebagainya, perkara-perkara ini akan diambil alih oleh jabatan lain seperti Jabatan Kebajikan di mana mereka sentiasa memberi pertolongan kepada mangsa-mangsa ini.

Dato' Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Di samping mengetahui bahawa setiap bangunan yang dibina itu juga memerlukan kelulusan Jabatan Bomba, mengikut undang-undang dan piawaian yang sepatutnya dan tentu sekali kita tidak mahu berlakunya apa-apa kemalangan seperti kebakaran. Walau bagaimanapun, soalan saya ialah apakah Jabatan Bomba telah ada segala kelengkapan dan persediaan juga keanggotaan yang berupaya dan mencukupi andainya berlaku sesuatu kebakaran di bangunan-bangunan tinggi yang banyak di Kuala Lumpur sekarang ini?

Tuan Peter Chin Fah Kui: Memang kita yakin pihak anggota bomba boleh menghadapi masalah seperti berlaku kebakaran di dalam bangunan tinggi. Sebenarnya dari awalnya, reka bentuk bangunan tersebut telah diperiksa dari segi pelannya. Segala kemudahan mengenai usaha melawan kebakaran perlu ditetapkan di dalam reka bentuk bangunan tersebut. Oleh sebab itu, kalau ada berlaku kebakaran di dalam bangunan tinggi ini, anggota bomba menggunakan kemudahan-kemudahan atau kelengkapan yang wajib sedia ada di dalam bangunan tersebut.

Mengenai keupayaan anggota bomba, memang kita ada latihan dari segi cara atau ciri-ciri untuk memadamkan api di dalam bangunan tinggi ini dan saya rasa setakat ini kita ada keupayaan keanggotaan yang cukup untuk memadamkan kebakaran di dalam bangunan tersebut.

BUDAYA MEMANDU DENGAN CERMAT - KURIKULUM SEKOLAH MEMANDU

5. **Datuk Abu Seman bin Haji Yusof [Alor Gajah]** minta Menteri Pengangkutan menyatakan bahawa budaya memandu dengan cermat dan berdisiplin belum menjadi budaya rakyat Malaysia, adakah Kementerian Pengangkutan mengawasi kurikulum sekolah memandu untuk memastikan bahawa topik-topik seperti etika jalan raya juga diberikan selain dari undang-undang jalan raya.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan [Dato' Chor Chee Heung]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Dewan yang mulia ini, saya sememangnya sedar bahawa budaya memandu dengan cermat dan berdisiplin masih belum menjadi budaya rakyat Malaysia. Justeru itu, bagi mendisiplinkan pemandu supaya berhemah tinggi, kurikulum belajar memandu di sekolah-sekolah dan di institut memandu telah pun dikemaskini dengan memasukkan aspek etika dan sikap pemandu ketika memandu di jalan raya. Ini juga termasuklah pengurusan stress, kesihatan dan keselamatan pemandu dan lain-lain aspek mengenai keselamatan semasa memandu di jalan raya.

Tuan Yunus bin Rahmat: Tuan Yang di-Pertua, kita ucap tahniah kepada Kementerian Pengangkutan di atas kesedaran betapa pentingnya KBSM ini dipinda. Cuma saya ingin tahu, selain daripada aspek stress dan juga pemeriksaan kesihatan ditekankan kepada KBSM ini, apakah ciri-ciri ataupun perkara-perkara baru yang dimasukkan di dalam KBSM ini dan juga kurikulum PSV dan GDL yang juga merupakan penting di'highlight'kan kepada pemandu-pemandu sama ada dari segi teori dan praktikal yang akan dikuatkuasakan oleh pihak kementerian.

Dato' Chor Chee Heung: Terima kasih Yang Berhormat dari Jelebu. Sebagai seorang bekas pegawai di JPJ memang beliau amat prihatin terhadap keselamatan jalan raya. Tahniahlah.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai kurikulum baru yang akan dilaksanakan oleh pihak JPJ, ingin saya memberitahu Dewan yang mulia ini, kita sedang menumpu kepentingan kepada dua golongan. Yang pertama, golongan yang ingin mendapat Lesen Memandu Kenderaan Perkhidmatan Awam (PSV) dan golongan yang kedua adalah kepada orang-orang yang ingin mendapat Lesen Memandu Kenderaan Perdagangan (GDL).

Bagi dua golongan ini mulai 2 Mei 1998 iaitu tahun ini, pihak JPJ telah pun memperkenalkan sukatan-sukatan baru dalam KBSM atau Kurikulum Baru Sekolah Memandu supaya semua orang yang ingin mendapat dua jenis lesen tersebut akan mengikuti sekurang-kurangnya lima setengah jam bagi permohonan Lesen Memandu Kenderaan Perkhidmatan Awam (PSV) dan empat setengah jam bagi orang yang ingin mendapat Lesen Kenderaan Perdagangan (GDL) di mana dalam waktu-waktu ini mereka akan diberikan latihan khususnya dari segi - apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat - dari sudut kesihatan di mana mereka harus mengetahui betapa pentingnya kesihatan mereka jika ingin mendapat lesen tersebut dan selain daripada itu juga mereka diberi teori dari segi semua aspek keselamatan semasa di jalan raya.

Salah satu aspek ialah pengurusan stress memandangkan kita sekarang ini telah mencatatkan pertambahan hingga lebih kurang 8.2 juta kenderaan di negara kita, maka pengurusan stress salah satu subjek atau topik yang agak penting sebab kita juga ingin mengelakkan peristiwa-peristiwa yang terlibat dengan road bully dan lain-lain. Ini adalah tekanan di dalam sukatan-sukatan baru KBSM.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, tindakan memandu tidak cermat ini kadang-kadang dilakukan oleh orang yang sama beberapa kali dan salah satu cara yang berkesan ialah supaya mereka ini ditiadakan di atas jalan raya. Dahulu, pihak kementerian telah memperkenalkan satu skim ataupun satu program yang dinamakan KEJARA di mana sistem point akan diberikan dan mereka yang telah melakukan banyak kesalahan sehingga mencapai satu taraf point, lesennya dimatikan secara automatik. Apa berlaku kepada sistem ini sekarang dan adakah ianya masih berjalan seperti biasa?

Dato' Chor Chee Heung: Terima kasih Yang Berhormat dari Machang. Memang betul sistem KEJARA iaitu Keselamatan Jalan Raya ialah salah satu pendekatan di bawah penguatkuasaan dan sistem ini masih wujud, masih berjalan dengan lancar. Untuk makluman Dewan yang mulia ini pula pada tahun lepas, terdapat beribu-ribu - saya tidak dapat angka yang tepat - pemandu kenderaan semua jenis yang telah didapati mencatatkan point de merit di bawah sistem ini dan jika sesiapa yang mencatatkan melebihi 15 point, maksud kata, lesen mereka akan digantung.

Pada tahun yang lepas terdapat melebihi dua ratus pemandu yang telah menerima notis supaya lesennya digantung dari tiga bulan hingga enam bulan dan kita masih menekankan pendekatan ini sebagai salah satu pendekatan di bawah sistem menjaga keselamatan jalan raya di mana pendekatan pertama ialah mengenai kejuruteraan, yang kedua, pendidikan dan yang ketiga ialah penguatkuasaan. Sistem KEJARA adalah salah satu cara penguatkuasaan. Bagi Kementerian Pengangkutan, kita berpendapat bahawa sistem KEJARA ini amat efektif. Seperti yang dicadangkan oleh Yang Berhormat, jika pemandu tidak berhemat, sentiasa bersalah di jalan raya, maka lesen mereka akan digantung dan tidak dibenarkan untuk memandu.

Tuan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat Tuan Liew Ah Kim.

*[**Soalan No. 6** - Y.B. Tuan Liew Ah Kim (Seputeh) tidak hadir]*

PERMOHONAN HAKMILIK STRATA

7. **Tuan Chia Kwang Chye [Bukit Bendera]** minta Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi menyatakan:-

(a) berapakah bilangan pemaju perumahan yang gagal mengemukakan permohonan surat hakmilik strata di dalam tempoh masa yang disyaratkan dalam undang-undang sehingga kini; dan

(b) apakah sebab-sebab yang diberi oleh pemaju perumahan di atas kegagalan mereka mengemukakan permohonan surat hakmilik strata di dalam tempoh masa yang disyaratkan.

Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi [Dr. Goh Cheng Teik]: Tuan Yang di-Pertua,

(a) Kementerian tidak mempunyai maklumat mengenai bilangan pemaju yang gagal mengemukakan permohonan untuk hakmilik strata. Walau bagaimanapun, berdasarkan aduan-aduan yang telah diterima, pemaju tidak mengemukakan permohonan untuk hakmilik strata atas alasan-alasan seperti berikut;

(i) urusan tanah yang belum selesai seperti penyatuan tanah-tanah, pecah sempadan tanah dan penyerahan serta pemberimilikan tanah;

(ii) caveat persendirian yang belum ditarik balik menjadi penghalang untuk urusan penyerahan balik sebahagian tanah;

(iii) pelan bangunan telah hilang;

(v) pelan bangunan tidak menepati kehendak Akta Hakmilik Strata;

(v) tanah masih di bawah hakmilik sementara dan pelan akui belum lagi diluluskan;

(vi) syarikat pemaju dalam proses liquidasi; dan

(vii) pertikaian di antara pemaju dan pembeli mengenai siapa yang patut bayar upah ukur.

Tuan Hoo Seong Chang: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Mengenai hakmilik strata ini, biasanya syarat-syarat akan dikenakan terhadap pemaju-pemaju yang asal yang bertanggungjawab untuk mengemukakan permohonan surat hakmilik strata dalam satu tempoh yang ditetapkan tetapi bagaimana keadaannya kalau pemaju asal ini telah lepas tangan ataupun menjualkan projek ini kepada pemaju yang baru. Adakah pemaju baru ini cuma boleh membantu pemilik-pemilik untuk mendapat surat hakmilik strata ataupun dia juga diwajibkan untuk mengemukakan surat hakmilik strata dalam satu tempoh yang ditetapkan sebab di kawasan saya iaitu di kawasan Kluang ini, ada satu projek seumpama ini dan telah pun mengambil masa yang begitu lama.

Dr. Goh Cheng Teik: Tuan Yang di-Pertua, sekiranya berlaku penjualan skim perumahan itu kepada pemaju yang baru kita akan teliti dan saya akan melihat kes yang tertentu dan meminta nasihat daripada penasihat undang-undang.

Tuan Chia Kwang Chye: Tuan Yang di-Pertua, apakah tindakan yang telah diambil ke atas pemaju-pemaju yang lewat atau enggan membuat permohonan untuk hakmilik strata dan berapakah yang telah dibawa atau didakwa di mahkamah dan adakah benar bahawa terdapat agensi-agensi kerajaan yang juga bertanggungjawab lewat dalam memproseskan permohonan ini?

Dr. Goh Cheng Teik: Tuan Yang di-Pertua, seperti saya katakan tadi, kementerian tidak mempunyai maklumat mengenai bilangan pemaju yang gagal mengemukakan permohonan untuk hakmilik strata. Oleh yang demikian, pada tahun lalu iaitu pada 26 Jun 1997, kementerian telah melancarkan satu kempen dan meminta orang ramai, pembeli yang berkenaan supaya mengadu kepada kementerian dan memberi butir-butir yang berkenaan. Daripada kempen ini, kita dapat mengenal pasti sebanyak 127 pemaju kebanyakannya di Wilayah Persekutuan di mana kempen ini dikonsentrasikan dan daripada 127 pemaju ini, 111 telah jawab dan sedang menguruskan permohonan. Hanya 16 masih belum jawab atau tidak dapat dikenal pasti.

Tentang tindakan yang diambil mengikut seksyen 8 Akta Hakmilik Strata, pemaju boleh dibawa ke mahkamah dan negeri Pulau Pinang dan Negeri Sembilan pernah membawa pemaju ke mahkamah, negeri-negeri lain sedang dalam tindakan dan Ketua Pengarah Tanah dan Galian telah pun mengemukakan arahan kepada PTG supaya tindakan mahkamah diambil terhadap pemaju-pemaju yang terus gagal memohon hakmilik strata.

Tentang agensi-agensi kerajaan, kami ada berdialog dengan agensi-agensi yang berkenaan dan mereka pun diminta bekerjasama selepas menyelesaikan masalah-masalah yang mereka hadapi terutama masalah tanah.

GULA - PENGELUARAN

8. **Dato' Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan [Larut]** minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan:-

(a) jumlah pengeluaran gula tiap-tiap bulan dan jumlah import gula dari luar negara/ barang mentah; dan

(b) berapa banyakkah pengeluaran gula yang bergantung kepada penanaman tebu di Malaysia.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Datuk Tan Chai Ho]: Tuan Yang di-Pertua, jumlah pengeluaran gula tiap-tiap bulan bagi tahun 1996 dan 1997 adalah seperti berikut:

Bulan	1996 (Metrik Tan)	1997 (Metrik Tan)
Januari	101,849.60	110,359.96
Februari	76,874.05	63,328.98
Mac	102,278.55	108,069.94
April	90,262.85	92,301.90
Mei	94,245.85	102,158.54
Jun	94,549.24	86,010.65
Julai	90,945.25	95,691.85
Ogos	105,884.28	114,804.27
September	91,131.68	108,099.51
Oktober	91,883.66	84,328.25
November	88,764.74	97,493.12
Disember	84,283.20	108,160.63
JUMLAH	1,112,952.95	1,170,807.60

Untuk makluman, Malaysia hanya mengimport gula mentah dan jumlah yang diimport bagi tahun 1996 adalah 747,720 metrik tan dan bagi tahun 1997 adalah 765,606 metrik tan.

Tuan Yang di-Pertua, penanaman tebu di Malaysia menyumbang sebanyak 20% daripada keseluruhan gula mentah yang diperlukan oleh industri gula tempatan.

Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Masalah kekurangan gula telah menggemparkan rakyat Malaysia baru-baru ini. Soalan saya, adakah menjadi kebiasaan bagi kementerian mengeluarkan kenyataan media massa dan elektronik kenaikan harga gula diberitahu lebih awal hingga menyebabkan peniaga-peniaga yang tidak bertanggungjawab menyorokkan gula sehingga tarikh yang ditentukan?

Datuk Tan Chai Ho: Tuan Yang di-Pertua, kerajaan telah mengisytiharkan lebih awal akan kenaikan harga gula bagi membolehkan pengilang membuat persediaan awal untuk mengimport gula mentah bagi tujuan memproses. Jika tidak, mereka akan mengalami kerugian besar dan kita sebagai pengguna memang tidak mendapat bekalan gula dan pada masa itu, kenaikan gula tidak boleh dibuat serta-merta kerana rakyat kita juga akan menyambut perayaan berkembar. Itu sebab kita hendak umumkan kenaikan harga gula lebih awal.

Tuan Md. Isa bin Sabu: Tuan Yang di-Pertua, negeri saya adalah negeri pengeluar gula tetapi kami juga selalu kekurangan gula apabila masa-masa tertentu. Itu menyedihkan sekali kerana gula adalah barangan kawalan. Jadi saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat Datuk Setiausaha Parlimen bagaimanakah gerakan kawalan kementerian untuk memastikan bahawa barangan kawalan ini termasuk gula, tepung dan sebagainya tidak disorok dan dibanteras kegiatan untuk menyeludup keluar dari negara ini terutama sekali di pekan-pekan di sempadan antarabangsa termasuk di Kangar, Padang Besar, Kuala Perlis dan sebagainya.

Datuk Tan Chai Ho: Tuan Yang di-Pertua, dari segi bekalan, semua barang kawalan di negara kita adalah mencukupi dan harganya masih rendah jika dibandingkan dengan negara-negara jiran. Untuk mengawal semua barang kawalan di negara ini dari segi bekalan dan harganya, penguatkuasa kementerian ini selalu menjalankan pemeriksaan ke atas premis-premis perniagaan dan sesiapa yang melanggar atau tidak mematuhi akta dan peraturan-peraturan kementerian ini, mereka akan diambil tindakan. Pada masa ini, sesiapa yang membawa barang-barang kawalan seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat iaitu gula, tepung, susu pekat manis dan minyak masak, sesiapa yang membawa melebihi dua kilo mereka akan diambil tindakan dan sesiapa yang melakukan kesalahan ini akan didenda maksimum RM15,000 atau dua tahun penjara. Jadi, ini adalah satu cara untuk menghentikan penyeludupan barangan kawalan ke luar negara.

PELANCONG - JUMLAH/GALAKAN

9. **Tuan Yeong Chee Wah [Batu Gajah]** minta Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan menyatakan pada 1995, 1996 dan 1997, berapakah bilangan rakyat Malaysia yang melancong ke luar negeri dan berapa ramai melancong di dalam negeri. Berapa banyakkah telah dibelanjakan oleh mereka untuk kedua-dua kategori:

(a) dalam keadaan krisis ekonomi sekarang ini, adakah galakan melancong tempatan di kalangan rakyat Malaysia membantu ekonomi negara dan bagaimana; dan

(b) adakah Menteri setuju atau tidak, kos bilik hotel di sini (Malaysia) lebih mahal berbanding kos bilik hotel di luar negeri.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan [Dato' Mohd. Noh bin Rajab]: Tuan Yang di-Pertua, menurut perangkaan, bilangan penduduk Semenanjung Malaysia yang melancong ke luar negara bagi tahun 1995, 1996 dan 1997 adalah seperti berikut:

TAHUN	JUMLAH	PERBELANJAAN
1995	6.9 juta	RM3.5 bilion
1996	7.5 juta	RM4.3 bilion
1997	7.51 juta	RM4.2 bilion

Bagi makluman Dewan yang mulia ini, kementerian tidak mempunyai data yang lengkap mengenai bilangan penduduk Malaysia yang melancong di dalam negeri kerana buat ketika ini kajian masih dijalankan berkenaan dengan pelancongan domestik.

Tuan Yang di-Pertua, peningkatan usaha menggalakkan rakyat Malaysia melancong di dalam negeri telah mengurangkan bilangan mereka yang membuat lawatan ke luar negara. Kegiatan tersebut dapat membendung pengaliran pertukaran wang asing dari negara ini dan membantu mengukuhkan nilai ringgit Malaysia berbanding dengan nilai mata wang asing.

Kos sewa bilik hotel di negara ini adalah masih murah berbanding dengan negara luar. Pada tahun 1997 purata kos sewa bilik hotel negara ini adalah sebanyak RM97. Dengan kadar harga ini dan dengan mempunyai kemudahan dan perkhidmatan yang berkualiti selaras dengan skim pengkelasan hotel - star rating, dengan izin, maka kos sewa bilik hotel bagi negara ini adalah competitive.

Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bagi membantu kegawatan ekonomi terutamanya masalah krisis yang melanda negara kita, sepatutnya adakah Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan dapat menentukan bahawa kebanyakan hotel-hotel di negara kita tidak menggunakan barang-barang yang diimport. Kita dapati bahawa terdapat di hotel-hotel terutama bertaraf Lima Bintang yang mana kalau kita mahu minum kopi pun tidak ada yang local coffee. Begitu juga dengan air mineral (mineral water), kebanyakannya diimport. Jadi, adakah Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, di dalam usaha hendak membantu kegawatan ekonomi negara dapat menentukan bahawa hotel-hotel tempatan ini dapat menggunakan barangan tempatan.

Dato' Mohd. Noh bin Rajab: Tuan Yang di-Pertua, bukan hanya kementerian sahaja yang menggalakkan rakyat negara kita menggunakan barangan tempatan. Kita telah berbincang dan 'Bapak' menteri selalu menekankan di sini bahawa setiap rakyat Malaysia sepatutnya menggunakan barang-barang tempatan dahulu. Walau bagaimanapun, untuk menjawab soalan daripada Yang Berhormat tadi, kalau Yang Berhormat bertujuan untuk diadakan satu undang-undang, saya rasa Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancong diberi bidang tugas yang terkeluar daripada membentangkan undang-undang berkenaan dengan pembinaan dan penggunaan barang-barang di hotel.

Walau bagaimanapun, kita sedar bahawa salah satu tujuan kita, selain daripada menggalakkan rakyat Malaysia menggunakan barangan tempatan, kita juga mempromosikan produk-produk pelancongan di sini termasuk juga penginapan di hotel-hotel dan kementerian sentiasa memanggil tuan punya hotel i.e persatuan-persatuan mereka, untuk berbuat demikian dan mengurangkan kos sewa bilik dan harga barang-barang yang didapati di hotel-hotel. Saya berharap Yang Berhormat berpuas hati, dengan perkara ini.

Tuan Yeong Chee Wah: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Untuk menggalakkan 'inbount tour' dan juga rakyat jelata melancong di dalam negeri, maka saya ingin bertanya Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, adakah apa-apa insentif-insentif fiskal yang akan diberi kepada syarikat-syarikat, hotel-hotel atau mana-mana pihak berkenaan untuk menarik lebih ramai pelancong-pelancong yang melancong di dalam negeri.

Dato' Mohd. Noh bin Rajab: Tuan Yang di-Pertua, kalau maksud Yang Berhormat insentif yang dipandang daripada wang ringgit, kerajaan ada memberi potongan cikai kepada syarikat-syarikat yang dapat memperolehi pendapatan daripada

kegiatan-kegiatan membawa pelancong-pelancong untuk dibelanjakan melalui beberapa kaedah.

Salah satu yang ditekankan ialah kepada pendapatan yang diperolehi apabila syarikat-syarikat pelancongan ini dapat membawa pelancong-pelancong luar negeri untuk berseminar, bermesyuarat dan lain-lainnya. Daripada aspek yang lain, kita bekerjasama dengan semua pihak untuk mempromosikan destinasi-destinasi dan produk-produk pelancongan agar tempat-tempat (produk-produk) ini sentiasa di dalam makluman mereka yang hendak datang melancong dan ini menambahkan pendapatan kepada syarikat-syarikat pelancongan. Kegiatan ini memang kita lakukan sepanjang tahun.

CD-ROM/LAMAN INTERNET - MENYELEWENG DARI AJARAN ISLAM

10. **Dr. Sanusi bin Daeng Mariok [Rantau Panjang]** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan apakah tindakan yang telah diambil bagi mengatasi pengedaran bahan-bahan seumpama CD-Rom, yang mengandungi ajaran-ajaran yang bercanggah dan menyeleweng dari ajaran Islam, laman Internet yang memburuk-burukkan Islam, menyebarkan dakyah Kristian dan sebagainya. Sila nyatakan kejayaan yang telah dicapai setakat ini.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali]: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Dalam Negeri dan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) telah mengambil beberapa langkah bagi membanteras pengedaran bahan-bahan penerbitan yang negatif termasuk CD-Rom ataupun laman Internet yang mengandungi ajaran-ajaran yang bercanggah dengan ajaran Islam dan yang memburuk-burukkan Islam. Di antara langkah-langkah yang tersebut ialah:

(i) mengadakan pertemuan dengan pihak yang telah dikenal pasti menerbit dan mengedarkan bahan-bahan penerbitan negatif termasuk CD-Rom yang boleh mengelirukan masyarakat Islam. Tujuannya ialah bagi menerangkan garis panduan yang telah ditetapkan mengenai bahan-bahan penerbitan;

(ii) melakukan pemeriksaan mengejut di premis-premis penerbit, pengimport dan pengedar bahan-bahan penerbitan termasuk CD-Rom dan merampas penerbitan-penerbitan berkenaan sekiranya ditemui;

(iii) mengadakan kawalan di pintu-pintu masuk bagi mencegah bahan-bahan penerbitan termasuk CD-Rom yang boleh mengelirukan masyarakat Islam; dan

(iv) bagi menangkis kegiatan yang memburuk-burukkan Islam di laman Internet, pihak JAKIM sentiasa memberikan jawapan balas ataupun penjelasan melalui homepage atau laman Internet JAKIM.

Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana bidang kuasa yang berkait dengan agama Islam banyak bergantung dengan jabatan agama Islam negeri-negeri, apakah diadakan satu penyelarasan dan kerjasama oleh pihak kementerian dengan jabatan agama Islam negeri-negeri supaya mengambil tindakan yang lebih berkesan sekiranya berkait dengan bidang kuasa kerajaan negeri?

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, kerajaan memang mengadakan penyelarasan dengan jabatan-jabatan agama Islam negeri melalui JAKIM.

Dr. Sanusi bin Daeng Mariok: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Banyak usaha dan langkah yang telah diambil oleh kementerian bagi membendung gejala-gejala yang negatif ini, saya ingin tahu sejauh manakah kejayaan usaha-usaha yang telah dilakukan.

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, penerbitan yang berbentuk CD-Rom yang menyebarkan akidah yang bercanggah dengan ajaran Islam atau yang mengkritik agama Islam, jumlahnya amat kecil. Setakat ini pihak JAKIM telah menahan sejumlah empat CD-Rom yang berbentuk sedemikian dan ianya adalah diimport dari Dubai. Di samping itu, JAKIM juga telah berjaya menyekat usaha pihak luar untuk menerbitkan CD-Rom mengenai falsafah sufi di Malaysia yang secara tidak langsung akan memberikan kesan negatif kepada agama Islam di negara ini.

Kebanyakan penerbitan yang ditemui adalah penerbitan agama asing yang cuba disebarkan kepada masyarakat Islam di negara ini. Kebanyakan penerbitan tidak dicatat nama penerbit dan pencetaknya. Hanya sebahagian kecil daripada penerbitan tersebut yang dicatatkan nama penerbit dan pencetaknya. Berdasarkan rekod yang ada di kementerian ini sesetengah penerbitan tersebut diterbit dan dicetak di luar negara termasuk Britain, Amerika, Australia dan juga Indonesia. Sesetengah penerbitan pula adalah dipercayai diterbit dan dicetak di dalam negara ini.

Pada tahun 1996, kementerian ini telah menahan sejumlah 61 tajuk penerbitan yang melibatkan sejumlah 513 naskhah penerbitan agama lain, manakala pada tahun 1997, kementerian telah menahan sejumlah 404 naskhah penerbitan agama lain.

BARANGAN EMAS - JUMLAH NILAI IMPORT/EKSPORT

11. **Tuan Fu Ah Kiow [Mentakab]** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan:

(a) jumlah nilai import dan eksport barangan emas pada tahun 1995, 1996 dan 1997. Sila nyatakan pasaran utama eksport barangan emas buatan Malaysia; dan

(b) apakah potensi dan rancangan kementerian dalam membangunkan sektor ini.

Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Dato' Kerk Choo Ting]: Tuan Yang di-Pertua,

(a) Jumlah nilai import barangan emas bagi tahun-tahun tersebut ialah:

TAHUN	NILAI IMPORT
1995	RM39.4 juta
1996	RM44.1 juta
1997	RM37.2 juta

manakala nilai eksport pula ialah:

TAHUN	NILAI EKSPORT
1995	RM 1.2 bilion
1996	RM 1.1 bilion
1997	RM 1.0 bilion

Pasaran utama eksport barangan emas ini ialah Singapura, Hong Kong, Jepun, United Arab Emirate dan Brunei.

(b) Industri ini mempunyai potensi pasaran yang luas bukan sahaja di dalam negeri tetapi juga untuk pasaran eksport. Perkembangan sektor pelancongan yang menggalakkan dan meningkatnya permintaan luar negeri terhadap produk ini membolehkan sektor ini berkembang dengan pesatnya. Kerajaan memberi galakan melalui Akta Penggalakan Pelaburan 1986 dengan memberikan perakuan perintis (pioner status) atau elaun cukai pelaburan (investment tax allowances) kepada syarikat-syarikat yang menceburi dalam sektor ini secara integrated.

Selain daripada itu, pengecualian cukai import bagi gold 'bullion', dengan izin, diberikan kepada syarikat-syarikat yang menggunakan untuk penghasilan keluaran untuk pasaran eksport. Pengecualian cukai import juga diberikan untuk mesin dan komponen bagi industri ini.

Tuan Fu Ah Kiow: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah perkhidmatan teknikal yang telah disediakan oleh kerajaan untuk membantu pembangunan sektor ini dan bagaimana kita memastikan barangan emas yang dieksport dan dijual di kedai-kedai emas tempatan mengikut kualiti sepertimana yang telah dinyatakan?

Dato' Kerk Choo Ting: Tuan Yang di-Pertua, seperti Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, swasta adalah 'engine of growth' untuk industri. Oleh sebab itu, ini terpulanglah kepada swasta untuk mencari apa-apa mekanisme atau apa-apa teknologi yang diperlukan. Sama ada barangan kemas ini adalah tulen ataupun tidak, memang ada yang tulen dan ada yang tidak. Kita mengelakkan semua itu, ini terpulang kepada pembeli untuk mengenal pasti apa yang tulen dan apa yang tidak.

PENCEMARAN SUNGAI DI JOHOR - TINDAKAN PENGAWALAN

12 **Tuan Chang See Ten [Gelang Patah]** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan sama ada beliau sedar bahawa 4 batang sungai di Negeri Johor telah menghadapi pencemaran yang serius dan 12 batang sungai di Negeri Johor menghadapi pencemaran sederhana dan:

(a) apakah tindakan pengawalan yang lebih berkesan untuk mencegah pencemaran yang lebih serius terhadap 12 batang sungai yang menghadapi pencemaran sederhana; dan

(b) bagaimanakah kementerian dapat membaikpulih kualiti air 4 batang sungai yang menghadapi pencemaran yang serius, nama-nama sungai itu ialah:

(i) Sungai Segget, Johor Bahru;

(ii) Sungai Pasir Gudang, Johor Bahru;

(iii) Sungai Baloi, Pontian; dan

(iv) Sungai Rambah, Pontian.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar [Dato' Abu Bakar bin Daud]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar memang sedar bahawa terdapat empat batang sungai menghadapi pencemaran yang serius dan dua belas batang sungai menghadapi pencemaran sederhana di negeri Johor.

Tindakan pengawalan sentiasa dijalankan oleh kementerian ini melalui Jabatan Alam Sekitar ke atas semua sungai di Malaysia termasuk empat batang sungai yang menghadapi pencemaran serius dan dua belas batang sungai yang menghadapi pencemaran sederhana di negeri Johor menerusi program-program berikut:-

(i) pengawasan kualiti air sungai di seluruh Malaysia sepanjang tahun;

(ii) penguatkuasaan terhadap kilang-kilang yang menjadi punca pencemaran;

(iii) menentukan kilang-kilang baru memasang peralatan kawalan pencemaran dan menjalankan program kesedaran awam.

Tugas membaikpulih kualiti air di empat batang sungai berkenaan tidak terletak di bawah bidang kuasa Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar. Tanggungjawab kementerian ini adalah untuk mengesan, mengawasi pencemaran sungai dan melaporkan kepada pihak-pihak berkuasa yang berkenaan.

Tuan Chia Kwang Chye: Tuan Yang di-Pertua, memandangkan ada lain-lain sungai di negara kita, melainkan empat sungai ini di Johor yang menghadapi masalah pencemaran, dan oleh sebab sungai-sungai di negara kita ada di bawah tanggungjawab Jabatan Pengaliran dan Sungai, apakah tindakan yang telah diambil oleh Jabatan Alam Sekitar atau kementerian Yang Berhormat Timbalan Menteri supaya JPS memastikan sungai-sungai di Malaysia adalah dalam keadaan bersih dan tidak menjejaskan kesihatan rakyat Malaysia?

Dato' Abu Bakar bin Daud: Terima kasih, Yang Berhormat dari Bukit Bendera. Tugas membaik pulih kualiti air sungai-sungai yang tercemar adalah di bawah tanggungjawab pihak berkuasa kerajaan negeri yang berkenaan. Jadi, peranan agensi-agensi Persekutuan adalah untuk memberi nasihat dari segi teknikal bagi dilaksanakan oleh pihak-pihak berkuasa di negeri tersebut dan ini terpulanglah kepada pihak-pihak berkuasa kerajaan negeri tersebut untuk mengambil tindakan selanjutnya.

PENYELEWENGAN DALAM FELCRA - HASIL SIASATAN

13. **Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang [Marang]** minta Menteri Pembangunan Luar Bandar menyatakan apakah hasil siasatan terhadap dakwaan penyelewengan yang berlaku dalam FELCRA selepas ianya dikorporatkan pada 1 September 1997 yang lalu.

Menteri Pembangunan Luar Bandar [Dato' Haji Annuar bin Haji Musa]: Tuan Yang di-Pertua, sukalah saya menjelaskan bahawa apa yang disebut sebagai dakwaan penyelewengan yang berlaku dalam FELCRA, sebenarnya kementerian telah menerima maklumat tentang penubuhan beberapa buah syarikat yang tidak mengikut peraturan dan kemudiannya juga didapati ada pemindahan wang daripada akaun-akaun tertentu kepada anak-anak syarikat yang ditubuh yang menimbulkan keraguan.

Dua penyiasatan telah diarahkan oleh kementerian untuk dijalankan. Peringkat pertama, kementerian mengarahkan supaya Jawatankuasa Audit Dalam untuk meneliti perkara ini, dan setelah penyiasatan itu dibuat kita dapati terdapat sebab yang munasabah untuk penyiasatan lanjut dibuat kerana didapati ada beberapa perkara yang menunjukkan peraturan-peraturan tertentu telah tidak dipatuhi dan ada pemindahan sejumlah wang yang dikhuatiri tidak dilakukan mengikut peraturan-peraturan yang ada.

Tetapi oleh kerana bidang kuasa Jawatankuasa Audit Dalam Kementerian tidak mencukupi untuk mendalami ataupun menyiasat dengan lebih lanjut ke dalam akaun-akaun terutamanya anak-anak syarikat dan cucu-cucu syarikat yang diwujudkan, maka kementerian mengambil keputusan untuk menyerahkan perkara ini kepada badan-badan penyiasatan yang mempunyai bidang kuasa yang lebih luas, termasuklah menyerahkan kepada pihak BPR untuk menyiasat lebih lanjut bagi memastikan tidak ada penyelewengan berlaku. Setakat ini, BPR masih lagi meneruskan penyiasatan.

SUKAN KUALA LUMPUR '98 - PERSEDIAAN KEMUDAHAN

14. **Tuan Zainal Abidin bin Osman [Mersing]** minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan perkembangan Kuala Lumpur 98, Sukan Komanwel XVI, seperti berikut:-

(a) berapa peratuskah persediaan kemudahan sukan dan penginapan sudah siap setakat Februari 1998; dan

(b) apakah perancangan terdekat ini berhubung dengan kemudahan yang belum sedia atau bermasalah akibat kemerosotan ekonomi sekarang.

Timbalan Menteri Belia dan Sukan [Dato' Loke Yuen Yow]: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab soalan ini bersama-sama dengan soalan Yang Berhormat dari Bukit Bendera pada 8 April 1998 berkaitan persediaan kemudahan-kemudahan pertandingan dan persediaan atlet negara untuk Sukan Kuala Lumpur '98.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Baiklah.

Dato' Loke Yuen Yow: Tuan Yang di-Pertua,

(a) Sejumlah 23 venue pertandingan diperlukan untuk Kuala Lumpur '98 Sukan Komanwel Ke-XVI. Saya suka memaklumkan bahawa dari 23 venue tersebut, 7 telah siap dibina dan boleh digunakan, iaitu:

(i) Stadium Hoki Bukit Jalil yang siap pada 28 Februari 1997;

(ii) Lapangsasar Antarabangsa Langkawi yang siap pada bulan Oktober 1997;

(iii) Mines Convention Centre, Sungai Besi yang akan digunakan untuk acara angkat berat;

(iv) Pyramid Bowl, Sunway yang digunakan untuk acara Ten-pin Bowling; dan

(v) Tiga buah padang kriket di Rubber Research Institute, Sungai Buloh; Padang Kelab Kilat, Pantai Baru; dan Kelab Diraja Selangor, Bukit Kiara siap pada Mac 1997.

Stadium Utama, Stadium Tertutup, Kompleks Renang dan Kompleks Skuasy di Kompleks Sukan Negara Bukit Jalil akan siap keseluruhannya pada akhir bulan Mei tahun ini, iaitu 1998.

Kompleks Bowling Padang dan Stadium untuk acara Bola Jaring di Bukit Kiara akan diserahkan kepada kementerian pada bulan April 1998. Stadium Tertutup Shah Alam yang baru akan digunakan untuk acara tinju.

Kementerian Belia dan Sukan juga sedang melaksanakan kerja-kerja menaik taraf kemudahan-kemudahan yang sedia ada untuk digunakan untuk Kuala Lumpur '98; iaitu:

(i) Veldrom Kuala Lumpur yang siap pada 31 Mei 1998,

(ii) Venue Hoki Wanita akan siap pada 31 Mei 1998,

(iii) Stadium Badminton Cheras yang akan siap pada 18 Mei 1998,

(iv) Lima buah padang kriket, iaitu Padang Kelab Aman; Padang PKNS, Kelana Jaya; Padang Kelab Lumba Kuda, Selangor; Padang Akademi Tentera Sungai Besi dan Padang Victoria Institute dijangka siap keseluruhannya pada 31 Mei 1998.

Bagi kemudahan penginapan pula, Kampung Sukan Komanwel pada hari ini adalah 98% siap.

(b) Tiada masalah besar yang dihadapi dalam menyediakan kemudahan-kemudahan dari segi jadual pelaksanaan atas kegawatan ekonomi baru-baru ini. Walau bagaimanapun, memandangkan Sukan Komanwel merupakan sukan yang kedua besar di dunia dan memerlukan banyak pelaburan dan penglibatan agensi-agensi kerajaan dan sektor swasta untuk membina kemudahan-kemudahan sukan, maka terdapat masalah-masalah teknikal yang timbul dari masa ke semasa.

Untuk menangani masalah yang berbangkit, kerajaan telah menubuhkan Jawatankuasa Eksekutif Majlis Sukan Komanwel yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat Menteri Belia dan Sukan untuk mengawas dengan rapi penyertaan kemudahan-kemudahan ini dan menyelesaikan masalah supaya semuanya dapat disiapkan pada akhir bulan Mei 1998. Jawatankuasa ini bertanggungjawab kepada Majlis Sukan Komanwel yang dipengerusikan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Mulut telah pun suntuk.

[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 3, 6 dan 15 hingga 47 adalah dijilid dalam naskhah berasingan]

USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 18(1)

Pergaduhan Dan Ketegangan Antara Agama di Pulau Pinang

3.35 ptg.

Tuan Haji Nik Mohd. Amar bin Haji Nik Abdullah [Pengkalan Chepa]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin untuk mengemukakan Usul menangguhkan Majlis Mesyuarat di bawah Peraturan 18(1) bagi membincangkan isu pergaduhan dan ketegangan antara agama di Pulau Pinang.

Dengan hormat takzim saya merujuk perkara atas, bahawa Dewan ini membenarkan Yang Berhormat Tuan Haji Nik Mohd. Amar bin Haji Nik Abdullah, Ahli Parlimen Pengkalan Chepa mengemukakan Usul, perkara tertentu, berkepentingan orang ramai dan berkehendak disegerakan di bawah Peraturan 18(1), supaya Majlis Mesyuarat ini ditangguhkan bagi membincangkan isu pergaduhan dan ketegangan antara agama di Pulau Pinang.

Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin memberikan ingatan kepada semua pihak bahawa Usul di bawah Peraturan 18(1) ini ditimbulkan atas rasa kesedaran dan tanggungjawab kita sebagai rakyat negara ini untuk memelihara keharmonian, keamanan dan kemakmuran negara berlandaskan dasar dan pentadbiran yang bersih, cekap dan amanah, di samping menjunjung kedaulatan Allah S.W.T. berdasarkan tuntutan konsep Uluhiyah dan Rububiyah Allah S.W.T.

Bertolak dari asas ini, saya ingin menyatakan bahawa sikap kita tentang toleransi kehidupan beragama yang sedia ada dalam negara ini perlu dilihat dan dipelihara berdasarkan tiga faktor asasi, iaitu momentum sejarah, akar umbi budaya warga asal negara ini dan kedudukan Islam sebagai Agama Persekutuan seperti yang tercatat dalam Perlembagaan negara. Sesuai dengan hakikat ini, tanpa menafikan kebebasan mengamalkan agama masing-masing bagi setiap rakyat dan penduduk Malaysia, saya kira tidak ada sebab mengapa negara kita yang dikatakan sudah 40 tahun merdeka tidak mampu untuk membentuk identiti sendiri berdasarkan ketiga-tiga faktor di atas.

Suka saya tegaskan bahawa dalam membangkitkan isu ini, saya tidak mempunyai niat untuk menyekat amalan beragama bagi mana-mana pihak yang bukan beragama Islam. Walau bagaimanapun, saya melihat sikap overzealous atau semangat yang berlebihan kalau pun tidak dapat dikatakan sebagai taksub atau fanatik keagamaan di kalangan para penganut agama Hindu di negara ini sehingga membina kuil di merata tempat tanpa kebenaran pihak berkuasa tempatan, telah menimbulkan anarki dan kemaharajalelaan dan menafikan identiti perdana kehidupan beragama di negara ini. Sikap ini akhirnya mencetuskan pertembungan dan permusuhan yang sepatutnya tidak berlaku.

Hujah saya ini yang menekankan perlunya kebijaksanaan dan ketegasan pentadbiran tidak bertentangan dengan pandangan Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Pulau Pinang sendiri. Izinkan saya petik sedikit kenyataan rasmi beliau:

"Pada beberapa hari kebelakangan ini, keadaan tegang telah timbul dan kian meningkat dalam kawasan sekeliling Masjid Kampung Rawa, Sungai Pinang dan Kuil Hindu yang dibina dan dibesarkan tanpa keizinan pihak berkuasa dan tuan tanah. (Lot 931, 932, 933 dan 510 syarikat Cina).

2. Atas sebab-sebab keselamatan bagi semua pihak dan atas nasihat pihak Polis, Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah memutuskan untuk memagar dan menutup halaman kuil tersebut dan tidak membenarkan sesiapa pun memasuki halaman kuil itu.

3. Pihak Kuil telah memohon tapak kekal dan bersedia berpindah. Kerajaan membantu memindahkan kuil tersebut ke satu tapak yang kekal yang sesuai secepat mungkin."

Tuan Yang di-Pertua, setiap pihak yang cintakan keamanan pasti berasa sedih dan dukacita di atas tragedi pergaduhan agama di Kampung Rawa itu. Tragedi ini sebenarnya boleh dielakkan jika:

(i) Majlis Perbandaran Pulau Pinang bertindak segera, iaitu sewaktu didirikan patung sahaja, bukan menunggu sehingga terdirinya 4 buah kuil sudah sedia ada di sekitar kawasan berkenaan;

(ii) perspektif mengenai toleransi beragama seperti yang dijelaskan di atas benar-benar difahami dan dihormati oleh pihak bukan Islam;

(iii) peranan institusi seperti IKIM, YADIM, JAKIM dan sebagainya dalam menyebarluaskan gambaran Islam sebenar dan dilaksanakan secara berkesan, bukan sebaliknya menyebarluaskan Islam ala-Amerika atau Islam ala-Orientalis untuk mengambil hati kuasa-kuasa besar dan memikat pelabur asing tanpa memikirkan akibat dari sikap tersebut;

(iv) pemerintah menghalang pihak bukan Islam bersikap 'overzealous' dengan menggubal undang-undang sekatan dan pengembangan agama bukan Islam terhadap masyarakat Islam;

(v) menubuhkan Jawatankuasa Penyiasat Bebas mengenai tragedi pergaduhan dan ketegangan agama yang berlaku di Pulau Pinang dan memperakukan syor-syor untuk digunapakai dalam menentukan dasar-dasar toleransi keagamaan di negara ini pada masa yang akan datang.

Justeru itu, Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya tegaskan tanpa sebarang 'ulterior motives', Usul ini tertentu, berkepentingan umum dan perlu disegerakan. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu Pemberitahu Usul di bawah Peraturan Mesyuarat 18(1) daripada Ahli Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa pada 31 Mac 1998 jam 1.50 tengah hari. Teks Usul itu adalah seperti yang dibacakan tadi oleh Yang Berhormat yang berkenaan.

Bagi membolehkan perkara ini dipertimbangkan oleh Majlis Mesyuarat hari ini, saya sebagai Yang di-Pertua hendaklah berpuas hati bahawa perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat itu memenuhi tiga syarat. Syarat yang pertama ialah bahawa perkara itu adalah perkara yang tertentu. Syarat yang kedua ianya adalah bagi kepentingan orang ramai, dan syarat yang ketiga ia berkehendak disegerakan.

Saya telah meneliti perkara ini dan saya dapati bahawa perkara ini adalah perkara yang tertentu dan ianya adalah bagi kepentingan orang ramai. Namun demikian, pada fikiran saya perkara ini tidak perlu disegerakan. Mengikut Usul ini, perkara ini telah pun selesai di atas nasihat polis dan Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan pihak Kuil pun telah bersedia untuk berpindah dan memohon tapak lain. Kerajaan negeri pula bersetuju membantu memindahkan Kuil yang tersebut kepada satu tapak yang kekal secepat mungkin. Yang demikian, keadaan di Pulau Pinang hasil dari tindakan ini, sekarang telah dapat dibendung dan perkara ini tidak perlu dibahaskan lagi.

Selain daripada itu, Usul ini lebih merupakan satu ucapan merayu kesemua kaum di negara kita hidup menghormati di antara satu sama lain. Oleh yang demikian, saya menolak Usul ini.

USUL

UCAPAN TERIMA KASIH KEPADA SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung perbahasan yang ditangguhkan atas masalah:

> Bahawa suatu ucapan yang tidak sepertinya dipersembahkan kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya:
>
> "Ampun Tuanku,
>
> Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Rakyat di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang ikhlas daripada Majlis Dewan Rakyat mengucapkan berbanyak-banyak syukur dan Terima Kasih kerana Titah Ucapan Seri Paduka Baginda semasa membuka Penggal Keempat Parlimen Yang Kesembilan." ***[31 Mac 1998]***

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat dari Bukit Mertajam diminta sambung.

3.45 ptg.

Dr. Tan Chong Keng [Bukit Mertajam]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, kerana membenarkan saya sambungkan ucapan saya. Berkaitan dengan perguruan Bahasa Cina, saya ingin menyarankan bahawa selain daripada menerima permohonan-permohonan secara bertulis daripada calon-calon yang layak, perlulah Bahagian Pendidikan Perguruan mengadakan sesi-sesi temuduga, walk-in interview, dengan izin, supaya

dapat menarik lebih ramai pemohon. Pendek kata, pelbagai usaha perlu dipertingkatkan lagi untuk menambah bilangan guru pelatih Bahasa Cina tahun ini. Ini adalah satu masalah yang memerlukan penyelesaian yang cemas.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga berharap Kementerian Pendidikan boleh menjalankan kerja-kerja persiapan yang lebih baik untuk menggalakkan pelajar-pelajar yang tamat sekolah menengah memohon memasuki Kursus Perguruan Bahasa Cina. Kementerian seharusnya menggalakkan lebih ramai pelajar mengambil mata pelajaran Bahasa Cina peringkat SPM dan STPM dengan menyusun semula kumpulan-kumpulan atau, dengan izin, grouping of subject bagi SPM, iaitu jangan masukkan Bahasa Cina, Perakaunan dan Matematik Tambahan dalam satu kumpulan mata pelajaran pilihan yang sama di mana seseorang calon SPM boleh memilih tidak lebih daripada dua mata pelajaran sahaja dari kumpulan ini.

Dengan cara kumpulan ini, ramai pelajar daripada sekolah-sekolah menengah yang terpaksa mengambil Perakaunan untuk memasuki aliran pengajian Perakaunan STPM dan universiti dan juga mata pelajaran Matematik Tambahan kerana banyak kerja analisis Matematik diperlukan baik bagi pengajian Ekonomi mahupun bagi mata pelajaran Sains. Oleh itu, dilema ini telah mengakibatkan satu pengurangan bilangan pelajar yang mengambil Bahasa Cina SPM, dan seterusnya mengurangkan bilangan calon yang akan layak memohon memasuki Kursus Perguruan Bahasa Cina.

Saya ingin menyarankan bahawa Bahasa Cina dimasukkan di dalam kumpulan bahasa-bahasa seperti Bahasa Tamil, Bahasa Arab, Bahasa Iban dan bahasa-bahasa lain. Tambahan pula untuk memberi galakan bagi pelajar-pelajar yang mengambil Bahasa Cina SPM kelulusan mata pelajaran bahasa daripada kumpulan ini dicadangkan dapat dikira sebagai satu kumpulan dalam kiraan keputusan peperiksaan SPM. Saya yakin dengan adanya galakan seperti di atas, maka lebih ramai pelajar akan mengambil Bahasa Cina SPM dan seterusnya lebih ramai calon akan layak memohon memasuki Kursus Perguruan Bahasa Cina.

Tuan Yang di-Pertua, bilangan guru-guru Bahasa Cina dengan kelulusan ijazah adalah jauh daripada memuaskan. Banyak sekolah menengah terpaksa menjalankan pelajaran-pelajaran Bahasa Cina Pupils' Own Language (POL), dengan izin, dengan menjawat guru kontrak yang sebelum ini adalah guru-guru Bahasa Cina di sekolah rendah. Dengan kualiti perguruan seperti ini, tidak ada apa-apa kemajuan yang menarik dapat dicapai dalam pengajian Bahasa Cina pada peringkat sekolah menengah, lebih-lebih lagi untuk Tingkatan IV dan V.

Kementerian Pendidikan seharusnya mempercepatkan proses menghasilkan guru-guru Bahasa Cina kelulusan ijazah dengan menambah bilangan pelajar Diploma Pendidikan pengkhususan Bahasa Cina di Universiti Malaya, dan juga menambahkan bilangan pelajar Kursus Diploma Pendidikan lepas ijazah di maktab-maktab perguruan.

Pada masa yang sama Kementerian Pendidikan perlu mengkaji semula kurikulum dan isi kandungan kertas peperiksaan Bahasa Cina peringkat STPM yang sudah menerima komen dari ramai pengetua dan guru Bahasa Cina sekolah menengah sebagai satu kertas peperiksaan yang terlalu susah. Susah kerana bahan bacaan penulis-penulis yang dirujukkan dalam soalan-soalan itu biasanya adalah yang tidak begitu biasa dijumpai dalam buku teks atau rujukan biasa, susah kerana pelajar-pelajar SPM dahulu tiada persiapan sedia Kesusasteraan Bahasa Cina yang mencukupi untuk mengambil Kertas Dua Bahasa Cina STPM ini. Mungkin satu panel pemeriksa Bahasa Cina yang terdiri daripada guru-guru Bahasa Cina sekolah menengah perlu diadakan untuk menghasilkan satu bank soalan-soalan Bahasa Cina STPM, bukan seperti amalan sekarang di mana pensyarah-pensyarah Universiti Malaya yang tidak terlibat dalam pengajaran mata pelajaran itu menghasilkan soalan-soalan Bahasa Cina supaya kita boleh memastikan bahawa soalan-soalan itu mempunyai relevan dan standard yang berpatutan dengan konteks kurikulum dan proses pengajaran mata pelajaran itu.

Tuan Yang di-Pertua, perancangan perguruan. Baru-baru ini didapati sebilangan guru lepasan maktab perguruan tidak dapat ditempatkan kerana guru dengan pengkhususan tertentu lebih daripada keperluan. Masalah ini bukan sahaja membawa kesulitan kepada golongan guru-guru baru ini, tetapi juga menunjukkan bahawa ada sesuatu yang tidak kena pada perancangan latihan perguruan dalam Kementerian Pendidikan. Dengan adanya rekod pendaftaran lahirnya kanak-kanak pada setiap tahun daripada Jabatan Pendaftaran Negara, Kementerian Pendidikan memang dapat ramalkan bilangan murid-murid yang akan masuk sekolah pada tahun ini dan secara terperinci komposisi murid-murid ini dan juga sekolah-sekolah rendah di mana mereka sudah didaftarkan beberapa tahun terlebih dahulu.

Oleh itu, perlulah Bahagian Pendidikan Guru merancangkan program perguruan dengan memberi perhatian yang lebih terperinci terhadap bilangan guru bagi setiap mata pelajaran bagi seluruh negara, bukan hanya bagi setiap sekolah sebagai nisbah bilangan guru kepada bilangan kelas dalam sesebuah sekolah sahaja. Pada tahun ini kita nampak ada kekurangan guru Bahasa Cina dan kelebihan guru Bahasa Malaysia. Kementerian perlu ambil ini sebagai satu pelajaran dan satu ujian bagi kejayaan perancangan perguruan untuk masa depan. Saya berharap kementerian dapat membuat perancangan yang lebih tepat ikut daftar murid yang lebih terperinci dalam zaman IT dengan bantuan komputer.

Berhubung dengan keputusan Kementerian Pendidikan supaya meneruskan dengan pengambilan guru-guru kontrak bagi guru Bahasa Cina, Tamil, Sains dan Matematik bagi sekolah-sekolah, saya yakin ini adalah satu cara yang bagus sebagai langkah jangka pendek atau 'stop-gap measure', dengan izin. Jikalau perlu saya berharap guru-guru Bahasa Inggeris yang bersara, yang berpengalaman dapat juga dipertimbangkan sebagai guru-guru kontrak untuk mengajar Bahasa Inggeris.

Tuan Yang di-Pertua, saya pun ingin meminta Menteri Pendidikan memberitahu apakah kemajuan projek menjemput guru-guru Bahasa Cina dari China untuk mengajar di sekolah-sekolah terpilih dan universiti di Malaysia untuk menolong menghasilkan lebih ramai guru Bahasa Cina. Bagaimana pula dengan projek menjemput guru-guru Bahasa Inggeris dari UK untuk mempertingkatkan mutu dan standard pengajaran Bahasa Inggeris di negara kita ini. Saya ingin menyarankan bahawa Bahasa Inggeris adalah satu bahasa perdagangan antarabangsa dan lebih-lebih lagi satu bahasa IT yang pengajaran dan pembelajarannya perlu dan sedang digalakkan oleh Kementerian Pendidikan.

Tempat Bahasa Malaysia sebagai Bahasa Kebangsaan untuk negara Malaysia sudah lama ditetapkan dan diterima oleh semua rakyat jelata tanpa sebarang keraguan. Saya berharap semua guru dan pelajar dapat berusaha mempertingkatkan penggunaan Bahasa Inggeris dalam konteks IT serta sains dan teknologi supaya pakar-pakar saintis dan komputer generasi muda Malaysia dapat bersaingan dengan berkesan dalam arena antarabangsa. Kita perlukan kemahiran bahasa ini untuk menajamkan persaingan dalam pasaran antarabangsa.

Saya juga ingin ucapkan syabas dan tahniah kepada ramai pelajar daripada pelbagai kaum yang mencebur diri dalam pembelajaran Bahasa Cina pada peringkat sekolah rendah, menengah dan universiti. Pada zaman ini di mana Bahasa Cina muncul sebagai satu bahasa perdagangan dan kualiti antarabangsa yang penting dan berkesan di rantau Asia dan juga di pasaran dunia, semakin ramai orang daripada banyak negara mulai mempelajari Bahasa Cina untuk nilai kebudayaan dan perdagangan bahasa ini.

Kolej Era Baru telah mula berfungsi sebagai pusat pengajian tinggi swasta yang menawarkan Kursus Pengajian Bahasa Cina pada awal tahun ini. Tetapi saya rasa sambutan Kursus Pengjian Bahasa Cina ini masih tidak boleh dikatakan sebagai menggalakkan kerana bilangan pelajar tidak ramai. Jika pelajar-pelajar mata pelajaran Bahasa Cina, Kesusasteraan Cina pada peringkat SPM dan Bahasa Cina STPM dapat digalakkan dengan lebih berkesan, saya yakin bilangan pelajar kursus ini dalam Kolej Era Baru tentu akan bertambah.

Tuan Yang di-Pertua, pembangunan sekolah-sekolah dalam Rancangan Malaysia Ketujuh. Walaupun ekonomi negara mengalami kemelesetan, saya berharap peruntukan untuk Kementerian Pendidikan tidak akan dikurangkan, khasnya supaya projek-projek pembangunan sekolah-sekolah dalam Rancangan Malaysia Ketujuh dapat diteruskan. Kita tidak boleh abaikan bilangan murid yang semakin bertambah di kawasan perumahan dan industri baru. Kebanyakan sekolah rendah kawasan-kawasan pertumbuhan penduduk dan industri ini memerlukan blok bilik darjah dan kemudahan pendidikan yang lain. Kementerian Pendidikan seharusnya meneruskan projek-projek itu.

Ada juga sekolah-sekolah di mana projek pembangunan blok bilik darjah baru diketepikan beberapa tahun dahulu dan kini perlu dibahagi semula dan dimasuk semula ke dalam Rancangan Malaysia Ketujuh. Saya boleh memberikan beberapa contoh daripada kawasan saya, iaitu Bukit Mertajam. Contohnya, Sekolah Jenis Kebangsaan (Cina) Permatang Tinggi, Sekolah Jenis Kebangsaan (Cina) True Light, Juru, Sekolah Jenis Kebangsaan (Cina) Berapit, Sekolah Jenis Kebangsaan (Cina) Peng Bin, Bukit Tengah dan Sekolah Jenis Kebangsaan (Cina) Sin Ya, Alma, Bukit Mertajam.

Untuk pengetahuan Menteri Pendidikan, terdapat juga satu blok bangunan lama Sekolah Tinggi Bukit Mertajam, sebuah sekolah lama dan bersejarah di bandar saya, juga merupakan sebuah bangunan lama yang bahaya dan tidak sesuai digunakan lagi. Diharapkan Kementerian Pendidikan ambil tindakan segera untuk menyelesaikan masalah ini.

Tuan Yang di-Pertua, masalah disiplin murid-murid sekolah adalah satu masalah yang semakin rumit dan kompleks hari ini. Dengan tibanya idea kebebasan fikiran dan keberkesanan aliran maklumat melalui rangkaian media massa dan Internet untuk belia dan penghakisan nilai-nilai budaya dari Timur, nilai-nilai kekeluargaan dan keagamaan, murid-murid kini didedahkan kepada pengaruh anasir-anasir buruk dalam masyarakat seperti road-bully, school-bully, kongsi gelap, kaki judi, kaki minum, permainan video bercorak perjudian, kaki lepak, bohsia, pil ecstasy, perlumbaan motosikal haram, cara hidup mewah, membazir atau gila jenama dan lain-lain. Pihak sekolah, ibu bapa, polis dan Jabatan Pendidikan perlu menjalankan kerja-keja penyelesaian masalah disiplin murid-murid sekolah dengan lebih berkesan. Selain daripada bimbingan dan kaunseling oleh guru-guru yang terlatih dalam bidang psikologi dan bimbingan, Persatuan-persatuan Ibu Bapa dan Guru perlu memainkan peranan yang positif dalam proses ini.

Saya tidak setuju dengan cara guru yang dikatakan memukul murid sampai mukanya bengkak atau badan tercedera. Saya juga tidak setuju dengan murid yang menumbuk guru sekolah rendah atau ibu bapa yang datang ke sekolah memarahi dan mengancam keselamatan guru di hadapan kelas kerana anaknya didisiplinkan sebelum ini. Saya berharap semua masalah disiplin murid sekolah dapat diselesaikan antara guru disiplin sekolah, murid berkenaan, guru besar, ibu bapa berkenaan dan pengerusi atau wakil PIBG yang berkenaan, jika perlu.

Dengan adanya sistem sekolah anak angkat balai polis, pihak polis mungkin dapat menyelia aktiviti-aktiviti murid-murid dan dapat memupuk semangat disiplin diri murid melalui latihan Kadet Polis sekolah atau badan-badan beruniform yang lain. Berhubung kait dengan disiplin murid, saya berharap Menteri Pendidikan tidak membuat anggapan bahawa murid-murid yang menunjukkan prestasi peperiksaan yang cemerlang dalam mata pelajaran Pendidikan Moral adalah murid yang tidak ada masalah disiplin. Mungkin pegawai-pegawai Kementerian Pendidikan boleh membuat kajian terhadap kesesuaian kurikulum Pendidikan Moral yang berasaskan satu set nilai-nilai tertentu, dan sama ada cara membuat penilaian mata pelajaran Pendidikan Moral melalui peperiksaan bertulis sahaja adalah tepat untuk menunjukkan peringkat atau mutu tingkah laku seseorang murid itu.

Tuan Yang di-Pertua, dengan adanya banyak IPTA dan IPTS dalam Malaysia untuk pilihan pelajar-pelajar Malaysia, saya ingin mencadangkan bahawa satu sistem pindahan kredit setara di antara institusi-institusi pengajian tinggi diperkenalkan untuk membolehkan seseorang pelajar memilih kredit-kredit pengajian yang tertentu untuk mengisikan keperluan tamat pengajian sesuatu ijazah universiti. Disyorkan supaya Lembaga Akreditasi Negara menilaikan kursus-kursus yang ditawarkan oleh semua institusi pengajian tinggi sama ada awam ataupun swasta supaya menentukan satu sistem pindahan kredit setara.

Dengan adanya sistem ini, pelajar-pelajar yang tamat pelajaran SPM masing-masing dapat mengikuti pendidikan lanjutan multisaluran, dengan jalan-jalan yang berlainan masing-masing menuju ke arah memperolehi ijazah, dan dengan peruntukan bagi pelajar-pelajar itu tukar saluran pada tengah jalan dengan menggunakan sistem pindahan kredit setara ini. Dan juga dengan peruntukan dibuat supaya pelajar yang boleh berhenti satu atau dua tahun untuk bekerja untuk mengumpul pengalaman seperti diperlukan oleh kursus ataupun yang memerlukan pendapatan bagi menaja yuran tuisyen sendiri.

Saya menyarankan bahawa pendidikan lanjutan multisaluran ini lengkap dengan sistem pindahan kredit setara diamalkan di Malaysia supaya meliberalisasikan pendidikan lebih-lebih lagi membolehkan pelajar-pelajar Malaysia membuat lebih banyak pilihan antara kursus-kursus dan dengan cara ini membantu pelajar-pelajar yang perlu kerja sambil belajar dan akhir sekali mendekati idea universiti terbuka.

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini kita ada melihat bagaimana Pasukan Polis Diraja Malaysia kita memainkan peranan yang positif, peranan yang mesti dipujikan dalam menangani peristiwa di Kem Tahanan Semenyih. Itu adalah tugas dan tanggungjawab Polis Diraja Malaysia. Tetapi ada di antara mereka yang sudah korbankan diri mereka menjalankan tugas sampai korbankan nyawa mereka demi tanggungjawab. Saya baru terima satu risalah Laporan Tahunan Suruhanjaya Pasukan Polis 1996 di mana baca pada muka surat 15, sepanjang tahun 1996 seramai 2,054 pegawai anggota polis telah dikenakan tindakan tatatertib berbanding dengan 1,959 bagi tahun 1995. Ini adalah berkaitan dengan anggota polis yang menjadi biri-biri hitam dalam Pasukan Polis. Oleh kerana biri-biri hitam ini apa-apa yang imej yang bagus, apa-apa jasa baik yang dibuat oleh pasukan anggota-anggota yang lain,

sudah pun dirosakkan oleh biri-biri hitam ini. Seperti pepatah Melayu katakan, "Oleh kerana nila setitik, rosak susu sebelanga". Kerja-kerja jahat oleh biri-biri hitam itu adalah seperti rasuah, pecah amanah, peras ugut, pemalsuan, samun, pecah rumah, kes dera, penipuan dadah dan sebagainya. Kerana anggota polis sendiri melanggar undang-undang, kalau anggota Polis Marin sendiri membawa masuk pendatang asing tanpa izin, siapa lagi boleh diamanahkan. Biasanya kita takut 'Pagar makan padi.' Sekarang kita mesti takut 'pagar' yang membuka pintu menjemput buaya masuk. Pagar yang buka pintu menjemput buaya asing masuk ke dalam air Malaysia.

Jadi, kepada anggota-anggota polis yang korban diri dalam peristiwa di Kem Semenyih, kita mesti memberi penghormatan yang setinggi-tingginya. Dan kepada biri-biri hitam di dalam Pasukan Polis Diraja Malaysia kita mesti beri tindakan hukuman denda yang paling tinggi sekali yang dibenarkan oleh undang-undang Malaysia. Saya berharap denda dan hukuman yang diberi kepada biri-biri hitam ini adalah berpatutan dengan apa niat jahat, kerja jahat yang sudah dilakukan oleh anggota-anggota polis sepertimana yang dilaporkan dalam laporan tahunan ini. Jadi, dengan kata-kata itu, saya mohon menyokong. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Sepang.

4.08 ptg.

Puan Seripah Noli binti Syed Hussin [Sepang]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, kerana memberi kesempatan kepada saya untuk bangun membahaskan Usul Menjunjung Kasih kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang telah memberikan Titah Diraja Baginda di Dewan yang mulia ini tempoh hari.

Bismillahir Rahmanir Rahim. Tuan Yang di-Pertua, sejak Titah Diraja setahun yang lalu kita telah mengalami suasana yang sangat berbeza. Jika tahun lalu kita dalam keadaan yang sangat selesa lantaran iklim ekonomi negara yang sangat sihat dan tangkas hasil usaha keras dan gigih pimpinan negara sejak lebih empat dekad lalu. Kita berada dalam suasana kegawatan dan ketidaktentuan ekonomi yang meresahkan bukan sahaja rakyat dan kerajaan, malahan juga beberapa rakan negara jiran yang mengikuti cukup rapat dengan sebarang perkembangan yang berlaku di negara kita.

Sebagai contoh, rakan pemerintahan kita, Thailand umpamanya, beberapa minggu lalu pernah menyuarakan harapan yang sangat besar agar ekonomi semasa negara kita akan segera pulih kerana keupayaan kita untuk mengeluarkan diri dari kemelut yang sedang melanda akan mewujudkan atau menjana satu kesinambungan suasana serta keupayaan yang sama kepada negara-negara lain yang sedang mengalami kepayahan yang serupa di rantau ini. Malaysia diumpamakan sebagai petunjuk utama kepada tahap keupayaan negara-negara di rantau Asia Timur untuk mengeluarkan diri dari kegawatan yang disengajakan ini.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana dalam Titah Baginda Yang di-Pertuan Agong tempoh hari, ekonomi negara kita dalam jangka masa yang sangat singkat ini telah diserang bertalu-talu, bermula dengan serangan spekulasi mata wang yang kemudiannya dituruti dengan merudumnya pasaran saham bila para pelabur mula hilang keyakinan terhadap keupayaan ekonomi negara. Suasana ekonomi kita disamakan dengan suasana yang melanda rakan-rakan kita di Thailand, Indonesia dan Korea Selatan, sedangkan mereka sedar bahawa asas ekonomi kita berada di landasan yang cukup kukuh. Suasana sebegini sebenarnya secara jelas menunjukkan bahawa dalam usaha kita mengamalkan dasar berbaik-baik dengan negara asing, masih ada yang punyai niat serong terhadap kita.

Sejak beberapa bulan kebelakangan ini, dengan serangan media asing serta mungkin juga dengan bantuan setengah kelompok manusia dalam negara yang tidak pernah tahu bersyukur, mereka menghentam kita dari segenap segi, termasuk cuba menentukan soal kepimpinan dan pemerintahan negara sebagaimana yang cuba dilakukan di Indonesia. Oleh itu, dalam menghadapi suasana yang sedemikian, seharusnya kita hadapi dengan solidarity yang padu tanpa mengambil kira latar belakang politik, kerana kita sedar bahawa bila kita diserang dan dijajah semula walau dalam apa bentuk sekali pun, semua kita akan menerima musibah, kerana mereka tidak kira sama ada kita ini asalnya dalam parti pemerintah atau dalam parti pembangkang.

Tuan Yang di-Pertua, sejak dari pembentangan Belanjawan 1998 Oktober tahun lalu, telah dua kali pihak kerajaan mengadakan unjuran serta cadangan baru yang khusus ditumpukan untuk memulihkan ekonomi negara. Yang terbaru ialah minggu lalu, secara umum alhamdulillah, nampaknya cadangan serta peruntukan yang dilaksanakan dapat mendatangkan hasil. Secara jelas mesej yang ingin disampaikan oleh kerajaan ialah kita perlu sedar bahawa kita ada masalah dan kita kena berkorban

dalam segenap segi untuk sama-sama membantu mengatasi masalah ini. Dengan hanya meletakkan segala masalah di bahu kerajaan serta mengkritik bila susah menimpa batang hidung sendiri, tidak akan menyelesaikan masalah.

Dari pihak kerajaan, komitmen kerajaan melalui pengawalan perbelanjaan awam secara lebih berhemat serta pemotongan elaun pegawai-pegawai kerajaan sudah cukup jelas. Malahan sejak dua-tiga bulan kebelakangan ini Menteri Kewangan kita yang dahulunya dikatakan cukup pemurah kini sudah bertukar. Cuma yang agak merisaukan ialah komitmen dari pihak swasta dan setengah golongan rakyat dalam masyarakat. Mereka ini seolah-olah tidak mengendahkan seruan kerajaan serta suasana semasa ekonomi negara, apatah lagi menghiraukan kesukaran hidup anggota masyarakat kita yang lain. Mereka seolah berada dalam dunia mereka yang tersendiri, bila berbelanja atau berniaga mengakibatkan kadar inflasi meningkat hingga 8% mengikut statistik yang terbaru lantas menyukarkan rakyat lain yang sedia marhain. Barangan import masih diagungkan. Barangan tempatan terus diperlekehkan.

Yang lebih menyedihkan ialah dalam usaha kita untuk cuba mengurangkan kadar pengangguran dalam negara di kalangan rakyat tempatan akibat dari keadaan ekonomi semasa negara serta pengaliran keluar wang negara, ada beberapa syarikat swasta yang pernah dibantu kerajaan lebih mengutamakan pekerja asing yang menyingkirkan anak tempatan sendiri. Kalau tenaga asing itu mempunyai kepakaran yang luar biasa tidaklah kita hendak persoalkan. Tetapi dalam beberapa kes tertentu seperti yang pernah dibangkitkan, ianya melibatkan tenaga kerja asing yang kepakaran kurang dari anak tempatan, tetapi diberikan gaji yang tersangat lumayan.

Ini secara tidak langsung menggambarkan mentaliti di kalangan setengah syarikat tempatan yang bukan sahaja tidak mempunyai rasa patriotisme dalam organisasinya tetapi juga tidak pernah yakin dengan keupayaan anak tempatan. Kepada syarikat atau konglomerat sebegini, kerajaan harus memberi amaran serta tindakan yang cukup keras kerana tindakan mereka selama ini bukan sahaja tidak selaras dengan usaha kerajaan malahan ianya seolah-olah cuba menangguk di air keruh, lantas memburukkan lagi keadaan.

Tuan Yang di-Pertua, keadaan semasa ekonomi sebagaimana yang telah dititahkan tempoh hari sebenarnya mencabar kepimpinan negara dalam melaksanakan agenda kerja pembangunan dan pemulihan semula ekonomi negara dari segi meletakkan keutamaan. Sebagai contoh, dalam meredakan kegawatan apakah yang perlu diselamatkan dahulu atau apakah langkah yang mesti didahulukan Saya ingin menarik perhatian Ahli-ahli Dewan yang mulia ini kepada usaha mengembalikan kepercayaan rakyat dan pelabur asing kepada institusi perbankan negara. Sejak kebelakangan ini kita sering dihidangkan dengan berita penggabungan beberapa buah bank dan institusi kewangan bagi memantapkan kedudukan aset mereka agar lebih berdaya maju serta membuka ruang kepada persaingan yang lebih sihat.

Antara yang paling sensasi ialah usaha pembelian ekuiti Sime Bank oleh Bank RHB. Yang menjadi tumpuan perbincangan ialah soal keupayaan RHB membiayai pengambilalihan serta desakan pihak-pihak tertentu supaya transaksi ini lebih tulus kepada masyarakat. Apa yang menjadi keralatan saya ialah kurangnya tumpuan diberi kepada nasib pekerja-pekerja Sime Bank yang kini mencapai angka ribuan. Mereka yang telah menemui saya menyatakan kegelisahan mereka lebih-lebih lagi dengan suasana ekonomi sekarang, ada yang mendapat khabar angin bahawa antara 50% hingga 70% pekerja asal Sime Bank akan diberhentikan bagi membolehkan penyusunan semula organisasi selepas urusan pengambilalihan berjalan lancar.

Khabar-khabar seperti ini serta tiada usaha jaminan pekerjaan kepada mereka hanya akan melemahkan semangat dan mencetuskan kegusaran yang tidak sepatutnya berlaku kepada mereka yang terlibat dalam sektor kewangan negara. Mereka ini seperti ribuan pekerja lain dalam institusi perbankan dan kewangan lain yang turut terlibat dalam usaha penggabungan antara institusi kewangan memohon jaminan kerajaan supaya dengan kelancaran urusan penggabungan atau pengambilalihan yang sedang rancak dilaksanakan sekarang ianya tidak akan meletakkan mereka dalam situasi yang sukar nanti. Jaminan tersebut sehingga kini tidak dapat diperolehi dari majikan asal mereka, apatah lagi dari bakal peneraju baru institusi kewangan tersebut nanti.

Kita mohon jaminan terhadap pekerjaan mereka kerana kita yakin mereka mempunyai potensi yang cukup besar untuk dimanfaatkan bagi mengembalikan keyakinan rakyat dan pelabur terhadap institusi kewangan negara. Dalam konteks yang lain, saya bersetuju dengan kenyataan serta saranan yang dibuat oleh Yang Berhormat dari Tambun tempoh hari berkenaan tahap kualiti atau standard pegawai-pegawai kita dalam sektor

perbankan tempatan. Jika ingin dibandingkan dengan bank-bank antarabangsa, senario perbankan tempatan seolah-olah tidak menggalakkan peningkatan kualiti mutu kerja para pegawainya, tidak banyak bank-bank yang membuka ruang bagi meningkatkan kemahiran para pegawainya dari peringkat bawah bagi membolehkan mereka maju dan meningkat bersama bank tersebut. Soal latihan semula, peluang meningkatkan kemahiran melalui pendidikan lanjutan dan sebagainya kurang mendapat tempat. Senario yang lalu lebih menampakkan tumpuan diberi bagi menarik perhatian tenaga luar atau dari bank lain dengan diberi tawaran gaji yang lebih lumayan. Potensi yang sedia ada tidak dibangunkan, ini mengakibatkan kualiti yang kita harapkan agar setanding dengan industri perbankan atau kewangan antarabangsa tidak akan dapat dicapai.

Tuan Yang di-Pertua, dua unjuran terkemudian bagi Belanjawan 1998 menyaksikan pemotongan perbelanjaan awam yang cukup besar serta pelaksanaan beberapa dasar kewangan yang antara paling ketat dapat kita saksikan dalam tempoh lebih sedekad ini. Dalam melaksanakan pemotongan perbelanjaan awam ini, sektor manakah yang perlu dipertahankan dan sektor manakah yang perlu dikorbankan.

Kita sedar kerajaan dalam satu persimpangan yang sukar terutama dalam mengimbangi keperluan rakyat, negara serta kedudukan politik yang sering diambil kesempatannya oleh mereka yang hanya tahu mengkritik keras tetapi tiada usaha untuk membina atau mengatasinya. Walau bagaimanapun, kita tidak mahu dengan menggunakan alasan suasana semasa faktor insan dan kemanusiaan, kita juga perlu gawat, with due respect, dengan izin, atau dengan mengambil kira kepentingan fakta lain saya ingin menyatakan tiga bidang utama yang perlu dipertahankan atau diberikan tumpuan khusus yang kalaupun dipotong perbelanjaannya janganlah sehingga terlalu menjejaskan kepentingan rakyat.

Tiga bidang yang saya maksudkan ialah:

(i) agenda pendidikan atau pembangunan sumber manusia;

(ii) agenda keselamatan negara dan ketenteraman awam;

(iii) agenda pembangunan sosial dan masyarakat luar bandar.

Agenda Pendidikan atau Pembangunan Sumber Manusia.

Tuan Yang di-Pertua, dua hari lalu keputusan peperiksaan SPM seluruh negara telah diumumkan dan apa yang menggembirakan kita ialah berlakunya peningkatan ketara dari segi pencapaian pelajar-pelajar cemerlang dalam peperiksaan tersebut. Hari ini, apa yang menjadi isu yang berlegar dipemikiran anak-anak tersebut dan ibu bapa mereka ialah institusi manakah yang perlu dipilih atau layakkah mereka terpilih meneruskan pengajian mereka.

Perkara ini semakin menjadi kerunsingan di kalangan para ibu bapa, lebih-lebih lagi dengan suasana ekonomi sekarang. Soal menghantar anak ke luar negara sebagaimana amalan tahun-tahun sebelum ini sudah hampir dilupakan. Apatah lagi bila kerajaan memutuskan untuk memberhentikan penghantaran tersebut di kalangan pelajar-pelajar bantuan kerajaan. Tempat di institusi tempatan sama ada awam mahupun swasta adalah agak terhad, bahkan ada juga yang meragui kualiti pendidikan di institusi-institusi ini mungkin kerana pemikiran kolonial yang masih belum terhakis dalam diri mereka.

Persoalan kita adakah kita punya cukup ruang di institusi pengajian tinggi tempatan untuk menempatkan semua potensi negara masa depan ini, kita rasa gembira dan bangga bila kerajaan telah meletakkan hasrat serta matlamat untuk menjadikan Malaysia sebagai pusat kecemerlangan pendidikan serantau, ini akan mengurangkan pengaliran wang ke luar negara, sekali gus meningkatkan mutu pendidikan negara ini sendiri. Malangnya dengan melihat kepada keghairahan setengah institusi pendidikan tinggi swasta yang ada, kenapakah perlu kita teruskan kebergantungan kepada Britain dan Amerika Syarikat sahaja terutama dari segi keghairahan menjemput mereka membuka kampus cawangan di Malaysia.

Kita tidak mahu keghairahan ini hanya akan mengundang permasalahan yang berat di masa hadapan kalau kita tidak berhati-hati menanganinya terutama dalam soal jaminan kepada usaha mengekalkan kedaulatan bahasa Melayu serta penekanan terhadap aspek moral dan keagamaan. Kita tidak menghalang mereka ke sini, tetapi kita harus melihat adakah kedatangan mereka ini akan memesungkan usaha kita untuk maju dengan acuan kita sendiri. Seorang tokoh pendidik dari Britain sendiri iaitu Profesor Neil Buckston pernah meluahkan kebimbangan ini bila beliau mengatakan bahawa jika separuh dari IPT tempatan dikuasai oleh

orang asing, maka sebahagian besar kemerdekaan kita juga akan turut ke seberang laut. Ini adalah kerana kawalan terhadap pengisian pendidikan akan terletak kepada pengamal dan tenaga pendidik dari negara luar tersebut.

Dalam soal ini, kita harus kembali merenung dengan mendalam tentang definisi dan matlamat falsafah pendidikan kita sendiri. Pendidikan itu sebenarnya bukan hanya satu proses penyebaran maklumat atau data, tetapi yang lebih penting ianya adalah merupakan satu proses penurunan atau pemusakaan nilai dan budaya. Kalau nilai asing diturunkan maka itulah rupa bentuk generasi masa depan yang akan kita perolehi. Bagaimana mungkin mereka ini memahami falsafah serta aspirasi pendidikan kita. Dalam pada itu, matlamat pendidikan kita juga harus jelas, adakah pendidikan kita hanya untuk memenuhi kehendak pasaran dan keperluan industri negara atau kita ingin melahirkan insan baik sebagai teras kewarganegaraan yang mampu bertindak secara lebih rasional bila dilanda kegawatan serta menyedari pertanggungjawaban sosialnya kepada agama, bangsa dan negara.

Mungkin kenyataan ini agak keterlaluan tetapi sebenarnya kita sudah tidak mampu lagi melahirkan golongan profesional atau korporat yang bila didesak dan dilanda masalah sebegini, mereka lupa akan peranan kerajaan selama ini, apatah lagi tanggungjawab mereka sendiri bagi membantu memulihkan negara, sebaliknya mereka lebih selesa menuding jari kepada kerajaan dan ada yang lebih pantas berpaling tadah ke negara lain atas alasan mencari tanah yang lebih subur. Golongan seperti inilah yang cetek nilai dalamannya, yang goyah nilai moralnya, yang beku akhlaknya, yang akan menyeleweng ketika senang, yang lupa daratan bila mewah, yang berpaling tadah bila susah.

Sistem pendidikan kita hari ini dan masa depan perlu direformasikan semula agar kita dapat membina jiwa baru yang kental, setia dan bermoral. Inilah antara prasyarat utama jika kita mahu maju dengan acuan kita sendiri kerana asas yang terpenting adalah asas membina jiwa yang akan mendokong pembangunan sesuatu bangsa itu. Itulah sebabnya kita menyokong cadangan baru pihak kementerian bagi memperkenalkan sistem peperiksaan yang lebih anjal, yang tidak hanya menumpukan kepada aspek akademik semata-mata tetapi memberi lebih ruang kepada faktor pembinaan potensi individu itu. Atas premis itulah juga kita mengharapkan agar sektor pendidikan tidak dikenakan pemotongan yang keterlaluan, lebih-lebih lagi yang melibatkan usaha ke arah reformasi pendidikan.

Kenyataan Yang Berhormat Menteri Pendidikan dua hari lalu, yang berkaitan mewajibkan pendidikan agama ketatanegaraan dan moral kepada semua pelajar di institusi pendidikan tinggi tempatan adalah satu permulaan komitmen yang melegakan kita semua.

Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengulang keluhan anak-anak kita di institusi pengajian tinggi tempatan yang semakin kekurangan kemudahan pembelajaran, lebih-lebih lagi bila kemasukan terlalu ramai bilangan pelajar baru nanti, kemudahan yang sedia ada, terutama yang berkaitan dengan kemudahan kediaman serta peralatan untuk pengajian sains dan teknikal sudah begitu berkurangan dan dengan rancangan pengurangan jumlah peruntukan ini, mereka khuatir suasana pembelajaran akan lebih mendesak dan kurang menyelesakan.

Kita harap permasalahan ini di samping masalah kekurangan tenaga pengajar di IPT awam akan dapat diberikan tumpuan serius serta diambil tindakan segera bagi memastikan matlamat kita untuk menjadi pusat kecemerlangan pendidikan serantau akan tercapai.

Agenda Keselamatan Negara Dan Ketenteraman Awam.

Tuan Yang di-Pertua, dalam menghadapi suasana ketidaktentuan ekonomi yang melanda negara kita hari ini, satu isu utama yang akan didesak dan menjadi perhatian ialah isu keselamatan negara dan ketenteraman awam. Baru minggu lalu kita dikejutkan dengan peristiwa rusuhan di kem tahanan sementara pendatang asing di Semenyih yang meragut beberapa nyawa termasuk anggota keselamatan kita sendiri.

Selain dari itu, kawalan ketat di sempadan dan perbatasan negara nampaknya terus dipertingkatkan bagi mengatasi masalah kebanjiran terus pendatang asing yang ingin lari dari masalah yang melanda negara mereka sendiri. Bila menghadapi suasana ini, kita terperangkap antara pertimbangan kemanusiaan dan pertimbangan keselamatan negara dan isu inilah yang sedang digembar-gemburkan oleh pihak luar serta beberapa pihak dalam negara kita sendiri, kononnya kita sudah mencabul hak asasi kemanusiaan di negara ini.

Dalam menghadapi soal ini, kita minta kerajaan terus dengan pendirian yang tegas kerana kalau isu ini terus dimainkan, lebih-lebih lagi dalam suasana

sebegini, kesannya akan lebih buruk dalam jangka masa panjang. Jaminan ketenteraman rakyat tempatan harus didahulukan dan sebarang usaha untuk mencalar keharmonian kaum harus dipatahkan segera. Kita sedar ada yang gemar menjadi dalang menggunakan kesempatan suasana ini mengapi-apikan semangat perkauman serta mencabar institusi keagamaan di negara ini. Kalau mereka ini terus dibiarkan bukan sahaja keharmonian yang dinikmati selama ini akan tercemar, bahkan semangat anggota keselamatan kita juga akan pudar.

Kita juga harus tegas menyatakan kepada mereka bahawa kebebasan beragama di negara ini yang dijamin oleh Perlembagaan bermakna kita bebas mengamalkan amalan agama masing-masing tanpa menjejaskan amalan agama lain dan bukannya menggunakan kesempatan itu untuk menghasut orang lain meninggalkan amalan agamanya. Rakyat secara menyeluruh harus disedarkan, kepentingan menghormati sensitiviti agama lain terutamanya agama rasmi negara ini kerana kalau sensitiviti ini terus dicabar, kita khuatir keadaan kemudiannya akan sukar dikawal. Oleh itu, kita minta kerajaan segera padamkan api yang mula membara dengan tindakan yang lebih tegas dan dengan peruntukan undang-undang yang sedia ada.

Agenda Pembangunan Sosial dan Masyarakat Luar Bandar.

Tuan Yang di-Pertua, walau segawat manapun keadaan ekonomi negara, tidak semestinya kita harus membiarkan nilai kemanusiaan itu juga turut gawat. Alhamdulillah, kita bersyukur kerana kerajaan yang ada pada hari ini mempunyai kesedaran serta komitmen yang cukup tinggi melihat masalah kemanusiaan dan menyediakan peruntukan yang cukup baik bagi mengatasi apa yang mungkin akan menjadi ranjau keadilan sosial masa hadapan.

Pengumuman Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, hari Selasa lalu sangat melegakan banyak pihak terutamanya golongan rakyat yang berpendapatan rendah dan kurang berupaya. Pertambahan peruntukan sebanyak RM1 bilion bagi membantu golongan ini di samping pelbagai bentuk bantuan yang telah diberi nilai tambah, jelas menampakkan kesedaran kerajaan bahawa untuk mengatasi permasalahan sebegini dari berulang di masa hadapan, kita harus melabur untuk membantu kelompok teras dalam masyarakat membangun diri masing-masing. Ini bermakna agenda pembangunan masyarakat luar bandar tidak akan dipinggirkan.

Walau bagaimanapun, saya ingin menyentuh sedikit tentang dana bagi pembangunan rumah kos rendah dalam bentuk bon yang berjumlah RM1 bilion melalui Syarikat Perumahan Negara. Kita mengharapkan agar dana tersebut dapat dimanfaatkan sewajarnya kepada golongan yang memerlukan terutama dalam menyediakan premis kediaman yang lebih terjamin dan selesa kepada rakyat.

Harapan yang kita letakkan selama ini kepada syarikat-syarikat perumahan swasta sangat menghampakan kerana mereka bukan sahaja menumpukan kepada pembinaan rumah-rumah kos mewah dan sederhana tinggi, ekoran ketamakan mengejar keuntungan dikala ekonomi tangkas dan tuntas bahkan tindakan mereka juga seolah-olah menafikan hak golongan berpendapatan rendah beroleh rumah sendiri. Ini sekali gus menjejaskan usaha kerajaan yang banyak membantu mereka bagi memastikan adanya jaminan keadilan sosial kepada masyarakat keseluruhannya.

Saya juga ingin menyentuh berkenaan peluang-peluang pemilikan premis kediaman di kalangan anggota keselamatan negara serta para pendidik. Walau bagaimanapun, kita ingin berterima kasih kepada kerajaan yang melalui dua kementeriannya iaitu Kementerian Pertahanan dan Kementerian Pendidikan yang sejak beberapa tahun kebelakangan ini begitu prihatin dengan masalah kediaman di kalangan anggotanya. Yang ingin kita sampaikan di Dewan yang mulia ini ialah peluang-peluang kepada anggota keselamatan seperti polis dan tentera serta guru untuk memperolehi kediaman sendiri dengan harga yang semampu mereka yang boleh disandarkan sebagai bekalan mereka selepas bersara nanti.

Tuan Yang di-Pertua, umum mengetahui bahawa jumlah contohnya anggota Polis Diraja Malaysia sahaja menjangkau 74,780 orang dan perumahan yang disediakan hanya dapat menampung seramai 48,646 orang, bermakna 26,138 orang atau 35% daripada mereka masih lagi tinggal di luar menyewa. Sebagai seorang anak bekas anggota polis, saya sememangnya prihatin dengan masalah anggota-anggota polis ini untuk mendapatkan rumah. Syarat-syarat seperti taraf pemastautin dalam satu-satu kawasan serta tempat kelahiran dan kemestian tinggal di rumah-rumah murah dan sederhana yang dibeli juga harus diberi kelonggaran kerana kita sedia maklum selagi mereka berkhidmat dengan Polis Diraja Malaysia, mereka dikehendaki tinggal di kawasan balai atau berek atas sebab waktu mereka bekerja tidak menentu dan perlu bertugas pada bila-bila masa dan dengan mereka tinggal dalam kawasan

berek, mereka boleh dihubungi dan dikumpulkan dengan situasi kecemasan dan darurat dan dengan tinggal di dalam berek ini juga dapat mengelakkan anggota dan keluarga polis dari pengaruh-pengaruh luar dan hal ehwal dan kebajikan keluarga mereka dan keselamatan anggota ini lebih terjamin.

Oleh yang demikian, dalam melaksanakan projek kediaman untuk rakyat, kita mintalah supaya golongan ini diberikan keutamaan. Mereka mengharapkan agar dapat memiliki premis kediaman sendiri semasa mereka masih mampu bekerja supaya mereka masih mampu mendapatkan pinjaman serta mampu melunaskan pembayaran pinjaman tersebut dengan selesa. Mereka ini adalah antara golongan yang paling setia memberikan khidmat kepada negara dan sewajarnya dalam soal penyediaan infrastruktur kediaman ini mereka diberikan keutamaan. Ini akan memberikan ketenteraman fikiran kepada mereka bila mereka sedari bahawa kebajikan mereka dijaga oleh kerajaan yang ada pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, sebarang cabaran dan masalah hari ini harus kita tangani bersama. Masalah ekonomi kita hari ini adalah masalah semua, tanpa mengambil kira bangsa, agama, parti politik, mahupun kelompok masyarakat. Kalau kerana perbezaan fahaman politik kita berpecah dalam suasana sebegini, ianya adalah merupakan satu episod yang malang bagi catatan sejarah dan perletakan asas keharmonian masyarakat majmuk yang telah kita bina selama ini. Jika kita berbalah hanya kerana ingin beroleh keberuntungan politik yang sedikit, ianya adalah lebih malang kerana ianya bermakna kita masih dihayun buai serta dilambung oleh tangan-tangan luar yang sentiasa ingin melihat kejatuhan kita.

Ini juga bermakna jiwa dan minda kita masih belum merdeka, walaupun secara fizikalnya kita sudah lebih 40 tahun merdeka. Episod hari ini adalah antara cabaran yang paling getir, yang pernah kita alami sejak lebih empat dekad lalu. Kalau dengan cabaran sebegini pun kita tidak boleh bersama untuk menghadapinya lebih baik kita lupakan kewujudan Dewan yang mulia ini kerana akhirnya kita hanya akan menjadi boneka kepada satu bentuk baru penjajahan semula. Kita doakan usaha baru yang diwujudkan oleh kerajaan hari ini akan membuahkan hasilnya sedikit masa nanti.

Tuan Yang di-Pertua, maka dengan itu, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Muar.

4.35 ptg.

Tuan Abdul Aziz bin Mohd. Yassin [Muar]: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin melafazkan menjunjung kasih kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong atas Titah Diraja di Dewan yang mulia ini pada 23 Mac 1998 yang lalu. Saya tertarik hati dengan mukadimah Titah Diraja itu yang menyebut keselamatan negara terus berada di dalam keadaan terjamin, stabil dan aman.

Tuan Yang di-Pertua, negara kita ini yang mempunyai rakyat berbilang-bilang kaum, berbilang-bilang agama, berbilang-bilang kebudayaan dan berbilang-bilang bahasa, survival dan kesejahteraan negara bergantung kepada perpaduan dan keharmonian kaum, perpaduan rakyat, kestabilan politik dan keselamatan negara.

Asas-asas keselamatan dan kestabilan negara telah disemai dan dipupuk semenjak kita mendapat kemerdekaan lebih daripada 40 tahun dahulu. Amalan demokrasi berparlimen dan raja berperlembagaan adalah satu-satunya asas yang kukuh untuk mengekalkan perpaduan kaum, perpaduan rakyat dan kestabilan politik. Institusi ini mestilah diperkukuhkan dan dipelihara tetapi amalan konsep demokrasi ala Barat hendaklah disesuaikan dengan keadaan dalam negara. Begitu juga amalan hak asasi manusia yang kita amalkan hendaklah disesuaikan dengan latar belakang, kebudayaan, kepercayaan agama dan amalan oleh rakyat jelata dan masyarakat dalam negara kita ini.

Kita tidak boleh mengikut dan mengamalkan prinsip-prinsip hak asasi manusia yang telah dimasyhurkan oleh deklarasi Charter PBB atau United Nations kerana ini berasaskan kepada falsafah, amalan, kepercayaan dan nilai-nilai Barat. Segala amalan hak asasi manusia hendaklah mengikut kesesuaian dalam negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, kita mesti meneruskan amalan toleransi untuk beragama menurut ajaran agama masing-masing sebagaimana termaktub di dalam Perlembagaan negara. Peristiwa Kampung Rawa di Pulau Pinang baru-baru ini adalah sangat-sangat dikesalkan dan menjijikkan. Kita mesti prihatin tentang pengaruh-pengaruh agama-agama dari luar negara yang boleh memesungkan kepercayaan rakyat kita dan menjejaskan perpaduan kaum.

Kita mesti meneruskan usaha-usaha kita untuk menghapuskan kemiskinan di setiap lapisan rakyat sama ada di bandar atau di luar bandar kerana kemiskinan adalah punca ketidakpuasan hati rakyat

yang harus menjadi punca kepada perusuhan kaum. Kita mesti memastikan setiap rakyat mempunyai pekerjaan dengan pendapatan yang saksama dan sesuai menurut kelayakan, pengalaman dan praktik kapasiti masing-masing dan kerajaan mestilah bersedia untuk memberi bantuan dalam apa cara bentuk jua sekalipun sama ada subsidi pertanian, subsidi buku-buku teks kepada anak-anak yang bersekolah dan sama ada dengan memberi rawatan hospital percuma kepada rakyat yang tidak mampu. Konsep dan dasar subsidi dalam industri pertanian kepada pekebun-pekebun kecil dan para nelayan hendaklah diteruskan untuk mengimbangkan pendapatan mereka dengan pekerja-pekerja dalam industri perkhidmatan, industri pembuatan dan industri pembinaan.

Tuan Yang di-Pertua, kita mesti meneruskan dasar-dasar ekonomi untuk mengurangkan jurang perbezaan antara rakyat dan antara kaum. Justeru itu, kita menolak saranan-saranan yang dibuat oleh IMF untuk meliberalisasikan ekonomi kita kerana ini akan menjejaskan imbangan ekonomi antara kaum. Walau bagaimanapun, sekiranya liberalisasi hendak dibuat, pelaksanaannya hendaklah dibuat secara berperingkat-peringkat supaya tidak menjejaskan hubungan baik dan rapat antara kaum di negara kita ini dan membubarkan dasar-dasar ekuiti yang telah kita amalkan.

Kita mestilah bekerja berhabis-habisan untuk memulihkan pertumbuhan ekonomi kita, justeru itu, kita menyeru kepada setiap lapisan rakyat untuk menerima dasar-dasar yang telah dibuat oleh kerajaan untuk memulihkan pertumbuhan ekonomi. Untuk mengekalkan kestabilan politik, keselamatan dan kestabilan negara, kita mesti berazam memaju dan mengekalkan pertumbuhan ekonomi ke tahap sekurang-kurangnya antara lima dan enam peratus kerana pertumbuhan ekonomi yang mapan dan stabil dengan dasar ekuiti yang saksama lagi adil boleh memperkukuhkan perpaduan rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, kita juga mesti meneruskan usaha-usaha menyekat kemaraan pendatang tanpa izin dan menghantar mereka pulang dengan serta-merta kerana kehadiran mereka dalam masa kegawatan ekonomi negara akan menjejaskan keselamatan negara dan kesejahteraan rakyat. Kita mesti membuat pindaan kepada akta-akta yang tertentu berkenaan dengan perbicaraan dan penangkapan pendatang-pendatang tanpa izin supaya mereka ini boleh dihantar balik ke negara masing-masing tidak lewat dari satu minggu selepas mereka ini ditangkap.

Kita bimbang sekiranya masalah pendatang tanpa izin tidak dapat diatasi dengan serta-merta, keselamatan dan kesejahteraan rakyat akan tergugat dan terjejas. Justeru itu, kita menyarankan supaya Jabatan Polis Diraja Malaysia, Jabatan Imigresen dan Tentera Laut Diraja Malaysia hendaklah diberi kakitangan, alat-alat dan kelengkapan yang cukup dan sempurna. Kita berasa dukacita kerana banyak bot-bot merin polis tidak dapat dibaiki disebabkan kekurangan peruntukan.

Tuan Yang di-Pertua, sudah lebih dari 40 tahun kita merdeka, perpaduan kaum, kestabilan politik, kesejahteraan negara dan keselamatan rakyat dapat dikawal dan dibendung. Walau bagaimanapun, kita mesti prihatin atas unsur-unsur dan gejala-gejala yang boleh mencetuskan rusuhan kaum, menjejaskan perpaduan kaum dan menggugat kestabilan politik. Kita tidak mahu diletakkan di dalam satu situasi yang mengikut pepatah orang Melayu, 'sudah terhantuk baru hendak tengadah'.

Justeru itu saya suka mencadangkan supaya kerajaan menubuhkan dan mewujudkan satu Majlis Ketahanan Negara atau National Solidarity Council sebagai penasihat kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri atas isu-isu yang boleh menimbulkan masalah-masalah perkauman yang akan mencetuskan perasaan merusuh yang akan menggugat kestabilan politik kita. Majlis Ketahanan Negara ini hendaklah diletakkan di bawah Jabatan Perdana Menteri dan bertanggungjawab kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri. Ahli-ahli Majlis ini hendaklah terdiri daripada ahli-ahli veteran politician dan statesman negara yang telah berjasa dan berbakti kepada rakyat dan negara dan tidak lagi memegang apa-apa jawatan dalam kerajaan seperti Yang Amat Berbahagia Tun Abdul Ghafar bin Baba, Yang Amat Berbahagia Tun Omar Ong Yoke Lin, Yang Amat Berbahagia Tun Lim Chong Eu, Yang Berhormat Tan Sri Pasamanickam dan lain-lain ahli-ahli veteran politik termasuk dari negeri Sabah dan Sarawak.

Majlis ini hendaklah diberi kuasa untuk menilai kajian-kajian yang dibuat atas isu-isu yang boleh menimbulkan kegawatan perkauman. Majlis ini juga hendaklah diberi kuasa untuk mengadakan public inquiry atas isu-isu perkauman yang telah timbul atau boleh timbul untuk tujuan mencari jalan menyelesaikannya. Kita mencadangkan supaya satu akta penubuhan Majlis Ketahanan Negara (National Solidarity Council) ini hendaklah diluluskan oleh Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, kegawatan ekonomi yang telah melanda negara kita dan negara ASEAN dan Asian boleh menjejaskan perpaduan kaum dan kestabilan politik negara kita. Justeru itu, kita mestilah prihatin setiap masa atas isu-isu yang boleh memecahkan perpaduan kaum, perpaduan rakyat dan kestabilan politik kita. Kita tidak boleh menyelesaikan masalah perkauman dan kestabilan politik semata-mata dengan tindakan polis atau tentera atau undang-undang sahaja. Masalah perkauman boleh diatasi dan diselesaikan menerusi permesyuaratan, perundingan, muzakarah, dengan sikap tolak ansur dan toleransi. Kita berharap Majlis Ketahanan Negara (National Solidarity Council) sekiranya dapat ditubuhkan akan dapat memainkan satu fungsi dan peranan yang berkesan untuk mengekalkan perpaduan kaum, perpaduan rakyat dan kestabilan politik negara. Fungsi dan peranan ini tidak dapat dilaksanakan oleh Jabatan Perpaduan Negara yang ada sekarang ini. Sekian, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yan.

4.45 ptg.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin [Yan]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya bangun untuk mengucapkan terima kasih di atas Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong di Perasmian Penggal Keempat, Parlimen Kesembilan.

Tuan Yang di-Pertua, semua orang tahu sekarang ini kita sedang menghadapi masalah ekonomi. Ada rakyat Malaysia yang apabila menghadapi masalah menunjuk jari kepada kerajaan, menuduh kerajaan pelbagai macam, ada juga yang hanya berdiam diri dan ada juga yang merasa tidak puas hati tentang kegawatan ekonomi ini dan tidak berbuat sesuatu sekali pun walaupun sekadar untuk menasihati kawan dan rakan agar bertenang.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita bercakap fasal susah, kita kena ingat ada orang yang lagi susah daripada kita. Kadang-kadang kita sendiri tidak merasa syukur di atas nikmat yang kita dapat. Kalau kita bersyukur di atas nikmat yang kita dapat, rezeki yang kita dapat, saya kira kita akan menghadapi apa jua masalah dengan penuh ketenangan.

Tuan Yang di-Pertua, saya merasa amat terkilan apabila parti pembangkang terutama sekali parti PAS telah menjelajahi merata kampung untuk menunjuk jari kepada Kerajaan Barisan Nasional di atas kegawatan ekonomi, sedangkan mereka ini juga terdiri daripada orang-orang yang berpendidikan dan memahami keadaan global yang kita hadapi pada hari ini. Tetapi mereka akan terus ke kampung, ke ceruk-ceruk kampung untuk terus menghentam kerajaan kerana kegawatan ekonomi.

Tuan Yang di-Pertua, sepatutnya mereka lebih bersikap bertanggungjawab terhadap negara, kerana kalau kerajaan hari ini sedang bertungkus-lumus untuk menyelamatkan negara dan boleh dikatakan kerajaan begitu prihatin dan telah menjalankan tugas dengan penuh baiknya sekali untuk kita menyelesaikan keadaan ini. Sepatutnya pihak pembangkang termasuk DAP patut memahami dan menyokong kerajaan kerana ini adalah isu negara, isu rakyat. Kalau kita hendak bertanding pilihan raya tidak lama lagi itu lain cerita. Tetapi dengan keadaan kegawatan ini kita sepatutnya bangun menyokong kerajaan sehabis-habisan membantu kerajaan dan mencari pandangan serta memberi idea kepada kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya harap rakyat Malaysia akan menerima keadaan ekonomi ini dengan penuh kesabaran dan keinsafan. Mungkin Tuan Yang di-Pertua, kadang-kadang kita merasakan gaji kita RM2,000 tak cukup, tetapi sedar atau tidak sedar, di kampung rakyat hidup dengan gaji RM300 sebulan. Itulah duitnya untuk makan, itulah duitnya untuk anak ke sekolah, itulah duitnya kadang-kadang untuk berubat sedikit sebanyak.

Jadi, kalau kita dok anggap kita ini susah, ada lagi orang yang lagi susah. Jadi, kalau kita berpegang kepada prinsip aku hendak senang, orang lain tak kira, jadi, kita ini bukanlah rakyat yang bertanggungjawab.

Saya menyerulah kepada semua rakyat tak kira siapa sahaja, apabila Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menubuhkan tabung untuk negara, kita patut menyahut seruan ini. Kalaulah peserta-peserta Pasar Tani sanggup berkorban RM1 tak banyak, sekali seminggu jualan, apakah kita rakyat Malaysia tidak sanggup dan saya merasa amat dukacita kerana jumlah yang kita dapat dari kutipan tabung itu hanya RM900,000, tak sampai pun RM1 juta. Kot-kot kita, saya hendak tanya, mana perginya wajah-wajah tauke-tauke orang kaya-kaya? Takkkanlah depa juga menghadapi masalah, sedikit pun tidak boleh berikah? Takkanlah sedikit pun mereka tidak boleh sumbang untuk negara.

Kalau rakyat di kampung boleh menyumbang, pegawai-pegawai kerajaan sanggup memberi

potongan gaji dan itu ini untuk Tabung Negara, apakah tauke-tauke, ahli-ahli korporat yang duduk di swasta itu dan di swasta ini tidak menyumbang kepada tabung ini?

Adakah sumbangan mereka itu hanya sekadar untuk mendapat balasan. Kalau kita memberi sumbangan kemudian kita hendakkan projek, yang itu bukan ikhlas. Kita beri sumbangan pada ketika negara memerlukan bantuan dan kita kena memberi bantuan.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap Ahli-ahli Dewan Rakyat pun sanggup berkorban sedikit sebanyak untuk meringankan beban kerajaan di samping kita memberi pandangan kepada masyarakat di peringkat bawahan, kalau kita boleh berkorban sedikit sebanyak, kita korbanlah untuk negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, kalaulah rakyat negara lain sanggup bergadai nyawa untuk melangkah kami ke bumi Malaysia ini, apakah kita rakyat Malaysia ini tidak sanggup berkorban untuk negara kita sendiri. Mereka sanggup datang ke sini untuk hendak mencari makan, hendak hidup serta hendak menyambung nyawa. Adakah kita rakyat Malaysia tidak bersyukur dan tidak berterima kasih kepada kerajaan di atas apa yang kita dapat hari ini. Mungkin kita kekurangan sedikit, mungkin harga barangan naik sedikit, saya tidak nafikan, tetapi ini adalah keadaan di mana kerajaan sendiri pun kadang-kadang tidak mampu untuk membendungnya.

Jadi, kita kurang-kuranglah sedikit, kita berjimat-jimatlah sedikit masa berada kita belanja, masa tidak ada kita 'odd-oddlah' sedikit, orang Kedah kata, belanja ala kadar. Kalau kita hendak maintain status dengan kesenangan masa senang, bila susah kita tidak boleh maintain, jadi, bermaknanya kita tidak bersyukur. Kita terima dugaan ini dengan penuh ketabahan, dengan penuh kesabaran dan saya menyeru kepada parti-parti pembangkang supaya jangan menjadi pengkhianat dalam masalah ini, berhentilah dok masuk kampung, dok kata macam-macam kepada kerajaan ini. Kerana dalam kegawatan ini pun Ahli-ahli Dewan Rakyat parti pembangkang pun dapat elaun, tak potong sekupang pun.

Seorang Ahli: Potong!

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Potong sedikit-sedikit tidak mengapa, yang itu hendak kira apa? Ini dok pi maki di kampung, dia kata cerca lagi kerajaan, lepas itu sambar lagi duit rakyat itu, jihad fisabilillah sebenarnya pi sabilillah, sapu duit itu kepada depa, berhentikanlah hak ini, sudahlah, dalam keadaan ekonomi ini tak usah dok buat macam itu, ambil duit itu, cuba ambil duit yang dikutip sumbangan itu beri kepada Tabung Negara, yang ini bukan beri kepada Kerajaan Barisan Nasional - tidak, kepada Tabung Negara.

Jadi, saya menyeru supaya PAS dan DAP dok elok-elok, dalam keadaan susah ini dok elok-elok.

Tuan Lim Hock Seng: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya, dia bangun.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Apa Bagan? Okay.

Tuan Lim Hock Seng: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Di sebelah sini kami menyeru rakyat berjimat-cermat, memberi derma kepada tabung, kepada ini dan itu, tetapi di sebelah sana ada ketua-ketua kerajaan membazirkan wang rakyat dengan memberi tender kepada yang paling tinggi sekali, apa pandangan Ahli Yang Berhormat?

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Tuan Yang di-Pertua, ini very general. Inilah ini, semua ini salah sangka, kadang-kadang hak yang ditawarkan rendah itu pun dia tidak boleh buat kerja hendak beri buat apa? Kita kena gunakan akal. Dia ada lembaga tawaran, di mana-mana pun ada lembaga ini, jadi, kalau kita berikan kepada orang yang tak mampu kadang-kadang orang itu dia quote harga tender itu dengan harga yang rendah, kemudian dia tidak boleh siapkan kerja itu, bila tidak boleh disiapkan hendak retender lagi dan sebagainya, ini akan merugikan kerajaan.

Jadi, Ahli Yang Berhormat dari Bagan, Ahli Yang Berhormat tidak berapa faham fasal tawaran tender ini, kalau Yang Berhormat pergi ke Perbendaharaan ada circularnya cara tawaran ini dibuat semuanya, dia ada prosedurnya sekian-sekian ratus ribu, sekian-sekian juta, dia ada prosesnya, bukan boleh diberi begitu sahaja. Yang ini bukan harta pusaka, Yang Berhormat dari Bagan, yang ini hak rakyat, jadi, kita hendak beri pun kenalah mengikut prosedurnya. Kalau harta pusaka tidak mengapalah, kita beri anak mana yang kita sayang kita beri lebih, yang kita tak sayang kita beri kurang.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagilah ....

Tuan Yunof Edward Maringking: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya, Tuaran bangun pula Yang Berhormat.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Haiya Tuaran, apa mahu lagi? *[Ketawa]*

Tuan Yunof Edward Maringking: Tuan Yang di-Pertua, saya minta penjelasan daripada sahabat saya dari Yan kerana dia kata kerajaan mahu berjimat-cermat di dalam keadaan ekonomi negara sekarang. Tetapi adakah Yang Berhormat sedar bahawa di Sabah banyak penyelewengan yang berlaku dan sehingga projek yang tidak siap pun ataupun tidak dilakukan mengikut apa yang seharusnya dilakukan telah dikatakan telah siap mengikut perancangan.

Saya ambil satu contoh, supaya Yang Berhormat boleh jawab dengan betul, di kawasan saya ada satu jalan raya sejauh satu kilometer lebih, dia kata mahu diaspal buat parit semuanya, jadi sebagai tanggungjawab kita untuk membantu Ahli Yang Berhormat dari Barisan Nasional, kita mahu pastikan wang rakyat ini dibelanjakan dengan betul. Bila kita pergi melihatnya tidak ada parit, tidak ada diaspal tetapi dikatakan sudah siap, jadi, bagaimana? Inikah cara yang betul, mengikut kontrakkah itu ataupun tender yang betul?

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Yang Berhormat, sebenarnya bukan diaspal - ditarkan atau diturapkan.

Seorang Ahli: Apa itu? *[Ketawa]*

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Tuan Yang di-Pertua, ini berlaku di zaman PBS kan? *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya, ...

Tuan Yunof Edward Maringking: *[Menyampuk]*

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya, kita ada, jadi Ahli Yang Berhormat tidak menjalankan tugas Yang Berhormat sebagai wakil rakyat bagi kawasan tersebut.

Beberapa Ahli: Ya.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Kalau Yang Berhormat menjalankan tugas, Yang Berhormat telah membuat laporan ini dan membuat siasatan dan sebagainya dan memberitahu BPR atau siapakah, ini Ahli Yang Berhormat bising di Dewan Rakyat tetapi di kampung tidak diberitahu diaspalkah atau tidak diaspalkah. *[Ketawa]*

Tuan Yunof Edward Maringking: Di sini tidak ada BPRkah? *[Ketawa]*

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Ini Yang Berhormat sendiri kena bertindak sebagai wakil rakyat. Jadi, Ahli Yang Berhormat tidak buat kerja sekarang mahu marah sama kerajaan, ini juga membazir wang rakyat, Yang Berhormat makan gaji buta. *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua, selesai bab ini, jadi saya mintalah walaupun syarikat-syarikat besar menghadapi perkara ini, ada juga syarikat yang mendapat keuntungan saya baca. Walaupun keuntungan mereka merosot, mereka mendapat juga keuntungan, cuba sekurang-kurangnya mereka berilah 5% daripada keuntungan mereka itu kepada Tabung Negara ini. Saya melihat memanglah kadang-kadang bank pun mereka membuat laporan tahunan mereka, bottomline mereka telah menurun disebabkan keadaan ekonomi sekarang, tetapi demi untuk negara dan keikhlasan kita sebagai rakyat, keikhlasan kita kepada tanah air kita, sumbanglah sekurang-kurangnya 5% atau 10% dari keuntungan itu kepada Tabung Negara kerana negara-negara lain sanggup menggadai gelang dan sebagainya berkilo-kilogram, apa salahnya kalau boleh kita berilah, kalau tidak boleh beri gelang, berilah seurat gelang pun jadilah, kalau tidak boleh beri banyak satu urat pun jadilah, kalau subang tak boleh berilah, kalau beri sebelah, sebelah lagi pula tak ada, berjalan pelik pula, tetapi kalau gelang kot boleh, kita pakat beri. Tuan Yang di-Pertua, kerana kalau kita menghadapi masalah generasi kita akan menghadapi masalah dan rakyat kita juga akan menghadapi masalah.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi saya ingin mengucapkan banyak terima kasih kepada kerajaan dan Kementerian Pendidikan di bawah Kementerian Pendidikan, Yang Berhormat Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak kerana telah melegakan ramai ibu bapa yang mana anak-anak mereka telah dihantar keluar negara untuk melanjutkan pelajaran mereka.

Jadi, dengan kesungguhan kerajaan untuk melihat generasi bangsa kita ini terdiri dari generasi yang terpelajar di masa yang akan datang, kita berkorban sedikit lagi untuk memastikan anak-anak kita yang belajar di luar negara ini tidak balik ke tanah air ini, jika mereka balik sekarang ini mereka akan celaru, patah hati dan akhirnya mereka akan kecewa dalam hidup.

Jadi, saya ucapkan terima kasih banyaklah kepada kerajaan, daripada pihak pembangkang seorang pun tidak kata terima kasih, anak mereka pun ada yang belajar di luar negeri. Kita tahan mereka biarlah mereka selesaikan masalah pendidikan di sana dan balik dengan kelulusan dan insya-Allah mereka akan menyumbang bakti balik kepada negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya difahamkan negara-negara lain jiran-jiran kita ini habis dah pakat panggil student balik dan mereka ini menghadapi tekanan jiwa yang amat sangat. Maklumkan, pergi belajar sekerat jalan patah balik ini - malu! Jadi, ibu bapa sekarang ini saya tanya mereka dalam Dewan ini pun ramai anak-anak mereka yang belajar di luar negara lega bukan main dah, Tuan Yang di-Pertua, mereka bersyukur, kerajaan pun kena berbelanja beratus-ratus juta ringgit. Ini kerajaan tak bagus juga lagi kata pembangkang, anak mereka juga belajar di luar negara.

Tuan Yang di-Pertua, lagi satu IPTS, saya minta kerajaan supaya walaupun institusi pengajian tinggi swasta ini diwujudkan untuk kita mengatasi masalah pelajar di luar negara dan sebagainya, tetapi saya minta kalau boleh IPTS ini juga memberi kedudukan ratio kuota kepada kaum bumiputera supaya mereka juga dapat memasuki IPTS ini dan saya berharap kerajaan melalui Tabung Pendidikan Tinggi Nasional ini dapat membantu pelajar-pelajar kita yang ingin memasuki IPTS ini.

Tuan Yang di-Pertua, jadi kita mahu di setiap IPTS ini, dia ada gabungan pelajar-pelajar rakyat Malaysia kita, jangan hanya terdiri daripada satu kumpulan, satu keturunan dan sebagainya, ini tidak akan menjadi sihat. Kita hendakkan orang bumiputera ada, bukan bumiputera ada, orang Tionghua, India dan sebagainya duduk di situ sebagai satu keluarga Malaysia. Jadi, janganlah hanya IPTS ini kadang-kadang terdiri daripada kumpulan tertentu, masyarakat tertentu dan akhirnya kita akan jadi merenggang jauh.

Tuan Yang di-Pertua, jadi untuk mengeratkan dan mendekatkan ini, kita minta bahawa kerajaan juga memastikan IPTS ini .....

Dr. Tan Chong Keng: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Bukit Mertajam bangun Yang Berhormat.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: *[Bertutur dalam bahasa Cina]*

Dr. Tan Chong Keng: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih, penjelasan. Ahli Yang Berhormat dari Yan mengutarakan berharap pelajar-pelajar dari IPTS itu terdiri daripada pelajar-pelajar semua kaum. Memang ini adalah harapan kita semua dan saya hendak bertanya sama ada Ahli Yang Berhormat menyokong idea saya bahawa Tabung Pendidikan Tinggi Nasional ini mesti membuat peruntukan supaya pinjaman pendidikan diberi kepada semua pelajar yang layak meminjam, walaupun daripada IPTA ataupun IPTS. Sekian, terima kasih.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin; Terima kasih Bukit Mertajam. Saya ingat Yang Berhormat sudah faham sebab bila kita lulus dalam Dewan Rakyat ini saya kira kelulusan itu untuk semua dan menteri pun kata untuk semua pelajar yang layak. Jadi masalah ini tidak timbul dah. Jadi, walaupun saya bukan Menteri Pendidikan, tapi saya ingat jawapan *[Ketawa]* Menteri Pendidikan kelmarin pun jelas menyatakan bahawa...

Dr. Tan Chong Keng: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Dia bangun lagi, Yang Berhormat.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Ya.

Dr. Tan Chong Keng; Minta penjelasan. Tapi bukan untuk semua IPTS. Jikalau tidak ada peruntukan pinjaman pendidikan adakah pelajar-pelajar dari semua kaum sudi membayar bayaran tusyen yang dikenakan untuk menghadiri kursus-kursus yang dikenakan oleh IPTS. Sekian.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Terima kasih Bukit Mertajam . Sebab itu Tuan Yang di-Pertua kita ni terpaksa berkorban sedikit, jadi kita bantu kerajaan supaya bila kerajaan ada duit banyak Tuan Yang di-Pertua, kita boleh pertingkatkan tabung pendidikan itu, dan dengan adanya duit banyak dalam tabung itu maka kita boleh bantu pelajar-pelajar kita di IPTS dan IPTA ini.

Dengan itu Tuan Yang di-Pertua, saya berharap IPTS-IPTS juga kena perihatin. Jangan kita naikkan terlampau tinggi. Jangan caj atau 'tuition fees' dia terlampau tinggi, kerana mereka juga jika di samping, berniaga hendak mencari keuntungan, tetapi dia kena faham bahawa tanggungjawab sosial, tanggungjawab terhadap masyarakat pun kena jaga juga. Jadi diwaktu keadaan ekonomi gawat ini mereka cuba seminimum yang boleh untuk 'break even' atau untung sedikit tetapi dapat kita masukkan pelajar-pelajar ini ke dalam IPTS-IPTS.

Tuan Yang di-Pertua, lagi satu saya minta yang pertama saya mengucapkan tahniahlah kepada Pengerusi MARA yang baru iaitu Yang Berhormat daripada Parit Sulong, kerana hari 'April Fool' dia jadi Pengerusi MARA. [*Ketawa*] Hari 'April Fool' dia jadi Pengerusi MARA, saya harap dia buat keputusan yang betullah. Cuma satu saya minta MARA ini cuba kaji. Sekarang ini penuntut-penuntut

bila keputusan (result) keluar ni cukup cemerlanglah. Menteri Pendidikan pun pening hendak bubuh di mana 'student ni' terlampau ramai yang score 10A dan beberapa A1 dan sebagainya.

Tapi Tuan Yang di-Pertua, saya minta pihak kerajaan dan pihak MARA prihatin kepada pelajar-pelajar di luar bandar. Saya faham baru-baru ini MARA ambil 'student' hendak straight A, dia kena straight A semua. Student luar bandar Tuan Yang di-Pertua, dengan kemudahan sekolah tak cukup, guru tak cukup, kadang-kadang guru Bahasa Malaysia ajar Bahasa Inggeris, kemudian hendak score A Bahasa Inggeris macamana. Kadang-kadang sudah keturunan, keturunan dia belah-belah kawasan Pokok Sena belah-belah bukit sikit itu dia bercakap loghat Siam, balik dirumah ko-ka-ko-ka. Itu pun dia boleh score B dalam Bahasa Inggeris, tetapi tak boleh kita bubuh dalam MRSM, apa pasal? Kita hendak setara mana? Jadi sampai bila ni, hak dalam bandar tak apalah. Di sekolah-sekolah menengah dalam bandar, di Kuala Lumpur, di Pulau Pinang, tak apalah Tuan Yang di-Pertua, anak orang baik-baik semua. Ni hak yang luar bandar macam kawasan saya kalau dia boleh Bahasa Inggeris B pun kita kena bagilah kelonggaran pada dia, bagi dia masuk di MARA. Kalau tidak Tuan Yang di-Pertua, hak yang kampung , dia tak bolehlah hendak dapat ni. Jadi saya haraplah kita gunalah sikit..., bagilah. Kalau kita ni pun Tuan Yang di-Pertua, yang tubuh kerajaan ini daripada luar bandar juga. Kita ni wakil-wakil rakyat kampung semua ni.

Tuan Yang di-Pertua, kadang-kadang saya rasa susah hati, ada sekolah dalam kawasan MRSM-MRSM ni, bila kita minta, dia kata tak cukup. Saya biasa jumpa Pengerusi MARA yang dulu, Dato' Othman bin Abdul, dia kata hendak straight A. Jenuhlah hak lidah Siam ini. Bahasa Inggerisnya pening, dia boleh B, jadilah setara tu Tuan Yang di-Pertua. Kemudian dia masuk mai di asrama dia berkawan, balik dia score A baliklah. Jadi kalau kita tak bagi peluang kat dia, dia patah hati. Kita di kampung, wakil rakyat bila berbicara. "Tuan-tuan dan puan-puan, anak-anak tuan-tuan bagi depa pelajaran, bagi depa sekolah, kerajaan akan bantu itu ini". Bila anak dia mai di tolak, pada kita dia tulis surat dia tak dapat, harulah wakil-wakil rakyat. Jadi saya haraplah yang ni kita kena prihatin. Patutlah. pegawai-pegawai kerajaan pun bila mai surat-surat dari luar bandar tolonglah kesian orang-orang luar bandar, depa bukan kacau apa pun sangat. Depa tak macam orang bandar. Orang luar bandar air tidak ada depa tak bising, depa pergi korek telaga. Di Kuala Lumpur tak ada air dah teruk dah, keluar TV semua. Kami di kampung tak ada air korek telaga, api tak ada pasang lilin, pasang gasoline, tak apa macam tu, kita biasa susah. Tapi yang air dalam kawasan bandar boleh tak ada, kita pun hairan.

Jadi makna tak kanlah kerana berjimat cermat sampai air pun tidak ada. Api tak ada orang tak marah Tuan Yang di-Pertua, air tak ada, seksa, dengan budak-budak dan macam-macamlah. Orang tua-tua, bapak, emak apa semua, dengan air tak ada ni pening. Haru, air tak ada haru. Jadi saya mintalah Jabatan Air di Wilayah Persekutuan, ini malu dekat orang Tuan Yang di-Pertua. Kita dok panggil tourist mai ke Malaysia suruh mai ke Malaysia, Malaysia bagus. Sudah le jerebu selesai air pulak masalah. Lepas ni apa pulak. Jadi kena buatlah planning bagi elok sikit.

Di kampung tak ada masalah Tuan Yang di-Pertua. Di kampung kalau api tak ada sekejap saja, kawasan saya kadang putus sepuluh kali, kalau seminggu tak apa kami sabar, janji bagi ada, tapi di bandar Tuan Yang di-Pertua, tak ada sikit sudah masalah. Jadi kita sabar banyak di kampung ni. Jadi kalau ada peluang baik-baik, bagilah orang kampung sama. Yan kampunglah. Pendidikan ke, apa ke bagilah, kalau Tuaran tu nantilah dulu. Depa ni bukan boleh kira apa. [*Ketawa*].

Lagi satu Tuan Yang di-Pertua, dalam keadaan ekonomi negara macam ini dengan pendatang halal, haram dan sebagainya bagi masuk ikut laut, darat semua, wataniah kita ini kena bagi bagus, kita kena pertingkatkan. Saya faham Menteri Pertahanan kerja pun kuat, tengok muka dia pun kita tahu dia kerja kuat, tinggal tepi sahaja, rambut yang tengah sudah selesai, punya kerja kuat. Ratio sepatutnya satu regular-tiga wataniah. Jadi saya menyerulah, kawasan Parlimen saya, sudah buat. Saya panggil menteri lancar wataniah. Jadi bila ada askar wataniah ia mengurangkan beban kerajaan, depa ni 'volunteer'. Macam negara jiran kita, dia ada kerahan tenaga, kita tak ada. Jadi kita kena bersiap sedia mempertingkatkan tentera wataniah, meringankan beban kerajaan dan membantu kerajaan dalam keadaan masa-masa tertentu, sekurang-kurangnya askar kita ini boleh pertahankan perairan kawasan masing-masing. Kalau Pokok Sena ada Askar Wataniah dia boleh jaga 'perenggan' dia, kalau Siam masuk dia boleh pertahankan. Yan, dia tengok sebelah mana pulak, sebelah Burmakah. Jadi kita pakat-pakat jaga, jangan dok harap semua pada kerajaan. Pembangkang marahlah, apa kerajaan buat, apa pasukan keselamatan buat?

Lagi satu Tuan Yang di-Pertua, peruntukan luar bandar. Saya minta ampun banyak-banyak kepada kementerian janganlah potong, tolonglah. Peruntukan luar bandar ni bagilah, walaupun dalam keadaan ekonomi yang ni, hak dalam bandar elok dah, kalau dalam bandar kurang turap jalan-jalan ambil hak duit turap jalan bandar buat luar bandar. Kadang-kadang di Kuala Lumpur ni Tuan Yang di-Pertua, kira cukup elok dah jalan kawasan-kawasan bandar pun cukup elok dah, itupun depa bubuh lagi turap lagi 'aspal' [*Ketawa*]. Jadi Tuan Yang di-Pertua, ambil yang ni pilah bubuh dekat luar bandar, kerana kesian dekat luar bandar. Kerana Tuan Yang di-Pertua, depa pun hendak rasa juga nikmat kemerdekaan termasuk Sabah dan Sarawak, Tuan Yang di-Pertua. Saya mintalah kepada kerajaan, tolong!

Satu lagi Tuan Yang di-Pertua, pasal lesen, alhamdulillah, bas mini hari ini 'last day' esok tak ada bas mini ada Intrakota dan sebagainya. Yang dok mengamuk la ni bas ekspres. Saya hendak bagi tahu, ada lebih kurang 361 pengusaha bas ekspres. Satu Malaysia ini 361.....

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Rompin bangun, Yang Berhormat.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Ya. Ya...

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis; Penjelasan untuk makluman Yang Berhormat Yan, saya terima Yang Berhormat bercakap Bahasa Malaysia tapi tolong cakap bahasa baku [*Ketawa*]. Ramai kami tak faham. Banyak buah fikiran Yang Berhormat itu baik, tapi kami kurang faham, itu yang betul.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Fasal bahasa Tuan Yang di-Pertua, kita kena perbetullah, saya pening, sebab itu saya guna bahasa saya. Kalau kita buka TV3 'bang bang' buka TV1 'beng beng', jadi saya hendak pi tang mana 'buh buh'. Jadi bahasa kita pun pening. Kita buka TV3 News dia bunyi suara lain, mai TV1 dia lagu lain. Jadi saya bubuh lagu sayalah [*Ketawa*]. Asal tuan-tuan faham maksud cukuplah.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, ada 316 pengusaha bas ekspres, saya hendak khabar Tuan Yang di-Pertua, laluan yang kerajaan bagi untuk Kangar-Kuala Lumpur Tuan Yang di-Pertua, untuk sehari 48 trip Tuan Yang di-Pertua, Kangar ke Kuala Lumpur 48 trip, 48 trip satu bas 40 passenger, ada berapa ribu orang, berapa ratus orang Daripada Kangar ke Kuala Lumpur siapa hendak mai ramai sangat tiap-tiap hari. Tak ada siapa mahu mai kecuali waktu raya, cuti kelepasan, kalau tidak cukup banyak. Sekarang Tuan Yang di-Pertua, syarikat-syarikat bas ekspres mengalami kerugian. Lesen keluar satu laluan, kadang-kadang sampai 3, 4 syarikat buat satu laluan. Akhirnya depa berebut, hendak buat macam mana berebut trip.

Jadi saya merayu pada kerajaan supaya kerajaan ada satu dasar, saya mencadangkan kerajaan buat satu dasar. Sekarang ini Tuan Yang di-Pertua, orang hendak naik bas ekspres takut. Pertama, driver tak cukup tidur, kedua driver dok hisap 'fit' hisap dadah. Jadi bayangkanlah kita bayar duit hendak naik bas kemudian bas tu hendak terjun tang mana, wallah hualam, tak ke takut kita. Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan kerajaan macam ni bagus, di bandaraya Kuala Lumpur kita ada Intrakota, dia bagi satu syarikat buat. Jadi dia jaga, maknanya masalah bas dalam bandar ini, masalah dia. Kalau tidak dulu bas mini setiap penjuru dia masuk. Kadang-kadang dia brek tempat yang tak tentu pasal. Orang yang naik bas mini Tuan Yang di-Pertua, tak bawa 'asam koo' tak cukup syarat, 'asam koo' kalau tidak dia meloya sikit, asam boi, orang Kedah kata asam koo. Dia bawa macam kapal terbang, jadi orang duduk dalam itu pening, takut muntah makan asam koo. Jadi saya rasa kalau boleh untuk bas ekspres ke selatan kita bagi satu konsortium, kita pakat elok-elok untuk tengah, untuk utara satu konsortium. Jadi depa boleh buat bas lebih selesa dan lebih sesuai dengan pembawa (driver) bas yang berdisiplin. Tuan Yang di-Pertua, dekat raya nanti kita tengok kemalangan berlaku, sampai kita takut di atas jalan raya, takut hendak tumpang sama di atas jalan raya. Bas dia mai macam ribut, pasal dia nak tangkap 'trip' depa bayar pakai 'trip'. Gaji kecil, driver hendak pakai 'trip' bila pakai 'trip' Tuan Yang di-Pertua, dia tekan minyak rapat. Waktu tu bukan dia kira hang Peroduakah, hang Kancilkah, hang lalu hang kena. Jadi saya harap kerajaan kaji balik. Kaji balik laluan Alor Setar-Kuala Lumpur sehari 62 'trip'. Orang Alor Setar mana hendak mai sehari 62 trip, 62 kali 4 kali 6 berapa dah, cuba kira Tan Sri-beribu. Depa dok buat bendang, waktu bila hendak makan angin di Kuala Lumpur ni.

Jadi kerajaan kena kaji balik Tuan Yang di-Pertua, ini dia, untuk laluan Kangar-Kuala Lumpur ada lapan syarikat. Untuk Alor Setar-Kuala Lumpur 27

syarikat termasuk MARA. Saya minta gabungkan yang ini Tuan Yang di-Pertua, kemudian insya-Allah kalau gabung baru kita dapat ni, kalau kita hendak bubuh kotak hitam, kotak apa-kita bubuh. Bila dia main dengan trip Tuan Yang di-Pertua, dia belah kotak-kotak hitam ni. Saya khabar betul-betul ni. Kemudian kotak hitam ni saya difahamkan kerajaan kena kaji Tuan Yang di-Pertua, pasal kalau dia buat silap dua kali, dia 'speed' dua kali bas itu mati tak boleh jalan, buatnya dia bawa passenger bas itu mati di tengah-tengah jalan, siapa hendak pi 'start' bas tu, dia kena polis pi 'start'. Kalau mati tengah malam Tuan Yang di-Pertua, lena dalam bas passenger tu, besok hendak pi kerja di Kuala Lumpur macamana.

Jadi, saya minta, kerajaan kaji balik kotak hitam ini cara macam mana supaya jangan buat macam itu. Jadi kita buat sistem jangan menyusahkan pengguna bas, saya harap itu, Tuan Yang di-Pertua.

Kemudian satu lagi pertanian, ini last hendak cakap fasal pertanian. Sekarang ini keadaan ekonomi kita dah susah.

Tuan Yang di-Pertua: Last Yang Berhormat, ya.

Yang Berhormat Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Ya, saya akur, Tuan Yang di-Pertua. Jadi, pertanian ini saya harap, syarikat-syarikat yang ada, kawasan-kawasan perumahan depa tak buat, banyak melabur dalam pertanian. Banyakkan sayuran dan banyakkan buah-buahan, banyakkan apa sahaja yang tempatan. Kadang-kadang yang kita kecewa waktu susah sekarang ini pun, strawberry dok ada lagi di hotel besar. Baru-baru ini saya naik kapal terbang Malaysia, penerbangan Malaysia, dibubuh nenas, kemudian dia bubuh tembikai, dia selit strawberry, Tuan Yang di-Pertua, hang bubuhlah buah sawo celah tu, bubuhlah pisang, yang hang selit strawberry itu buat apa, itu import, Tuan Yang di-Pertua.

Seorang Ahli : Cameron Highlands ada!

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin : Siapa kata ada.....

Seorang Ahli : Itu strawberry dari Cameron Highlands

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin : Tuan Yang di-Pertua, saya Pengerusi FAMA, saya tahulah buah itu daripada mana! Dia duduk di Tumpat tu, ini yang saya marah, tapi dah kita marah makan juga perhabis buah tu. Kalau tidak beri dekat orang. Jadi saya berharap kerajaan tumpu perindustrian ni. Lepas itu kita tengok sekarang ini masalah yang kita hadapi, saya Pengerusi FAMA, saya hendak kena perbetul, orang kata sekarang ini kita suruh orang kampung tanam, depa tanam sayur, kemudian bila hendak jual tak laku, FAMA tak mahu beli. Bukan FAMA tak mahu beli, depa tanam katakanlah tanam sayur 5 kilo, bawa mai sayur 5 kilo, suruh FAMA jual, 5 kilo suruh jual, aku tanam 5 kilo hang tolong jual, nak jual 5 kilo, macam mana, Tuan Yang di-Pertua. Jadi saya mencadangkan supaya kerajaan buat sistem macam tanaman padi bermusim, berjadual Tan Sri. Kemudian kita rakyat pun tiap-tiap kampung, tiap-tiap rumah boleh tanam, tanam sayur sendiri dan saya hendak habak kepada Tuan Yang di-Pertua, petua orang-orang tua, tanam sayur sekeluraga, ia mengeratkan lagi keluarga itu, macam kita biasa tanam pokok bunga, sama juga tanam sayur. Contoh, bila si isteri, si suami buat batas dengan cangkul, si-isteri mai benih tabur, kemudian sat lagi, si-suami mai bawa timba, isteri jirus, dia mesra, hak ranum pun dia banyak lagi, Tuan Yang di-Pertua *[Ketawa]*.

Akhirnya, saya mintalah kerajaan peruntukkan lebih kepada Kementerian Pertanian, terutama sekali LPP dan sebagainya dan kita perbanyakkan tanam-tanaman buah-buah tempatan. Kalau tiap-tiap rumah pakat tanam buah betik, kita tak payah beli. Buah betik ini bukan susah nak tanam, pergi beli sebiji, belah ambil biji, esok taruh dekat tingkap, seminggu ia tumbuhlah, bukan susah sangat, cukup mudah, itupun kadang-kadang dia balok, dia tak mahu tanam. Jadi dok marahlah, macam mana duit tak cukup, belanja lebih.

Kadang-kadang orang kampung ini kita hairan, kita dok nasihatkan depa, sayur di kampung tak patut beli dah, hangpa pergi tanam keliling rumah, itu pun dia beli 2 kilo, 3 kilo bawa balik. Jadi yang ini kita kena perbanyakkan. Saya bercadangkan kepada kerajaan supaya tanah-tanah terbiar ini kita pulih balik, beri kepada orang-orang yang hendak tanam dan syarikat-syarikat yang terlibat dalam tanaman pertanian ini, kita beri dia jangan banyak cukai keuntungan untuk negara fasal dia boleh membantu negara.

Akhir sekali, dan yang terakhir berkenaan dengan pertanian, kegunaan barang-barang tempatan. Tadi sahabat saya dari Sungai Benut tanya, memang betul Tuan Yang di-Pertua, saya pergi minum air di hotel lima bintang, kawan belanja, dalam masa ekonomi merosot ini, tak payah langkahlah hotel lima bintang, minta mineral water, dia bawa yang imported

padahal di Sarawak ada, di Yan ada, di Kedah ada mineral water, tapi depa bawa mai import, fasal apa. Syarikat-syarikat ini tidak bertanggungjawab, dah tu mahal pula, rasa lebih kurang air biasa sahaja. Mineral water ini air dalam telaga datang dari bumi. Kita dok mai import harga cukup mahal. Nama apa entah, jenis Even....even apa entah .....

Beberapa Ahli : Evian!

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin : Ha.. Evian. Entah saya pun tak biasa, barang import, Tuan Yang di-Pertua. Kita dok makan hak tempatan sahaja. Minta kopi, saya kata "I want local coffee" cakap orang Putih sedikit, tidaklah depa ingat kita orang kampung. Memang kampung pun, tapi standardlah sedikit. Dia kata "Sorry, Sir, no local coffee". Kopi tempatan pun tiada, Tuan Yang di-Pertua. Ibarat hotel tu dok ada di tanah air kita, jadi kalau kita hak hotel besar-besar ini pun tak boleh promote benda-benda kita, dia promote benda-benda luar negeri, saya minta kepada tuan-tuan sekelian semua rakyat Malaysia, kalau masuk tempat makan kalau tak ada benda tempatan, tak usah makanlah, balik makan di rumah tak apa, Kita boikot syarikat-syarikat yang tak guna barang-barang tempatan untuk menyelamatkan ekonomi negara kita. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua pun sudah suruh saya berhenti. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Kita akan sambung pada malam ini ya, Bandau.

5.26 ptg.

Dr. Maximus Johnity Ongkili [Bandau]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, kerana memberi peluang bagi saya untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Usul Menjunjung Kasih atas Titah Ucapan Diraja.

Tuan Yang di-Pertua, sepertimana yang ditekankan oleh dalam Titah Ucapan Diraja, ekonomi negara Malaysia kini dilanda berbagai masalah. Pokoknya ialah kejatuhan nilai mata wang negara dan kemerosotan pasaran saham. Semenjak pembentangan Belanjawan negara bagi tahun 1998 pada bulan Oktober lalu, kerajaan telah mengumumkan langkah-langkah tambahan untuk cuba memulihkan keadaan ekonomi negara. Namun demikian, kedudukan sebenar, masih dalam keadaan merosot dan langkah-langkah yang diambil oleh pihak kerajaan ketara sekali setakat ini tidak mencapai matlamat yang diinginkan, iaitu mengembalikan keyakinan pelabur khususnya dalam sektor pasaran modal.

Pada tanggal 24 Mac yang lalu, Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan sekali lagi telah mengumumkan dalam Dewan yang mulia ini, satu lagi pakej tindakan dasar kewangan dan fiskal untuk tujuan yang sama. Langkah-langkah baru termasuklah melaksanakan flexible change rate, dengan izin, menambah peruntukan pembangunan bagi beberapa sektor sosial serta menyemak kadar pertumbuhan ekonomi negara ke paras di bawah 3% iaitu sebagai base line, dengan izin, 2.5%. Setakat ini, Tuan Yang di-Pertua, impak langkah-langkah baru ini kepada sentimen pelaburan, sekali lagi tidak berkesan khususnya dalam sektor pasaran modal dimana indeks komposit BSKL dalam setengah jam yang lalu, kadar merosot sekali lagi dalam lingkungan 702 dan kemungkinan turun di bawah paras 700. Pada masa yang sama nilai pertukaran mata wang negara terus juga dalam keadaan masih tinggi dalam beberapa hari yang lalu dan termasuk hari ini masih dalam kira-kira RM3.7, hampir RM3.7 berbanding dengan Dolar Amerika Syarikat.

Hal ini adalah amat meragukan kerana ianya mencerminkan bahawa langkah-langkah yang diambil oleh pihak kerajaan untuk memulihkan keadaan ekonomi negara seolah-olah tidak berkesan. Persoalan kita ialah kenapa keadaan ini berterusan dan apakah masalah-masalah pokok yang sebenar. Adakah langkah-langkah yang diambil oleh pihak kerajaan tidak tepat kepada masalah sebenar ataupun bagaimana.

Tuan Yang di-Pertua, setakat ini langkah-langkah yang diambil oleh pihak kerajaan adalah beberapa jenis dan tindakan. Satu daripadanya ialah:

(i) mengurangkan perbelanjaan negara, dengan izin, reduce spending;

(ii) meningkatkan tabungan;

(iii) mengawal penggunaan kredit; dan

(iv) meningkatkan cukai beberapa barangan khususnya barangan import.

Pada hemat kita Tuan Yang di-Pertua, memang langkah-langkah ini mempunyai kesan tetapi bukan ke tahap yang diinginkan dan kita berpendapat pemasalahan ini adalah disebabkan bahawa masalah ekonomi negara adalah private sector based, dengan izin, dan bukan public sector based. Maka langkah-langkah yang dibuat setakat ini, misalnya, dengan izin, reduce spending, flexible change rate, penggunan kredit, mengurangkan faedah, meningkatkan tabungan dan meningkatkan

faedah pinjaman, semuanya ini Tuan Yang di-Pertua, mempunyai masalah ataupun tidak mempunyai kesan yang diinginkan kerana masalah pokok ialah public sector problem iaitu soal keyakinan pelabur di peringkat swasta. Maka dalam perkara ini biasanya tindakan-tindakan dalam kes-kes yang lampau ialah, dengan izin, allows the natural adjustment di mana firma-firma dibebaskan untuk membuat restructuring yang tertentu dan kerajaan sekadar membantu dari segi membolehkan proses restructuring ini tercapai. Termasuklah menekankan dasar-dasar yang tepat, mengamalkan tranparensi dalam dasar kerajaan supaya pihak swasta atau pihak pelabur boleh respon kepada signal yang tepat, dan bukan pula menekan kepada beberapa faktor yang diperlukan untuk mengamalkan pertumbuhan ekonomi.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa perbahasan Belanjawan 1998 di Dewan yang mulia ini, bulan November lalu, saya pernah menyentuh dan bertanya adakah fundamental ekonomi negara dalam keadaan kukuh sepertimana yang ditekankan oleh pihak kerajaan. Kita juga turut bertanya adakah sistem perbankan negara dalam keadaan kukuh memandangkan pada masa ini berita telah timbul bahawa beberapa bank tempatan sedang menghadapi masalah kutipan balik pinjaman dan tanda-tanda bahawa, dengan izin, Non Performing Loans (NPL) di beberapa bank tersebut dalam keadaan meragukan. Pertanyaan seperti ini tidak mendapat jawapan yang memuaskan di waktu itu daripada pihak kerajaan bahkan Kementerian Kewangan pernah mengatakan di Dewan yang mulia ini bahawa tidak ada satu pun bank yang mempunyai masalah, dengan izin the statement was no bank is in trouble.

Tuan Yang di-Pertua, ada ketara sekali beberapa keraguan kita itu telah menjadi kenyataan. Masalah dalam sistem perbankan telah diakui di mana sepertimana sedia maklum, Sime Bank Berhad dan Bank Bumiputra yang masing-masing memerlukan dengan izin, capital injection berjumlah RM1.2 bilion dan RM750 juta serta beberapa syarikat kewangan termasuk ABRAR Finance Bhd. dan Cempaka Finance Bhd. Jika sistem perbankan kukuh kenapa bank dan syarikat-syarikat kewangan seperti yang disentuhkan tadi itu memerlukan bantuan ataupun bail out oleh pihak kerajaan. Pasti masalah ini adalah disebabkan kelemahan sistem kawalan dan pemeriksaan dalam sistem perbankan.

Tuan Yang di-Pertua, kita alu-alukan tindakan yang telah diambil oleh kerajaan seperti mana yang diumumkan dalam media massa pada hari ini yang mana 39 syarikat kewangan telah mengikut arahan untuk disatukan ataupun di'consolidate'kan, dengan izin kepada 6 anchor companies, dengan izin dan 2 kumpulan yang lain. Kita sedia maklum bahawa tindakan ini adalah hasil daripada penanganan masalah-masalah yang dihadapi oleh beberapa syarikat kewangan tersebut dan ini tanda-tanda Tuan Yang di-Pertua, bahawa ada masalah dan kalaulah kita akui masalah apabila ia sudah menjadi ketara, ini tidak membantu para pelabur dan sektor swasta untuk response kepada signal yang sebenar supaya structuring, dengan izin tindakan-tindakan yang perlu mereka buat untuk menangani masalah yang sebenar.

Tuan Yang di-Pertua, seperti mana yang saya tekankan tadi, kata-kata dahulu iaitu, dengan izin "the banking system is strong, only certain banks are in trouble". Jadi, jika ada bank-bank yang in trouble itu bererti ada masalah di peringkat pengurusan atau peringkat kawalan, di peringkat pemeriksaan dan seterusnya. Lebih baik kita akui ada masalah dan beri penjelasan yang tepat tentang langkah-langkah yang sedang dibuat daripada kita takut ataupun dengan izin, "we sweep under the carpet".

Tuan Yang di-Pertua, dari segi kekukuhan asas ekonomi ataupun economic fundamentals, sekali lagi kita perlu tekankan di sini bahawa kerajaan perlu tulus dan mengatakan keadaan sebenar mengenai kedudukan economic fundamentals ini, dengan izin. Pihak kerajaan sentiasa mengatakan economic fundamentals, dengan izin adalah kukuh tapi kita melihat bahawa inflasi dijangka naik ke tahap 70% sementara internal debt kita sedia maklum adalah dalam keadaan yang tinggi mengikut maklumat yang saya perolehi daripada laporan Bank Negara.

Saya melihat Tuan Yang di-Pertua, bahawa misalnya dengan izin, the domestic debt of the foreign government dalam keadaan RM76.9 bilion. Pada masa yang sama borrowing of the financial system adalah dalam lingkungan RM31.1 bilion. Jadi, dari segi total internal debt begitu tinggi sekali dan inilah sebenarnya yang meragukan. Walaupun dengan izin, the performance of the economic masih kukuh sebenarnya. Tetapi beberapa faktor yang meragukan khususnya ialah jumlah hutang domestic/internal debt negara kita termasuklah debt ataupun hutang Kerajaan Persekutuan domestic debt,

dengan izin dan juga debt within the financial system.

Tuan Yang di-Pertua, perkara-perkara ini hendaklah diaddress ataupun diberi perhatian kepada pihak kerajaan khususnya Kementerian Kewangan kerana kita berpendapat apa jua tindakan-tindakan yang akan diambil oleh pihak kementerian di dalam menangani masalah ekonomi dalam 12 bulan khususnya yang akan datang ini, adalah seharusnya berasaskan kepada faktor-faktor yang begitu jelas sekali, problem internal debt dan juga masalah untuk membentuk dasar-dasar yang mengamalkan program sokongan kepada syarikat-syarikat kepada pihak swasta untuk dengan izin, to adjust to the economic signals within the system.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya seperti mana yang diumumkan kepada Dewan ini jumlah hutang luar (foreign debt), dengan izin ialah RM166 bilion yang mana RM100 bilion adalah pinjaman sektor swasta seperti mana yang saya tekankan tadi. Angka ini amat tinggi khususnya apabila kita ambil kira bahawa hutang domestic/internal debt seperti mana yang saya sentuhkan tadi dari kerajaan sahaja pun RM76.9 bilion dan hutang sistem kewangan RM31.1 bilion.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita bandingkan misalnya, borrowing of the financial sytstem dibandingkan dengan tahun yang lalu 1996 ia sekadar RM8.3 bilion. Pada tahun 1995 - RM6.3 bilion. Pada tahun 1994 - RM6 bilion dan keadaan pada saat ini adalah dalam RM31.1 bilion, amat tinggi sekali dan saya percaya Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kewangan hendaklah menangani masalah ini dan membuat tindakan-tindakan yang perlu khususnya memberi signal yang tepat kepada pelabur-pelabur supaya mereka juga boleh mengambil tindakan dengan izin, to adjust to the economic situation.

Tuan Yang di-Pertua, dalam ucapan Titah Diraja perkara pembangunan luar bandar telah disentuh. Tekanan adalah usaha menjadikan luar bandar satu kawasan yang maju, menarik dan menguntungkan. Caranya ialah pelaksanaan program dan projek yang menyumbangkan kepada kewujudan kemudahan prasarana yang berkualiti, ekonomi luar bandar yang mapan dan juga pembentukan masyarakat yang berdisiplin, dinamis dan produktif. Kata-kata ini Tuan Yang di-Pertua, amatlah menarik dan menggambarkan satu wawasan yang kita semua idam-idamkan dan pihak kita juga menyokong atas program-program dan tindakan-tindakan yang sedang dibuat oleh pihak kerajaan.

Masalahnya Tuan Yang di-Pertua, akibat daripada kemerosotan ekonomi negara yang timbul daripada masalah-masalah yang dihadapi dalam sektor kewangan dan pasaran modal. Ekonomi di luar bandar telah turut merosot, bahkan dalam pandangan kita merosot pada kadar yang lebih teruk daripada kawasan di perbandaran. Ini adalah disebabkan pasaran hasil pertanian yang menurun juga kerana kekurangan permintaan hasil-hasil yang dikeluarkan, juga oleh kerana harga-harga barangan keperluan asas yang telah melambung tinggi dan juga kekurangan pekerjaan di luar bandar khasnya di kawasan negeri Sabah dan negeri Sarawak kerana kemerosotan sektor balak dan pemerosesan kayu, juga kenaikan faedah di institusi kewangan yang meningkat dan menyebabkan bayaran yang lebih tinggi bagi masyarakat kita di luar bandar. Bagi mereka yang telah mendapatkan pinjaman daripada institusi-institusi tersebut dan seterusnya juga kerana penurunan hasil pertanian akibat daripada masalah jerebu tahun lalu dan sekarang akibat daripada kemarau panjang yang sedang wujud.

Tuan Yang di-Pertua, di kawasan pedalaman dan beberapa daerah di negeri Sabah khususnya di daerah Kota Marudu, di daerah Kudat, di daerah Pitas, di daerah Beluran, Ulu Sugut, di daerah Pensiangan bahkan saya percaya juga sebahagian di daerah Sipitang, tanaman-tanaman padi hampir sama sekali tidak berhasil disebabkan oleh kemarau panjang yang telah berterusan. Tanaman-tanaman padi hanya sampai ke tahap dengan izin, flowering dan selepas itu dengan matahari yang panas dan kemarau yang berterusan semuanya kebanyakannya tidak membuahkan hasil.

Tuan Yang di-Pertua, keadaan ini amatlah serius dan membimbangkan. Pada masa kini sesuai dengan maklumat yang kita terima di Dewan Undangan Negeri Sabah pada hari kelmarin, seramai 152,580 penduduk di negeri Sabah menghadapi masalah bekalan air. Pihak kita berpendapat, selepas dua bulan dari sekarang Tuan Yang di-Pertua, iaitu mulai daripada bulan Jun kita estimate, dengan izin bahawa 1/3 daripada penduduk, isi rumah ini tidak akan mempunyai makanan mencukupi untuk hidup kerana kerosakan padi dan tanaman-tanaman mereka lewat disebabkan oleh kemarau yang berterusan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam perkara ini, maka saya merayu kepada Kerajaan Pusat, khususnya Kementerian Pembangunan Luar Bandar supaya mengambil langkah-langkah khusus dan langkah-langkah tambahan untuk membantu langkah-langkah yang diambil di peringkat negeri sebab Tuan

Yang di-Pertua, semenjak saya dilahirkan saya belum pernah melihat panjangnya kemarau yang kita hadapi pada saat ini di peringkat negeri Sabah dan saya tahu juga di peringkat beberapa negeri-negeri yang lain, tetapi di peringkat negeri Sabah pasti rekod belum ada hujan di beberapa tempat semenjak bulan November yang lalu akibat daripada kekurangan makanan pastilah akan serius sekali.

Saya berharap supaya Kementerian Pembangunan Luar Bandar mengambil tindakan-tindakan tambahan termasuklah mencari peruntukan untuk bantuan dan juga mendapatkan bantuan barangkali termasuklah dalam NGO-NGO di peringkat negara ataupun di peringkat luar negeri.

Tuan Yang di-Pertua, disentuh dalam Titah Ucapan Diraja juga masalah prasarana seperti jalan raya, bekalan air, bekalan elektrik, soal kesihatan dan pendidikan. Seperti mana yang telah diumumkan dalam pengumuman khusus oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri beberapa peruntukan tambahan bagi luar bandar telah pun diumumkan. Bagi bekalan air dan bekalan elektrik RM100 juta. Bagi peruntukan kesihatan di luar bandar begitu juga RM100 juta dan begitu juga bagi peruntukan bagi pendidikan RM200 juta.

Dalam perkara ini Tuan Yang di-Pertua, saya memohon supaya peruntukan-peruntukan tambahan ini hendaklah diagihkan secara saksama di peringkat negeri dan jika boleh, saya pasti prioritas hendaklah diberi bagi Kerajaan Negeri Sabah, rakyat negeri Sabah dan rakyat negeri Sarawak yang pada saat ini menghadapi akibat kemarau yang berpanjangan.

Dari segi pendidikan, Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya merayu kepada pihak Kementerian Pendidikan supaya perhatian diberi kepada soal sekolah di Kampung Susugan, Sungai Magandai yang sudah lama saya sentuhkan dalam perkara ini masih lagi anak-anak sekolah kita di sana sekadar diajar oleh seorang guru yang dibiayai di NGO dan tempat sekolah yang dibuat oleh orang kampung. Begitu juga keperluan sekolah di kawasan Kampung Ganak, kawasan pembaikan sekolah juga di Kampung Ketibang, yang mana guru-gurunya tidak dapat tinggal dan biasanya mereka berjalan dua hari daripada Ranau ataupun Kota Marudu untuk mendekati sekolah tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, saya sentuh perkara ini kerana saya percaya inilah yang diingini juga oleh semua pihak sesuai dengan apa yang kita tekankan untuk membentuk satu masyarakat yang berdisiplin, dinamis dan produktif. Mereka memerlukan pembangunan asas jadi mereka boleh meloncat ke alam yang lebih tinggi. Dengan itu Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Sipitang.

5.43 ptg.

Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob [Sipitang]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya dan rakyat di kawasan saya menjunjung kasih di atas Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang telah berlangsung pada 23 Mac yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua, kita bersyukur kepada Allah S.W.T. kerana walaupun dalam kegawatan ekonomi di rantau ini negara kita masih mampu bertahan dan keadaan aktiviti ekonomi walaupun lembab sedikit tetapi masih terus berjalan. Rakyat telah pun membuat keputusan untuk bersama-sama kerajaan untuk menangani masalah ini. Nampaknya keadaan ini adalah ujian kepada negara dan rakyat kita semua. Tentunya kita mesti bersabar dan setiap negara dan individu itu akan menerima berbagai ujian. Belum reda dengan ujian ekonomi dengan turun nilai saham dan juga nilai Ringgit kita, sekarang ini kita pula diuji dengan masalah kemarau iaitu melalui fenomena yang dipanggil El-Nino. Walaupun tidak berlaku di seluruh negara tetapi banyak kawasan yang terlibat. Akibat daripada fenomena ini beberapa perkara telah berlaku iaitu yang pertama sekali kekurangan air dan yang kedua, kebakaran hutan-hutan dan kebun.

Apa yang mengejutkan kita ialah kekurangan air yang juga berlaku seperti yang disebut oleh kawan-kawan sebelum ini iaitu di Kuala Lumpur sendiri ibu kota kita yang mana percatuan air telah pun dibuat, walaupun tindakan ini wajar tetapi tidak seharusnya berlaku di ibu kota seperti Kuala Lumpur ini. Lebih-lebih lagi dalam keadaan sekarang di mana kita akan menjadi tuan rumah satu upacara besar seperti Sukom dan juga dalam promosi meningkatkan pelancong ke negara ini.

Kuala Lumpur adalah menjadi ukuran tentang keupayaan negara, jadi jikalau punca air tidak boleh diselesaikan ini menggambarkan bahawa keupayaan kita boleh dipersoalkan. Jikalau puncanya adalah kerana takungan air yang tidak mencukupi, maka itu satu petanda dan isyarat awal bahawa tindakan dan perancangan jangka panjang perlu diambil untuk mengatasi masalah ini.

Apa yang berlaku ialah merupakan satu pengajaran kepada kita. Saya mohon penjelasan

daripada Kementerian Kerja Raya dan juga kementerian-kementerian yang bersangkutan apakah tindakan atau pilihan sekiranya takungan air ini akan kering dan kemarau masih berterusan beberapa bulan lagi. Apakah ada rancangan jangka panjang ataupun jangka pendek untuk membawa air dari punca-punca yang banyak seperti mungkin air daripada Tasik Chini, Tasik Temenggor, Pedu ataupun Kenyir untuk mengatasi masalah air ini. Kita mengalu-alukan usaha Kementerian Alam Sekitar yang mencadangkan supaya sumber air bawah tanah diterokai, tetapi bilakah kita memulakan rancangan ini. Apakah telah dikenal pasti kawasan mana yang akan diterokai jika diminta supaya perkara ini kementerian menjelaskan dan dapat menyelesaikan masalah ini.

Tuan Yang di-Pertua, akibat kemarau ini jikalau berterusan akan menyusahkan orang kampung khususnya seperti yang kita lihat di Semenanjung dan juga di Sabah dan Sarawak. Saya telah banyak mendengar dari ucapan rakan-rakan sebelum ini akibat dari kemarau iaitu kebakaran hutan, jerebu, kekurangan air dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, kawasan saya, saya tahu perkara ini kerana saya meneliti di kawasan saya iaitu kawasan Parlimen Sipitang, juga menerima kesan kemarau ini. Dua hari sudah saya telah menerima taklimat daripada jawatankuasa di kawasan saya bahawa keadaan ini begitu teruk. Saya rasa apa yang berlaku di Sipitang juga lebih kurang sama berlaku di kawasan lain iaitu kawasan berjiran saya seperti Bukit Mas, di Miri, di Beufort, dan juga di kawasan Papar, begitu juga di kawasan Merudu, Bandau dan lain-lain lagi. Kawasan saya Tuan Yang di-Pertua, telah mula tidak hujan sejak bulan Disember 1997, yang mana sekarang ini sudah empat bulan tidak hujan. Akibat dari kemarau ini terdapatlah peristiwa 4 kombinasi yang begitu merugikan. Saya bercakap mengenai masalah ini, Tuan Yang di-Pertua, supaya pegawai-pegawai daripada kementerian faham apa sebenarnya yang dialami, apakah kesukaran orang kampung akibat daripada kemarau ini, kalau kita duduk di bandar, pegawai kerajaan makan gaji tentu tidak begitu faham dan tidak begitu mengambil berat tentang keadaan ini.

Peristiwa pertama iaitu kekurangan air, ini adalah akibat daripada keringnya punca air seperti sungai, parit, telaga, kolam dan apa jua takungan air di kampung-kampung. Jadi kesulitannya adalah orang kampung tidak mempunyai sumber air yang bersih, tidak mempunyai sumber untuk membasuh, untuk mandi dan sebagainya. Ini akan berlarutan selagi belum ada hujan dan selagi tidak ada tindakan konkrit diambil untuk mengatasi masalah ini.

Masalah kedua, adalah kebakaran. Ini adalah berlaku akibat keadaan kering yang mana merosakkan tanaman, hutan simpan dan harta benda lain dan semenjak kemarau ini di kawasan saya, Tuan Yang di-Pertua, sudah ada empat buah rumah yang terbakar. Sehingga hari ini saya rasa tidak kurang daripada 50 lokaliti dan api masih bahang membakar kawasan-kawasan di kawasan parlimen saya.

Perkara ketiga, jerebu. Ini berlaku akibat daripada bilangan kebakaran yang banyak dan berterusan terutama sekali kebakaran kawasan tanah gambut yang sukar dipadam. Kalau tidak ada tindakan dan memang saya sendiri telah pergi memadam api bersama-sama dengan pegawai bomba, satu kawasan seluas lebih kurang kawasan di depan saya sebesar saiz court badminton, kita memadam lebih kurang satu jam api masih belum padam. Kita padam di hujung sana, dia bakar di sini, kita padam sini dia bakar sana. Air mungkin 4-5 drum untuk memadamkan api di situ kerana kawasan gambut, api itu menjalar di bawah sehingga sedalam 5 hingga 6 kaki di tanah. Jadi ini merumitkan, jadi akibat daripada jerebu ini akan menjejaskan kesihatan, juga akan menjejaskan pengangkutan.

Saya difahamkan pada hari Jumaat sudah bahawa kapal terbang tidak boleh turun di Brunei dan di Labuan. Pada hari ini pun kapal terbang tidak boleh turun di Labuan oleh kerana jerebu. Jadi akibat daripada ini, ini akan mengganggu sistem pengangkutan dan juga bila kita ingin mempromosikan industri pelancongan keadaan ini juga akan terjejas bahawa pelancong-pelancong banyak yang terkandas. Pada hari Jumaat yang lepas daripada pukul 6.00 pagi sehingga pukul 4.00 petang beratus-ratus pelancong terkandas di Lapangan Terbang Kota Kinabalu akibat daripada jerebu ini Ini tentunya memberi gambaran yang tidak baik kepada negara kita. Begitu juga dengan terjejasnya pendidikan bahawa banyak sekolah yang ditutup akibat daripada jerebu ini dan tentunya ini juga menjejas kesihatan orang kampung dan kanak-kanak sekolah.

Peristiwa keempat, Tuan Yang di-Pertua, hilangnya mata pencarian rakyat. Ini yang saya ingin fahamkan kepada pegawai-pegawai kerajaan dan juga pemimpin kita. Perkara ini adalah serius dan mula dirasakan terutama sekali kumpulan petani dan nelayan yang berada di kawasan saya, mungkin juga

di kawasan lain. Dua kumpulan yang terjejas iaitu petani ataupun pesawah. Petani dan pesawah ini mereka tidak boleh bercucuk tanam dan sawah mereka tidak boleh ditanam dengan padi, kebun mereka juga tidak boleh hidup, sayur-sayur tidak boleh tumbuh oleh kerana kering dan kekurangan air. Bagi penoreh getah tidak boleh menoreh kerana kebanyakan getah terutama di kawasan saya telah terbakar dan kalau tidak terbakar pun boleh menoreh tetapi susu tidak keluar oleh kerana tidak ada daun dan kawasan kering. Bagi pesawah dan padi bukit pula tidak boleh tanam kerana kawasannya kering dan ada yang sudah tanam tetapi belum berbuah sudah ditimpa kemarau, padi berbunga tetapi tidak berisi.

Bagi kaum nelayan, Tuan Yang di-Pertua, kebanyakan adalah nelayan tradisional, ini orang kampung. Masalahnya mereka tidak berani keluar jauh daripada tepi pantai kerana jerebu dan jarak penglihatan yang terhad. Bila mereka tidak boleh keluar jauh sedikit daripada pantai, mereka tidak boleh menangkap ikan. Kawasan tepi pantai tidak ada ikan, Tuan Yang di-Pertua, mereka terpaksa pergi jauh sedikit ke laut, mungkin 2-3 batu ke laut, tetapi apabila mereka jauh ke laut, daratan tidak nampak, orang kampung tidak pandai baca kompas, Tuan Yang di-Pertua, dia tidak ada GPS. Sudah 4-5 peristiwa bahawa nelayan ini bila sudah ke laut tidak boleh pulang, mereka sesat dan ada yang terlepas hingga ke lautan lepas. Mujurlah mereka ini dapat ditemui dan boleh di bawa pulang. Jadi sekarang ini mereka tidak boleh ke laut dan tidak boleh menangkap ikan.

Secara rumusannya, Tuan Yang di-Pertua, pesawah dan petani ini hilang punca pendapatan dan inilah yang kita mesti faham sebagai pemimpin dan juga pegawai-pegawai kerajaan. Akibatnya kalau perkara ini berterusan sudah tentu petani-petani dan nelayan ini tidak ada punca pendapatan dan nelayan ini tidak boleh dapat pendapatan, mereka perlu untuk menyara hidup mereka, perlu perbelanjaan untuk anak-anak mereka, tentu sekali perlu kita lihat perkara ini secara serius.

Tuan Yang di-Pertua, bercakap mengenai masalah ini boleh dikatakan semua kampung di kawasan saya terlibat, mungkin juga di kawasan jiran saya di Bukit Mas, Miri. Kalau saya sebutkan disini untuk rekod, Tuan Yang di-Pertua, iaitu Kuala Mengalong, Banting, Siputul, Palakat, Pekan Sipitang, Ulu Sipitang, Naluyan, Melalia, Lubuk Darat, Long Pa Sia, Meligan, Malaman, Bangsal, Pantai, Sindumin, Lubok Laut, Weston, Lingkungan, Inuman, Bukau, Pulai Manang, Karangan, Parasdemit, Bintuka, Ba Kelalan dan lain-lain kampung, Tuan Yang di-Pertua. Ini saya sebut sahaja, kerana mengambil gambaran bahawa mereka ini perlu dibela.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Pegawai Daerah dan juga Timbalan beliau kerana telah membuat tindakan berserta dengan jawatankuasa bencana alam daerah. Saya juga ucapkan terima kasih kepada 140 orang kakitangan bomba yang sanggup meninggalkan kampung mereka daripada Kuala Lumpur dan juga di negeri-negeri lain yang bertugas di kawasan saya dan mungkin juga yang bertugas di kawasan lain yang mana diketuai oleh Pegawai Penguasa, Tuan Haji Yusof Sulong, begitu juga kepada relawan yang sanggup bertugas.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyebut perkara ini, saya sendiri bersama-sama mereka, saya begitu kesian dan bersimpati dengan mereka ini. Mereka ini telah bertugas dengan tidak mengira masa dan bertugas berhadapan dengan bahaya, seorang telah pun hampir-hampir maut akibat daripada menjalankan tugas ini. Saya rasa menteri-menteri yang bersangkutan iaitu Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, kita mohonlah melawat mereka yang bertugas ini untuk diberi sokongan moral dan juga melihat masalah mereka.

Yang Berhormat Pengerusi Bencana Alam Negara yang dipengerusikan oleh Tok Mat, kita mohon juga supaya melawat kawasan ini dan memberi sokongan moral dan juga memberi apa-apa bantuan kepada pegawai-pegawai bertugas dan juga mereka yang terlibat dengan bencana alam ini. Yang Berhormat Menteri Perpaduan Negara dan Kebajikan, saya mohonlah supaya diberi kelulusan peruntukan untuk membantu nelayan dan petani yang hilang punca pendapatan ini. Mungkin kita melihat di sini tidak begitu serius kerana kawasan tidak dilaporkan tetapi kalau dilaporkan, kalau diambil gambar, keadaan mereka ini begitu menyedihkan. Jadi boleh dikatakan banyak kampung menjadi padang jarak, padang tekukur, Tuan Yang di-Pertua.

Akibat dari masalah ini tentu sekali tindakan-tindakan perlulah diambil. Setakat ini kerajaan negeri baru memperuntukkan RM700,000 untuk bantuan bencana alam ini. Kita mohon daripada Yang Berhormat Pengerusi Bencana Alam Negara dapat memberi peruntukan dan begitu juga Yang Berhormat Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat untuk menghulurkan

bantuan. Jadi beberapa tindakan perlu diambil terutama sekali di kawasan situ, inilah nampaknya bahawa pejabat bomba yang sudah lulus itu perlu disegerakan pembinaannya, walaupun sudah terbakar tetapi perlu diteruskan pembinaannya. Saya pasti kemarau ini bukan sekali ia berulang, tetapi dalam sejarah hidup saya betul, baru pertama kali inilah saya melihat satu kebakaran yang begitu meluas, begitu besar dan tidak putus-putus. Orang di situ pun mengatakan inilah sejarah di negeri Sabah yang pertama bahawa kemarau yang begitu lama dan memusnahkan begitu banyak kawasan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyebut sedikit tentang ekonomi luar bandar seperti dalam Titah Yang di-Pertuan Agong iaitu para ataupun perenggan 24, saya quote, Tuan Yang di-Pertua, 'Usaha-usaha pembangunan luar bandar akan terus dipertingkatkan ke arah menjadikan luar bandar satu kawasan yang maju, menarik dan menguntungkan. Tumpuan akan diberikan kepada program dan projek yang menyumbang kepada kewujudan kemudahan prasarana berkualiti, ekonomi luar bandar yang mampan dan juga pembentukan masyarakat yang berdisiplin, dinamis dan produktif agar mereka tidak tersisih dari arus perdana pembangunan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyuarakan perkara ini kerana keperluan pembangunan luar bandar ini, kuncinya adalah perhubungan. Di kawasan luar bandar, Tuan Yang di-Pertua, jikalau kawasan itu belum ada perhubungan yang baik belum boleh kita majukan, oleh kerana orang untuk menolong kita pun tidak mahu datang, orang kampung mahu menghantar hasil pun tidak boleh mengeluarkan hasil. Jadi saya mohon Kementerian Kerja Raya, Kementerian Luar Bandar supaya melihat perkara ini secara serius. Kita bersyukur kerana peruntukan untuk membangunkan luar bandar ini tidak dipotong dan kita minta supaya ditambah agar dapat memajukan kawasan luar bandar.

Bagi kawasan luar bandar di Sabah, begitu juga di Semenanjung, Tuan Yang di-Pertua, kita harap ia dipercepatkan. Inilah rungutan orang-orang kampung. Satu perkara yang agak serius di kawasan saya, iaitu Parlimen Sipitang. Sipitang ini, Tuan Yang di-Pertua, baru dilawat oleh Timbalan Menteri Kewangan, Yang Berhormat Dato' Dr. Affifuddin. Kawasan kita ini begitu strategik iaitu berada di sempadan di antara Sabah dan Sarawak. Pekan Sipitang ini berada di sempadan Sabah dan Sarawak dan satu-satunya pekan yang mesti dilalui kalau orang Sabah mahu ke Sarawak, orang Sarawak mahu ke Sabah dan juga orang Brunei mahu ke Sabah.

Sekarang ini ada jalan Tuan Yang di-Pertua, yang dipanggil jalan Pan- Borneo Highway. Tetapi apa yang menyedihkan bahawa sebahagian daripada Pan-Borneo Highway ini selalu saya cakap iaitu daripada Beaufort hingga ke Sipitang sejauh 40 kilometer lebih kurang sekarang masih belum diaspalkan, belum ditarkan. Kita begitu berterima kasih kepada Kementerian Kewangan, saya difahamkan telah pun lulus untuk dilaksanakan dan sudah ada kontraktor, tetapi kontraktor ini agak lambat untuk melaksanakan. Kita menyeru kepada Kementerian Kerja Raya supaya monitor kontraktor ini supaya segera membina jalan raya ini, jalan raya ini penting kerana ia merupakan penghubung di antara Sabah dan Sarawak dan juga Sabah dengan Brunei.

Pada hari ini Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana ekonomi Brunei adalah stabil dan nilai Ringgit kita turun, tidak kurang daripada 4,000 - 8,000 kereta daripada Brunei melalui Pekan Sipitang, kita monitor Tuan Yang di-Pertua. Tetapi kita begitu malu dan rasa terkilan apabila rungutan mereka dengan kereta yang cantik, sport car mereka bila datang ke Sabah semuanya rosak. Banyak yang bergelimpangan di tepi jalan, tidak boleh lalu oleh kerana jalan ini begitu daif kerana belum ditarkan dan belum siap.

Jadi oleh kerana jalan ini tidak baik, jadi pelancong daripada Brunei yang sanggup berbelanja di negara kita, yang sanggup membuang duit, saya kira setiap orang akan membelanjakan tidak kurang daripada RM2,000 - 3,000 setiap kali dia datang ke Sabah, oleh kerana ekonomi Brunei yang baik dan nilai Ringgit kita yang rendah. Jadi, kalau jalan ini baik, sudah tentu ratusan kereta setiap hari, mungkin puluhan ribu kereta daripada Brunei yang akan membuang duit di Sabah dapat kita pertingkatkan.

Tuan Yang di-Pertua, kita mohon juga bahawa kementerian-kementerian yang bertanggungjawab dapat melihat perkara ini. Satu hal lagi Tuan Yang di-Pertua, saya mohon sokongan dari Kerajaan Persekutuan bahawa Sipitang ini kita ingin majukan. Kita minta sokongan. Seperti juga Bandar Limbang, seperti juga dengan pekan di Semenanjung yang berada di sempadan iaitu seperti Bukit Kayu Hitam, Padang Besar dan juga di Rantau Panjang, kerana kedudukan Sipitang adalah menjadi jalan masuk orang-orang Brunei untuk datang ke Sabah. Jikalau bandar ini dimajukan, sudah tentu lebih ramai orang Brunei akan datang ke Sabah melalui Sipitang dan berbelanja, jadi tidak payahlah kementerian membuang duit, ataupun kerajaan membuang duit di Sipitang, biarlah orang Brunei yang memberi

peluang perniagaan dan juga membeli barang-barang kita di situ.

Tuan Yang di-Pertua, ekoran daripda keadaan sekarang, saya ingin menyentuh mengenai dengan RTM. Pada masa ini, nampaknya apa yang berlaku di negara kita ini kurang dapat didengar, diketahui oleh penduduk negeri Sabah dan juga negeri Sarawak. Banyak lagi perkara yang perlu diterangkan kepada rakyat tidak sampai. Sejak akhir-akhir ini sajalah kalau kita lihat RTM atau TVI, TV2 banyak menyiarkan peristiwa-peristiwa yang berlaku di Malaysia Timur. Tetapi saya rasa belum cukup. Ada satu rangkaian radio, iaitu Radio 8 di Semenanjung yang menyiarkan beberapa siri, siaran untuk menerangkan kepada rakyat tentang pembangunan kerajaan, apa yang dibuat oleh kerajaan dan juga perkara-perkara yang saya rasa perlu untuk dibagi kepada rakyat.

Saya difahamkan, Radio 8 ini telah pun ada di Kuala Lumpur dan ada programnya tersendiri. Saya ingin bertanya kepada Kementerian Penerangan, apakah ada rancangan Radio 8 ini akan dipanjangkan ke Sabah atau pun Sarawak mengikut acuan yang ada di sini? Kalau boleh Radio 8 ini kita panjangkan ke Sabah dan Sarawak dan ada siarannnya tersendiri yang mana dapat menyampaikan maklumat ini kepada penduduk luar bandar, di Sabah dan Sarawak, jadi kita harap ia dipercepatkan.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai dengan kemalangan jalan raya. Apa yang berlaku di negara ini, begitu menjadi tumpuan umum, kerana negara kita adalah satu negara yang mempunyai kadar kemalangan yang begitu tinggi. Walaupun negara kita maju, kadar kemalangan kita juga tinggi, berbanding dengan negara-negara lain di rantau ini, walaupun kereta banyak. Saya dapati di Indonesia, saya pernah berjalan daripada Jakarta ke Bandung, kereta begitu banyak, tetapi saya tidak pernah jumpa kemalangan di tepi jalan mereka. Tetapi apabila saya berjalan daripada Kuala Lumpur ke Johor Bahru, tidak kurang 4 atau 5 kemalangan yang berlaku di negara kita. Saya begitu kesian Tuan Yang di-Pertua, melihat bila setiap hari di televisyen, 5, 6 orang terkorban di jalan raya. Sebenarnya kita tidak begitu pasti, apakah punca yang sebenarnya kemalangan ini begitu tinggi. Kita telah pun diberitahu oleh Kementerian Pengangkutan sebab kecuaian individu tidak benar, tetapi mungkin ada sebab lain yang boleh kita selesaikan.

Salah satu yang saya lihat ialah dari segi tindakan oleh pihak penguatkuasa, contohnya traffic police. Kadang-kadang mungkin kita ini terlalu toleransi terlampau tinggi Tuan Yang di-Pertua, orang salah sikit, di lepas. Kita tidak tahulah sebab apa lepas itu. Mungkin ada unsur-unsur yang tidak sihat kerana mereka yang salah ini terlepas. Saya pernah melihat di Sabah, lori yang penuh dengan kayu balak dan ada satu batang kayu balak itu terheret di belakang yang tentunya membahayakan orang lain, masih boleh berjalan di jalan raya, tanpa ada tindakan. Saya juga melihat beberapa peristiwa yang sudah pasti lori itu memang lebih muatan dengan banyak, tetapi masih boleh berjalan bebas di jalan raya tanpa ada kawalan. Apakah kita masih kekurangan penguatkuasa Tuan Yang di-Pertua ataupun sengaja kita melepaskan mereka ini yang tidak bertanggungjawab untuk menggunakan jalan raya. Akibatnya bukan sahaja kemalangan, tetapi jalan raya kita rosak, cepat rosak dan perlu dimaintain atau diselenggara dan tentu sekali wang negara juga banyak habis. Oleh kerana kita terlampau toleransi kepada pengguna-pengguna yang tidak bertanggungjawab ini. Saya berharap daripada Police Traffic, supaya lebih tegas, supaya tindakan dapat diambil kepada pengguna-pengguna yang tidak selamat ataupun pemandu yang tidak selamat, kita menyokong saranan kerajaan supaya pemandu yang cuai yang memandu dengan merbahaya dipenjarakan. Itu mungkin satu tindakan yang baik dan boleh menyelesaikan masalah.

Tuan Yang di-Pertua, kita juga mengalu-alukan atas usaha kerajaan untuk mempertingkatkan sistem pendidikan negara ini. Kita mengucapkan tahniah kepada Kementerian Pendidikan bahawa keputusan pendidikan dari hari ke sehari semakin baik. Tetapi apa yang nyata bahawa keputusan yang semakin baik ini adalah cuma sekolah-sekolah di bandar, Tuan Yang di-Pertua. Tetapi sekolah-sekolah di luar bandar masih lagi tersisih dan berada jauh daripada arus kecemerlangan ini. Kita minta Kementerian supaya dapat melihat kembali tentang kemudahan pendidikan di luar bandar.

Kita berterima kasih kepada kerajaan kerana tidak memotong peruntukan kemudahan guru-guru khususnya di luar bandar. Kalau boleh pembinaan rumah guru luar bandar ini supaya dipercepatkan dan diperbanyakkan, kerana saya tahu di kawasan luar bandar Tuan Yang di-Pertua, bahawa guru-guru ini kita begitu kesian. Kerana mereka adalah orang yang selain boleh dikatakan kakitangan kejururawatan, guru-guru ini adalah orang-orang yang berada di pinggir-pinggir kampung, Tuan Yang di-Pertua. Untuk tidak kira berada di kampug mana, tidak ada elektrik, tidak ada air, mereka juga berada

di kawasan luar bandar. Tetapi kalaulah keadaan sekarang ini kita tidak percepatkan, tentunya kecemerlangan ini cuma berlaku di bandar-bandar sahaja Tuan Yang di-Pertua. Di kampung-kampung akan terus ketinggalan dan tidak akan berlaku kecemerlangan pendidikan. Sesuai...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, masa Yang Berhormat sudah cukup, ya.

Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob: Sedikit lagi Tuan Yang di-Pertua, satu minit.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob: Jadi kita mohonlah supaya kawasan luar bandar ini dapat diberi perhatian dan sistem pembelajaran di bandar ini mungkin lebih baik. Sebab itulah keputusan peperiksaan di bandar ini baik. Kalau bolelah, kita minta juga sistem yang ada di bandar ini, cara guru mendidik dengan kelas tambahan dibawa juga ke luar bandar supaya kecemerlangan di luar bandar itu dapat dirasai oleh penuntut-penuntut. Jadi, saya mohon supaya cara pendidikan di luar bandar ini dikaji semula dan dapat diperbaiki. Saya mohon menyokong Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, ada satu usul.

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

6.10 ptg.

Menteri Sumber Manusia [Dato' Lim Ah Lek]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

> "Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1) Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga jam 8.45 malam ini".

Menteri Pertanian [Datuk Seri Amar Dr. Haji Sulaiman bin Haji Daud]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, ada satu usul yang mencadangkan:

> "Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1) Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga jam 8.45 malam ini."

hendaklah disetujukan.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Diputuskan,

> "Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1) Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga jam 8.45 malam ini".

[Perbahasan disambung semula]

Tuan Yang di-Pertua: Sungai Benut.

6.11 ptg.

Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman [Sungai Benut]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya bagi pihak seluruh rakyat bagi kawasan Parlimen Sungai Benut menjunjung kasih kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang telah memberikan ucapan perasmian pembukaan Parlimen pada 23 Mac yang lalu. Dan saya juga ingin mengucapkan banyak terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua yang telah memberikan kesempatan kepada saya untuk turut sama mengambil bahagian dalam perbahasan ini.

Tuan Yang di-Pertua, sehingga sekarang sudah sampai 7 bulan negara kita diselubungi dengan bahang kemelesetan ekonomi yang melanda negara kita. Walaupun ekonomi Malaysia masih lagi diselubungi ketidakpastian, saya percaya bahawa dengan langkah-langkah yang pragmatik yang telah kita ambil, Insya-Allah, marilah kita sama-sama mendoakan agar kita akan mampu untuk mengatasi masalah ekonomi yang kita alami sekarang.

Sebenarnya bukan sahaja memerlukan kita melaksanakan dasar fiskal ataupun dasar kewangan, tetapi ia memerlukan lebih daripada itu, iaitu semangat, kepercayaan dan keyakinan kita kepada ekonomi adalah perlu mengatasi masalah segala-galanya. Dalam kegawatan yang kita alami ini, kita perlu mencari alternatif baru serta pendekatan baru bagi membantu mengurangkan keperitan yang kita alami buat masa sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai satu strategi baru untuk mengurangkan aliran keluar wang ke luar negara, di samping untuk menggalakkan kemasukan tukaran asing ke dalam negeri, bidang pendidikan merupakan satu bidang yang berpotensi untuk kita terokai. Sejajar dengan hasrat kerajaan untuk menjadikan Malaysia sebagai pusat kecemerlangan. Pusat kecemerlangan pendidikan di rantau ini, usaha perlu diteruskan bagi menarik lebih ramai pelajar asing datang ke negara kita untuk menyambung

pengajian mereka. Secara perbandingan dengan kejatuhan nilai Ringgit, kos untuk melanjutkan pelajaran ke negara kita akan menjadi lebih murah dan kompetitif. Kegawatan ekonomi ini merupakan satu rahmat tersembunyi yang akan mempercepatkan lagi usaha untuk merealisasikan matlamat untuk menjadikan Malaysia sebagai pusat kecemerlangan di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, dalam usaha untuk membangunkan bidang pendidikan, kita perlu bersikap positif dan melaksanakan dasar ini dengan lebih berhati-hati, seperti kata pepatah " Umpama menarik rambut dalam tepung, rambut jangan putus, tepung tidak akan berselerak". Walaupun hasrat untuk membangunkan Malaysia sebagai pusat kecemerlangan pendidikan di rantau ini, usaha ini juga perlu mengambil kira kepentingan nasional dan keperluan masa depan. Program penghantaran pelajar ke luar negara khususnya dalam bidang-bidang yang berpotensi di mana institut-institut pengajian tidak mempunyai kemahiran dan kepakaran, perlu diteruskan bagi menjamin kita mempunyai tenaga mahir dalam bidang-bidang yang strategik, yang perlu kita kuasai demi untuk membangunkan negara.

Sehubungan dengan itu, saya menyambut baik langkah Kementerian Pendidikan dan juga MARA untuk tidak membawa pulang pelajar negara yang sedang menuntut di luar negara dan pada masa yang sama meneruskan dasar untuk menghantar pelajar-pelajar kita ke luar dalam sektor yang mempunyai kepentingan di dalam pembangunan negara.

Tuan Yang di-Pertua, bidang pendidikan merupakan satu dari sektor perkhidmatan yang berpotensi besar untuk diterokai kerana ia bukan sahaja menjanjikan pulangan yang besar dalam proses pembangunan sumber manusia, tetapi juga nilai komersialnya yang tersendiri. Dalam usaha untuk mencapai hasrat negara tersebut, penggemblengan secara besar-besaran dan berterusan memerlukan komitmen dari semua pihak. Bagi menjayakan hasrat ini terdapat beberapa pra syarat yang perlu dipenuhi iaitu antaranya peranan kerajaan bagi memastikan usaha untuk menarik pelajar asing menuntut di negara ini.

Kerajaan perlu memainkan peranan untuk mempromosikan Malaysia sebagai pusat menimba ilmu. Promosi yang dijalankan oleh agensi pelancongan negara perlu menonjolkan Malaysia sebagai negara yang menarik, bukan sahaja menarik untuk dilawati tetapi juga menawarkan kemudahan pendidikannya setanding dengan negara-negara maju di samping kerenah birokrasi perlu dikurangkan bagi memudahkan segala urusan yang berkaitan dengan penempatan pelajar asing di negara kita.

Pengurangan Pemberhentian Penghantaran Pelajar Malaysia ke Luar Negara.

Bagi menyokong hasrat untuk menjadikan Malaysia sebagai pusat kecemerlangan pendidikan di negara ini, usaha perlu dilakukan untuk memastikan agar pelajar kita sendiri belajar di institusi pengajian tinggi tempatan. Adalah suatu yang amat melucukan sekiranya dalam usaha kita menarik pelajar-pelajar asing melanjutkan pelajaran di negara kita, kita juga masih meneruskan amalan menghantar pelajar kita ke luar negeri dalam bidang-bidang yang kita sendiri mempunyai kepakaran untuk menawarkannya. Kita seharusnya menghargai dan menyanjung tinggi keupayaan negara sekiranya kita mahu orang lain datang dan mendapat pendidikan di negara kita. Sehubungan itu, suka saya menyeru para ibu bapa khususnya yang masih mempunyai mentaliti bahawa hanya universiti luar negara yang paling terbaik untuk pendidikan anak-anak mereka agar mengubah pendirian mereka.

Kepentingan Untuk Penduduk Tempatan.

Dalam usaha kita menarik kedatangan pelajar asing untuk melanjutkan pelajaran mereka ke negara kita, kita seharusnya tidak bersikap seperti kata pepatah 'kera di hutan disusukan anak di rumah mati tak makan, dagang lalu ditanakkan nasi, tiada kayu api rumah dirobohkan, anak di rumah mati kelaparan'. Keupayaan IPTS dan IPTA untuk menampung pelajar kita sendiri sebenarnya masih terhad. Peluang dan juga kemudahan perlu disediakan kepada penuntut tempatan bagi mendapatkan tempat untuk mendapatkan pendidikan sama ada di IPTA ataupun di IPTS. Di samping itu, dalam usaha untuk meramaikan rakyat negara ini mendapat pendidikan di peringkat tinggi, sistem kuota perlu dikekalkan. Ini untuk memastikan rakyat tempatan tidak dianaktirikan dan turut mendapat tempat, kemudahan-kemudahan berbentuk pinjaman pendidikan perlu disediakan bagi memastikan pelajar yang kurang berada turut berpeluang untuk mendapat pendidikan.

Tuan Yang di-Pertua, peranan Lembaga Akreditasi Negara (LAN). LAN adalah satu badan yang menyelia dan menyelaras pemberian dan pengiktirafan kepada IPTS perlu memainkan peranan bagi memastikan agar mutu pendidikan di negara ini adalah berkualiti dan setaraf dengan mutu pengajian yang ditawarkan oleh IPT di luar negara.

Lembaga Akreditasi Negara perlu memastikan agar mereka tidak dipergunakan oleh setengah institut pengajian tinggi swasta yang hanya mementingkan matlamat keuntungan semata-mata sewaktu memberikan pengiktirafan kepada kursus yang ditawarkan. Tanpa pengawasan yang teliti, pendidikan akhirnya akan menjadi barangan dagangan yang murah.

Pengajian Malaysia dan Pengajian Agama dan Sistem Pengajian Moral.

Saya menyambut baik pengumuman yang dibuat oleh Menteri Pendidikan berhubung dengan langkah untuk mewajibkan agar mata pelajaran Bahasa Malaysia, Pengajian Agama dan juga Pengajian Moral turut diajarkan di institut pengajian tinggi swasta. Walau bagaimanapun, saya amat berharap agar kursus ini tidak bersifat untuk menempel semata-mata. Penekanan yang lebih berat perlu diberikan agar sistem ini tidak dianggap sebagai melepaskan batuk ditangga. Pelajar-pelajar seharusnya tidak disyaratkan mengambil krusus itu sahaja tetapi perlu lulus dan turut diambil kira di dalam pemberian ijazah apabila mereka menamatkan pengajian mereka nanti. Ini sekurang-kurangnya akan mendorong mereka mempelajari dan seterusnya memahami keadaan sebenar negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, untuk penggunaan teknologi moden dalam era perkembangan teknologi maklumat, bidang pendidikan seharusnya bergerak selari dengan kemajuan tersebut. Penggunaan teknologi dalam pendidikan akan memastikan pendidikan yang diajar akan menjadi lebih berkesan, penggunaan multimedia dalam proses pembelajaran bukan sahaja dapat membuka minda pelajar-pelajar tetapi dapat mempercepatkan hasrat kerajaan untuk menjayakan matlamat MSC.

Tuan Yang di-Pertua, kata pantun Melayu, 'memburu di padang datar dapat rusa berbelang kaki, berguru kepalang ajar bagai bunga kembang tak jadi'. Menyedari hakikat bahawa dalam proses pengajaran dan pembelajaran peranan seorang pengajar adalah sebahagian daripada proses yang penting. Institut pengajian tinggi awam dan juga institut pengajian tinggi swasta perlu memainkan peranan penting bagi memastikan tenaga pengajar yang ada perlu diperlengkapkan diri bukan sahaja dengan penguasaan ilmu dan juga kemahiran asas tetapi juga asas mengajar, tetapi perlu mempunyai keupayaan menyampai dan menyebarkan ilmu dengan sebaik mungkin yang beridentitikan negara Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, barangkali institut pengajian tinggi awam dan juga institut pengajian tinggi swasta kita belum dikenali sepertimana Universiti Harvard di USA, Oxford dan juga Cambridge di Britain dan juga Al-Azhar di Mesir tetapi seharusnya kita mempunyai institut pengajian tinggi yang mempunyai ciri-ciri yang berlainan dengan universiti yang terkemuka di dunia. Institut pengajian tinggi kita seharusnya melahirkan doktor yang tinggi sifat-sifat kemanusiaannya, akitek yang mengkagumi ciptaan Tuhan, peguam yang mempunyai ketertiban, pengurus yang memahami dan bertanggungjawab ke atas pekerja. Yang paling penting ialah institut pengajian tinggi kita perlu dibentuk dari acuan kita yang bukan sahaja bertanggungjawab ke atas dirinya, agamanya, bangsanya, negaranya dan juga pada dunia sejagat. Institut pengajian tinggi kita seharusnya mengeluarkan produk-produk yang bukan sahaja hebat di dalam segi penguasaan ilmu tetapi perlu menjadi manusia yang bercirikan keinsanan.

Saya percaya sekiranya kita dapat melaksanakan cita-cita tersebut, Malaysia akan dikenali sebagai pusat kecemerlangan pendidikan di seluruh dunia.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyambut baik langkah Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri yang amat prihatin di dalam memperjuangkan nasib golongan miskin di negara ini. Pengumuman beliau sewaktu berucap membentangkan strategi bagi mempertingkatkan keberkesanan dasar-dasar yang baru-baru ini di Parlimen dan peruntukan yang diberikan membuktikan keprihatinan kerajaan kepada kepentingan rakyat yang kurang bernasib baik. Tempias akibat masalah ekonomi yang melanda negara turut dirasakan bukan sahaja oleh golongan korporat tetapi golongan miskin juga turut menerima padahnya. Kenaikan harga barangan makanan juga menjejaskan nilai pendapatan sebenar golongan miskin.

Sehubungan dengan itu saya ingin menyeru kerajaan untuk memastikan barangan makanan dan barangan keperluan asas masih mampu dinikmati oleh golongan yang berpendapatan rendah. Di samping itu, peluang melanjutkan pelajaran ke pusat pendidikan juga akan menjadi satu bebanan kepada golongan yang kurang berada, janganlah nanti ada bangsa kita yang menolak tawaran untuk melanjutkan pelajaran ke pusat pendidikan tinggi kerana tidak berkemampuan untuk menanggung beban yuran dan belanja hidup.

Saya berharap kerajaan akan lebih prihatin terhadap keperitan dan penderitaan yang dialami oleh golongan ini, 'jangan kita menjadi seperti kata pepatah menang sorak kampung tergadai'. Pembelaan sewajarnya perlu diberikan kepada golongan miskin yang tidak berkesempatan untuk bersaing dalam keadaan yang serba daif.

Tuan Yang di-Pertua, kegawatan yang melanda ekonomi negara sebenarnya turut mengancam kesinambungan penglibatan kaum bumiputra dalam bidang perniagaan serta perindustrian. Kita tidak mahu usaha kita yang selama ini untuk membina dan membentuk masyarakat perdagangan dan perindustrian bumiputra akan musnah begitu sahaja. Kerajaan perlu memastikan agar mana-mana individu atau syarikat yang berpotensi tetapi menghadapi masalah kewangan kesan daripada krisis ekonomi perlu diberikan pembelaan yang sewajarnya. Bantuan kewangan dengan kelonggaran syarat pembayaran balik yang lebih bersesuaian perlu dirangka. Institusi perbankan perlu juga diharap bersifat lebih toleran dengan memperkenalkan pakej-pakej baru yang dapat memberikan nafas baru kepada usahawan yang menghadapi masalah.

Keperluan Perumahan Golongan Berpendapatan Kecil dan Sederhana.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun kegawatan ekonomi yang melanda negara kita turut menjejaskan prestasi pemaju-pemaju perumahan. Ianya tidak boleh dijadikan alasan untuk syarikat-syarikat terutamanya syarikat-syarikat perumahan untuk tidak meneruskan projek-projek perumahan khususnya kepada golongan yang berpendapatan rendah iaitu untuk rumah murah dan juga rumah murah kos sederhana .

Kementerian Perumahan hendaklah mengujudkan satu mekanisme pengawasan yang lebih teliti untuk memastikan agar pemaju-pemaju perumahan tersebut tidak mengisytiharkan diri mereka muflis semata-mata untuk lari daripada tanggungjawab sosial mereka.

Saya percaya akan ada pihak-pihak yang tertentu yang akan menangguk di air keruh bagi melambat-lambatkan projek terutamanya projek rumah murah kerana di atas alasan kegawatan dan juga alasan masalah kewangan.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum ini banyak kawan Ahli Parlimen di dalam Dewan ini telah menyatakan masalah berhubung dengan krisis bekalan air. Krisis bekalan air yang melanda negara kita sedikit sebanyak telah menjejaskan imej dan nama baik negara kita. Mujurlah hal ini berlaku sebelum menjelang berlangsungnya Sukan Komawel. Sekurang-kurangnya kita masih mempunyai masa dan juga alternatif lain untuk mengatasi kepincangan tersebut.

Krisis ini bukan sahaja boleh diatasi dengan membekalkan air kepada mereka yang memerlukan air, tetapi lebih daripada itu. Sistem amaran dan mekanisme pengawasan yang lebih berkesan perlu dibangunkan bagi memastikan kita bersikap seperti kata pepatah 'Sudah terhantuk baru tengadah', dengan itu kita akan dapat menjangkakan kemungkinan-kemungkinan yang akan berlaku pada masa-masa yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga menyambut baik langkah kerajaan dan institusi perbankan tempatan yang telah menunjukkan minat untuk bergabung dan juga bercantum dalam usaha mengurangkan kos pengurusan dan pada masa yang sama akan meningkatkan keberkesanan operasi. Langkah pencantuman ini seharusnya diperluaskan lagi kepada industri-industri lain seperti meliputi industri insurans, industri sekuriti dan juga industri-industri kewangan yang lain. Secara tidak langsung ia akan membuatkan industri tersebut akan menjadi lebih kompetitif dan dapat bersaing di pasaran antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Seputeh.

6.35 ptg.

Tuan Liew Ah Kim [Seputeh]: Tuan Yang di-Pertua, siapa sahaja bersetuju bahawa masalah kegawatan ekonomi yang dihadapi negara sekarang adalah tanggungjawab semua warganegara tidak mengira keturunan, kepercayaan atau budaya sama ada rakyat yang bernasib baik mahupun tidak bernasib baik, adalah sama-sama menerima musibah dengan kegawatan ekonomi yang melanda negara sekarang.

Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dalam titah ucapannya memuji pengorbanan pegawai-pegawai kerajaan yang terpaksa dipotong elaun mereka dalam menghadapi krisis ekonomi sekarang. Titah Baginda saya quote: *"Ini adalah satu pengorbanan besar dalam menghadapi krisis ekonomi semasa yang sepatutnya turut dicontohi oleh sektor swasta"*. Memang peranan swasta perlu dituntut dalam masa kerajaan membanggakan polisi

penswastaan sejak sekian lama. Tetapi dalam masa kegawatan ekonomi ini rakyat terus disogok dengan laporan mengenai kerugian besar yang dialami dalam sektor perbankan.

Tuan Yang di-Pertua, Timbalan Perdana Menteri yang juga Menteri Kewangan meminta media supaya tidak mengkritik ketelusan kerajaan menangani isu membabitkan kepentingan awam dalam masa isu itu belum selesai. Selepas menghadiri Mesyuarat Majlis Universiti Islam Antarabangsa (UIA) di kampus Gombak pada 23 Mac 1998 adalah usaha mahu menyapu sampah ke bawah permaidani. Kata beliau sikap terburu-buru media itu jelas menunjukkan mereka tidak faham dengan proses perundingan yang sedang berlaku sedangkan pada hakikat kerajaan sentiasa terus selepas semuanya selesai. Kenapa media dipersalahkan apabila mendedahkan bagaimana kaedah membiayai oleh Rashid Hussain Berhad bagi pemberian 90.36% saham dalam Sime Bank Berhad daripada Sime Darby dan KUB Holdings.

Rakyat perlu diberitahu sama ada RHB akan menjualkan saham kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) bagi mendapatkan wang tunai dalam proses perundingan itu. Wang KWSP adalah titik peluh akaun pekerja di negara ini, sebab itu mereka perlu diberitahu bagaimana proses perundingan itu dijalankan kerana ianya membabitkan wang orang ramai.

Tuan Yang di-Pertua, mengukuhkan isu kepada kegawatan ekonomi tidak bermakna kita tidak mengambil berat terhadap aspek pendidikan. Pada masa lalu penghantaran pelajar-pelajar ke luar negeri dianggap simbol kecemerlangan apabila mereka yang terpilih melanjutkan pelajaran ke luar negeri. Dekad 60-an, 70-an dan 80-an adalah pelajar-pelajar cergas yang ditaja dengan biasiswa kerajaan, MARA dan lain-lain institusi, tetapi dalam kegawatan ekonomi sekarang MARA juga sudah berura-ura untuk membawa balik pelajar-pelajar tajaannya. Ini disebabkan kos pembiayaan yang tinggi di seberang laut berikutan dengan kejatuhan mata wang kita. Kalau pelajar-pelajar tajaan kerajaan, MARA dan lain-lain institusi menghadapi beban masalah tentulah pelajar-pelajar ditanggung sendiri perbelanjaannya oleh ibu bapa mereka lebih bermasalah lagi.

Penghantaran pelajar-pelajar ke seberang laut meningkat setiap tahun mengikut catatan yang dikeluarkan mengenai pelajar-pelajar Malaysia di Britain sahaja bagi tahun 1994 dan 1995 berjumlah 414,627 dan meningkat pada tahun 1996/1997 seramai 18,105.

Ini berbeza dengan penghantaran pelajar-pelajar ke Britain dan Hong Kong seramai 10,683 bagi tahun 1994/1995 tetapi turun kepada 7,767 bagi tahun 1996/1997. Singapura juga menurunkan jumlah penghantaran pelajar-pelajar ke Britain dari 6,326 tahun 1994/1995 kepada 5,646 pada tahun 1996/1997.

Tuan Yang di-Pertua, kita tidaklah terpengaruh dengan Hong Kong dan Singapura tetapi persediaan perlu dibuat bagi membolehkan pelajar-pelajar kita belajar di negara sendiri selaras dengan desakan kerajaan mengutamakan 'made in Malaysia'. Kerajaan juga boleh mempelawa universiti-universiti luar negeri membuka cawangan mereka di negara ini bagi membolehkan pelajar-pelajar kita mendapatkan kemahiran dan kepakaran yang sama apabila menuntut di universiti-universiti berkenaan di seberang laut.

Kenyataan Dekan Kemasukan dan Rekod Universiti Islam Antarabangsa (UIA) Profesor Madya Dr. Jamil Othman pada 24 Mac 1998 bahawa universiti itu menyediakan kira-kita 200 tempat kepada pelajar-pelajar di luar negara yang ingin menyambung pengajian mereka di negara ini adalah dialu-alukan. Demikian juga pengakuan Penolong Rektor Perhubungan Luar dan Antarabangsa Institut Teknologi Mara (ITM) Profesor Dr. Sahor Hamid yang akan memberi keutamaan kepada pelajar tempatan di IPT luar negara yang ingin kembali ke Malaysia.

Usaha demikian memang dihargai tetapi mestilah meliputi juga pelajar-pelajar yang melanjutkan pelajaran ke seberang laut dengan menggunakan perbelanjaan sendiri. Adalah tidak adil membiarkan pelajar-pelajar kita menanggung kos yang tinggi akibat kejatuhan nilai mata wang kerana mereka akan balik ke negara ini menyumbangkan kemahiran dan kepakaran mereka apabila menamatkan pengajian.

Tuan Yang di-Pertua, aspek pendidikan perlu dilihat daripada pengajian peringkat rendah juga. Ketua Jabatan Pengajian Melayu Universiti Malaya, Profesor Madya Dr. Sanaf Mohd Nasir telah mendesak Kementerian Pendidikan menimbangkan untuk mendapatkan guru-guru yang mengikuti program siswazah di institusi pengajian tinggi ke sekolah-sekolah rendah di seluruh negara dalam kenyataannya pada 24 Mac 1998. Desakan Dr. Sanaf ini berdasarkan lebih 3,000 guru siswazah dari pelbagai bidang pengajian yang dijangka menamatkan kursus selama tiga tahun pada Mei

1999 nanti yang mana ketika ini guru-guru siswazah ditempatkan di sekolah-sekolah menengah. Pelajar-pelajar di peringkat rendah seharusnya didedahkan kepada guru-guru siswazah ini bagi meningkatkan mutu pembelajaran di peringkat sekolah rendah.

Peraturan dan disiplin di sekolah-sekolah rendah juga perlu diselaras oleh jabatan-jabatan pendidikan, bukan mengikut budi bicara guru besar dan PIBG yang boleh menimbulkan kekeliruan, malah pendidikan sivik dan psikologi perlu diterapkan kepada guru-guru bagi meningkatkan tahap peraturan dan disiplin di sekolah-sekolah.

Sebagai contoh, Sekolah Rendah Kebangsaan Taman Sri Gombak, pada 20 Mac 1998 mengumumkan kepada murid-murid bahawa ibu bapa yang mahu menemui anak-anak perlu mengisi borang dan meninggalkan kad pengenalan di pejabat adalah tidak praktikal. Bukan sahaja ianya keputusan pentadbiran sekolah tetapi boleh menimbulkan kekeliruan kepada ibu bapa yang anak-anak mereka belajar di dalam darjah satu dan darjah dua. Murid-murid berkenaan tentulah sukar menumpukan pelajaran di dalam kelas untuk tempoh satu atau dua bulan terawal sekiranya tidak ditemani oleh ibu bapa.

Tuan Yang di-Pertua, langkah Kesatuan Sekerja yang memulaukan ayam baru-baru ini tidak harus dipandang sebagai menyusahkan peniaga-peniaga ayam tetapi sebagai satu protes terhadap kenaikan harga barang yang berterusan. Kejatuhan mata wang dan kegawatan ekonomi telah digunakan oleh pihak tertentu mencari kesempatan di dalam menentukan kenaikan harga barang.

Apabila Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna membuat pengumuman kenaikan harga gula pada 1 Februari 1998, lebih awal dua bulan sebelum tarikh tersebut. Tiba-tiba sahaja bekalan gula terputus, peniaga-peniaga menunggu peluang mendapatkan keuntungan yang berlebihan dengan mengawal gula untuk tujuan menjual dengan harga yang tinggi pada selepas tarikh 1 Februari 1998 itu.

Kerajaan telah menyeru supaya kurangkan penggunaan gula bagi mengatasi krisis bekalan gula. Kenapa dalam isu bekalan ayam tidak diminta kurangkan pembelian ayam. Oleh itu langkah CUEPACS memulaukan ayam mempunyai persamaan dengan seruan kerajaan supaya mengurangkan penggunaan gula. Kenaikan harga barangan juga memberi kesan kepada harga makanan seperti roti canai, teh tarik dan makanan biasa untuk pekerja-pekerja berpendapatan rendah.

Roti canai misalnya, melonjak dari 60 sen di masa lalu kepada 80 sen sekarang. Demikian juga teh tarik daripada 70 sen kepada RM1.00 segelas, malah di pasar malam juga harga apam balik RM1.00 dinaikkan kepada RM1.50 sekarang. Memang mudah untuk mengingatkan orang ramai supaya tidak minum di kedai ataupun membeli roti canai sekiranya harga makanan itu tinggi tetapi kerajaan harus memahami bahawa makanan yang disebutkan itu adalah makanan rakyat jelata, pekerja-pekerja dan dari kalangan mereka yang berpendapatan rendah. Mereka tidak akan memasuki restoran eksklusif ataupun hotel-hotel besar semasa pertemuan para korporat untuk makanan tengah hari pada hari-hari kerja. Makanan tersebut juga dijual di kantin-kantin pejabat ataupun kantin-kantin sekolah, adakah logik menyuruh mereka tidak membeli makanan ini bagi menutup kelemahan kerajaan apabila berlaku kenaikan harga barang. Apa yang penting ialah kenaikan harga barang tidak seratus peratus terletak kepada kejatuhan nilai mata wang dan kemelesetan ekonomi tetapi sikap tamak haloba pembekal-pembekal yang sengaja mencari kesempatan 'menangguk di air yang keruh'.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai contoh harga sepuluh kilogram beras kampit super yang dijual ialah RM18 di satu pasaraya di Gombak tetapi sepuluh kilogram beras yang sama secara timbang di pasaraya Gombak Batu 5 ialah RM14. Bagaimana barang yang sama dijual di tempat yang berasingan mempunyai harga yang berbeza. Ini bermakna kenaikan harga barangan juga penuh dengan misteri yang perlu dicari punca sebenarnya.

Tuan Yang di-Pertua, sekalipun negara menghadapi kegawatan ekonomi adalah tidak wajar peruntukan kepada pejabat-pejabat yang penting perlu dikurangkan. Tidak semua pejabat-pejabat perlu dipotong peruntukan sekiranya membabitkan keperluan yang tidak dapat dielakkan. Adalah difahamkan bahawa peruntukan bekalan ubat kepada Hospital Bahagia di Tanjung Rambutan akan dipotong ataupun telah dipotong berikutan dengan kegawatan ekonomi sekarang. Hospital Bahagia merupakan tempat rawatan pesakit-pesakit yang mengidap tekanan jiwa. Mereka bukan sahaja memerlukan rawatan yang rapi. Masalah bekalan ubat yang tidak mencukupi, oleh itu bekalan ubat kepada pesakit-pesakit jiwa ini adalah sangat diperlukan dan sekiranya peruntukan dipotong, sudah tentu Hospital Bahagia akan berhadapan dengan kekurangan bekalan ubat. Apa lagi kita bimbang dalam masa kegawatan ekonomi ini pesakit-pesakit

di Hospital Bahagia akan bertambah akibat saham yang jatuh merudum.

Tuan Yang di-Pertua, dalam masa negara membangun sekali pun berhadapan dengan kegawatan ekonomi sekarang, Kuala Lumpur sebagai ibu kota memainkan peranan sebagai lambang pembangunan. Perhentian Bas Puduraya adalah nadi perhubungan dalam pengangkutan awam ke seluruh negara. Kalau Perhentian Bas Puduraya dibiarkan dengan suasana tidak selesa, kotor dengan pencemaran udara dan sempit, maka ianya menggambarkan perhentian bas utama di ibu kota ini bagai mutiara di dalam lumpur.

Perhentian Bas Puduraya wujud sejak sebelum merdeka dan dibangun semula sekitar dalam tahun 1970-an. Ketika pembinaan baru Perhentian Bas Puduraya dalam tahun 1970-an adalah berdasarkan keadaan ketika itu di mana tidak banyak bas dan teksi di samping penduduk yang tidak ramai seperti banci yang tercatat dalam Banci Penduduk Negara. Penduduk Kuala Lumpur bagi tahun 1970 hanya 451,728 meningkatkan kepada 820,000 pada Februari 1994 dan bertambah sehingga 1,760,000 pada tahun 1979. Pertambahan penduduk yang pesat ini di samping semakin meningkat sekarang selepas dekad 1980-an dan 1990-an, sudah tentu penggunaan Perhentian Bas Puduraya tidak sesuai lagi kerana ianya dijadikan tumpuan pengangkutan awam dan orang ramai berulang-alik ke seluruh negara.

Tuan Yang di-Pertua, terminal bas di Perhentian Bas Puduraya sekarang penuh sesak dengan pertambahan syarikat-syarikat bas ekspres, di samping pengguna-pengguna yang bertumpu ke situ. Akibat bau asap bas di tempat yang sempit dan rendah, pencemaran udara tidak dapat dielakkan. Keadaan demikian hanya sesuai pada masa 20 tahun yang lalu. Oleh itu, langkah mewujudkan perhentian bas bagi menggantikan Perhentian Bas Puduraya sepatutnya menjadi agenda dalam rangka pembangunan Kuala Lumpur pada alaf baru tahun 2000. Menteri Pengangkutan, Menteri Pembangunan Usahawan dan Datuk Bandar Kuala Lumpur adalah wajar membuat lawatan ke Perhentian Bas Puduraya bagi mendengar rungutan orang ramai. Saya bersedia menawarkan diri untuk mengikut sama menyertai lawatan mereka bagi memastikan bahawa Perhentian Bas Puduraya tidak layak lagi menjadi terminal bas utama di Kuala Lumpur. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Baram.

6.53 ptg.

Tuan Jacob Dungau Sagan [Bagam]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, kerana memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang dilafazkan pada hari Isnin 23 Mac 1998 di Dewan yang mulia ini. Titah Ucapan Baginda menyentuh dan mengandungi nasihat dalam pelbagai bidang kehidupan rakyat jelata di negara kita ini.

Seri Paduka Baginda menasihatkan rakyat jelata Malaysia semoga bersabar di dalam menghadapi krisis ekonomi yang sedang melanda negara dan seterusnya menghadapi cabaran-cabaran kini dengan semangat dan komitmen yang kuat di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad sebagai Perdana Menteri kita dan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Anwar bin Ibrahim sebagai Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan Malaysia. Inspirasi dari Titah Ucapan Baginda ini kita ucapkan berbanyak terima kasih dan kita berharap rakyat jelata akan terus bersama-sama berjuang dengan sesungguhnya.

Tuan Yang di-Pertua, semenjak kita menghadapi kegawatan ekonomi negara mulai bulan Julai 1997 pemimpin-pemimpin kita telah memperkenalkan beberapa strategi pemulihan ekonomi serta juga mengambil tindakan yang sewajarnya bagi memperkukuhkan kedudukan ekonomi makro kita di rantau ini. Pengwujudan Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) ialah satu tindakan yang wajar sekali bagi menyelesaikan masalah ekonomi negara menyeluruh. Kita perlu memuji dan memberi tahniah kepada pemimpin-pemimpin kita ini yang berwawasan, berwibawa, bijaksana, bertanggungjawab dan berkualiti tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, untuk melaksanakan Pakej Pemulihan Ekonomi ini dengan berkesan serta merealisasikan tujuan-tujuannya, saya rasa kita perlu keadaan politik yang stabil. Oleh sebab itu, kita perlulah memberi sokongan yang padu kepada pucuk pimpinan kita dalam usaha mereka membaikpulihkan negara ini ke tahap yang kita telah nikmati sebelum krisis ekonomi ini berlaku. Ini bererti rakyat jelata semestinya sanggup menjalani dan menerima tugas-tugas ataupun strategi yang telah disenaraikan dalam pakej tersebut. Orang ramai juga perlu sanggup mengorbankan sebahagian dari kehidupan yang selesa, lumayan dan baik yang telah dinikmati dalam masa 10 tahun yang lalu.

Sepertimana yang disebutkan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Anwar bin Ibrahim minggu lalu, berat sama dipikul, ringan sama dijinjing. Inilah sikap yang kita perlu ada demi mengatasi masalah kegawatan ekonomi ini.

Malangnya semasa kita Kerajaan Barisan Nasional meminta perpaduan di antara rakyat jelata untuk mengatasi masalah ini masih ada juga anasir-anasir dalam masyarakat yang hendak menjahanamkan usaha-usaha kerajaan ke arah pemulihan ekonomi ini. Anasir-anasir jahat dan sikap negatif ini menggugatkan keyakinan orang ramai kepada pemimpin-pemimpin dan kerajaan.

Memandangkan sikap negatif yang dipraktikkan oleh anasir-anasir seperti ini, saya menyokong penuh dengan seruan Baginda tempoh hari yang menyeru kepada rakyat jelata terus bersatu-padu mewujudkan sebuah negara yang mengutamakan keadilan sosial, bermoral dan mempunyai nilai-nilai positif. Ini bermakna kerajaan adalah prihatin dan sensitif ke atas keperluan rakyat jelata dan sentiasa memberi peluang yang sama, dengan izin, equal opportunity kepada semua rakyat yang berbilang kaum, bangsa dan agama di negara kita. Kita juga prihatin kepada keperluan, dengan izin, the minority group in the country, supaya mereka ini tidak tersingkir ataupun marginalised, dengan izin dari arus pembangunan.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong penuh dengan langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan bagi menyelesaikan kegawatan ekonomi ini. Saya ingin sentuh beberapa isu yang bersangkut-paut dengan rakyat jelata khususnya orang ramai di kawasan luar bandar. Langkah yang pertama yang saya tahu ialah dari segi pengurangan peruntukan untuk pembangunan. Saya memuji kerajaan kerana tidak mengurangkan peruntukan bagi socio-economic programme, dengan izin di negara ini. Tindakan ini adalah dialu-alukan kerana kita perlu meningkatkan lagi kehidupan rakyat jelata yang masih di bawah paras kemiskinan, menerusi program pembangunan luar bandar kita. Mutu kehidupan rakyat di luar bandar perlu kita tingkatkan seperti pembekalan kemudahan asas iaitu seperti bekalan air, bekalan elektrik, jalan-jalan kampung, program-program kesihatan dan lain-lain lagi.

Jalan-jalan utama yang belum diperbaiki itu perlulah diutamakan kerana ia memberi jalan yang penting bagi menentukan kesenangan rakyat jelata. Contohnya jalan utama Persekutuan di kawasan saya di Baram iaitu dari Beluru-Long Teru ke Sungai Tinja di kawasan Baram perlulah diperbaiki dan diturapkan dengan segera. Saya minta kepada kerajaan khususnya Kementerian Kerja Raya supaya memberi pertimbangan kepada Jalan Beluru-Long Teru-Tinja ini dalam midterm review, dengan izin kerana inilah satu jalan asas untuk orang-orang di kawasan saya di Baram.

Tuan Yang di-Pertua, perkhidmatan kesihatan juga perlu kita tingkatkan kerana semasa keadaan cuaca yang tidak stabil disebabkan oleh fenomena El-Nino beberapa penyakit yang kita belum kenal dahulu meletus seperti coxsackie di negeri Sarawak. Baru-baru ini di kawasan saya di Baram penyakit yang kita sudah fikir telah dihapuskan muncul semula seperti penyakit-penyakit kolera, taun, TB, malaria, leprosi dan denggi.

Saya menyeru kepada kerajaan supaya terus memperhebatkan lagi perkhidmatan kesihatan di negara ini dan juga memastikan bahawa bekalan ubat-ubat ke hospital dan semua klinik-klinik di seluruh negara itu sentiasa mencukupi. Contohnya semasa kita di Baram menghadapi penyakit wabak taun bulan lalu, saya diberitahu bahawa pembekalan ubat di klinik-klinik di situ langsung tidak mencukupi. Saya menyeru kepada pihak yang berkuasa supaya membekalkan ubat-ubat yang cukup kepada semua klinik-klinik di luar bandar.

Langkah yang kedua, yang telah dinyatakan kepada kita ialah mengurangkan pengimportan barang-barangan serta makanan.

Tuan Yang di-Pertua, strategi ini sangatlah penting bagi memperbaiki balance of payment, dengan izin, negara kita dan mengurangkan hutang asing negara. Dari senarai barang-barangan yang diimport itu, pengimportan barang-barang ataupun bahan makanan adalah salah satu sektor di mana kerajaan perlu tumpukan usahanya dengan segera. Dari report pengimportan makanan di negara kita ini kita sedar bahawa pembayarannya dalam beberapa tahun yang lalu adalah terus meningkat seperti berikut.

Bagi tahun 1995, food bill kita ialah RM7 bilion, bagi tahun 1996 ialah RM8 bilion, bagi tahun 1997 RM10 bilion dan dianggarkan tahun ini food bill kita ini akan meningkat ke RM11 bilion. Food bill ini, dengan izin, adalah sangat besar akan tetapi saya percaya negara kita boleh mengatasinya menerusi tindakan yang wajar seperti penanaman tanaman tempatan sebagai pengganti ataupun alternatif bahan-bahan yang diimport dari luar negeri. Contohnya tanaman sayur-sayuran dan buah-buahan, daging, makanan, ikan-ikan, cane dan preserve food, dengan

izin, pengeluaran bahan-bahan makanan, ternakan dan perikanan boleh kita usahakan di negara ini tanpa banyak masalah.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang penting bagi melicinkan usaha ini ialah tindakan kerajaan membekal kemudahan-kemudahan dan insentif bagi rakyat jelata bergerak dan bagi pihak sektor korporat itu mengambil langkah untuk berusaha dalam bidang ini.

Saya mencadangkan kepada kerajaan mempertimbangkan langkah-langkah seperti berikut:-

(i) mengerjakan kegunaan tanah terbiar dengan kesan bagi tanaman sayur-sayuran, kegunaan tanah di dataran tinggi bagi penanaman tanaman buah-buahan ataupun sayur-sayuran yang digelar temperate ataupun, dengan izin, as an alternative to imported temperate vegetables and fruits;

(ii) tanah di negara ini perlulah dizonkan supaya tanah yang sesuai untuk tanaman pertanian itu tidak digunakan untuk pembangunan perumahan dan lain-lain kegunaan;

(iii) saya rasa kita perlu menggalakkan pengeluaran ternakan termasuk ikan secara berkomersial serta juga memperkukuhkan lagi industri makanan ternakan atau the food industry, dengan izin;

(iv) kita juga perlu menghebatkan lagi dengan izin, processing and canning of agriculture produce dalam negara kita;

(v) kita perlu memperbaiki lagi sistem pasaran pengeluaran pertanian di seluruh negara supaya kita boleh mengawal harga-harga bahan makanan dan juga the distribution of all the food stuff, dengan izin;

(vi) kita juga perlu mempertingkatkan dan mempromosikan kreativiti dan inovasi tempatan menerusi penyelidikan dan pembangunan (research and development) supaya alternatif teknologi boleh diperolehi untuk mengatasi labour intensive activities, dengan izin;

(vii) kita juga perlu sentiasa mengawal dan mengawasi serangan serangga-serangga dan penyakit-penyakit yang mengurangkan pengeluaran industri pertanian kita.

Semua langkah-langkah tersebut perlulah diteliti dan diselidik dengan sedalam-dalamnya untuk mengatasi food bill kita yang tinggi yang saya sebutkan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, industri pelancongan adalah satu industri yang berpotensi sekali untuk menarik dana asing ke negara ini. Malaysia ialah sebuah negara yang dikurniakan oleh Tuhan sebagai sebuah negara yang indah semula jadinya, mempunyai hutan yang banyak, biodiversity, dengan izin, serta juga mempunyai kebudayaan dan tradisi dan juga pelbagai jenis makanan yang unik yang boleh menarik pelancong-pelancong asing ke negara kita ini.

Saya mencadangkan supaya kita teruskan strategi yang kita telah ada sekarang tanpa mengurangkan peruntukan dalam sektor ini. Strategi ini adalah seperti berikut:-

(i) mempergiatkan lagi promosi pelancongan di luar negara dan juga di domestik;

(ii) memperkenalkan kawasan pelancongan baru yang berpotensi di seluruh negara supaya tempat-tempat ini boleh dibangunkan untuk membina holiday resort, hotel yang murah dan lain-lain termasuk potensi untuk agro tourism, adventure tourism dan yang lain-lain lagi.

Di kawasan saya di Baram kita mempunyai banyak lagi tempat-tempat semula jadi yang indah yang belum dibangunkan untuk pelawat-pelawat. Selain dari Gua Mulu yang terkenal itu, kita mempunyai air terjun yang tinggi sekali lebih kurang 600 kaki tinggi iaitu Julan Waterfall. Kita juga mempunyai banyak national park di mana kita ada satu inland lake yang besar di negeri Sarawak dan juga sungai-sungai seperti Sungai Baram, Sungai Tinja, Akar dan Tutor itu boleh dipromosikan bagi wide water rafting, dengan izin.

Saya minta kepada kerajaan supaya tempat ini boleh dimajukan untuk mempromosikan industri pelancongan kita di negara ini. Kita perlu juga meneruskan usaha untuk mengelolakan forum antarabangsa dalam semua bidang supaya mereka yang mengambil bahagian dalamnya atau dengannya boleh memperkenalkan negara kita di negara asing di mana mereka itu datang.

Kita juga perlu meneruskan pembangunan indsutri kraftangan kita dan mempromosikan kebudayaan dan sejarah kita yang unik itu kepada negara asing. Kita perlu mendedahkan orang ramai supaya mereka sentiasa, dengan izin, 'courteous,

polite and enthusiastic towards our visitors'. Didikan ini perlu kita jalankan pada semua orang yang terlibat dalam industri pelancong termasuk pemandu-pemandu teksi, pemandu-pemandu bas pelancongan, guide dan orang-orang yang terlibat dalam industri ini.

Untuk menyenangkan kedatangan pelancong-pelancong dari luar negeri kita perlu juga memberi kemudahan yang menarik seperti jalan raya yang selesa dan juga dari segi human touch yang caring, dengan izin. Kebersihan bandar dan tandas-tandas awam itu perlulah diutamakan kerana keadaannya membayangkan status negara kita kepada negara-negara yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun kita mempunyai sebuah negara yang indah kita juga berada dalam suatu keadaan yang langsung tidak selesa iaitu cabaran dari pencemaran udara yang dilanda oleh jerebu di rantau ASEAN ini. Keadaan jerebu di negara kita ini telah mengurangkan kedatangan pelancong-pelancong asing ke sini, ini bermakna kita perlu mengatasinya dengan segera dan dengan serius. Saya memuji tindakan kerajaan kerana telah beraktif dengan menubuhkan di rantau ASEAN ini sebuah Pelan Tindakan Jerebu Serantau. Yang Berhormat Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar semasa menjawab soalan dalam Dewan yang mulia ini kelmarin memaklumkan kepada kita bahawa kerajaan juga telah menubuhkan sebuah jawatankuasa negara serta juga penubuhan-penubuhan jawatankuasa jerebu di tiap-tiap daerah di seluruh negara. Saya rasa apa yang penting sekarang ialah kita perlu memperkuatkan lagi organisasi ini supaya tiap-tiap jawatankuasa itu boleh bergerak secara proaktif untuk mengatasi apa sahaja masalah yang timbul pada masa yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang ini kawasan utara negeri Sarawak adalah dilanda kemarau. Sepertimana yang disebutkan oleh Yang Berhormat dari Sipitang tadi kemarau yang kita tidak pernah hadapi dahulu telah melanda kawasan kita dalam empat bulan yang lalu. Kesannya kawasan tersebut telah mengalami beberapa masalah termasuk kekurangan air, ini menimbulkan kebakaran hutan rimba, jerebu tempatan dan mencetuskan wabak taun oleh kerana air itu telah tercemar, tidak cukup digunakan oleh orang-orang tempatan.

Dengan adanya masalah ini jawatankuasa jerebu tempatan serta relief committee, telah berusaha dengan sesungguhnya untuk mengatasinya. Kita juga minta orang ramai tempatan supaya bergotong-royong untuk memadam api yang merebak di kawasan hutan yang berdekatan dengan bandar, malangnya kita langsung tidak boleh mengatasinya kerana kekurangan kakitangan, kekurangan fire fighting equipment, dengan izin, dan juga kemudahan transport untuk pergi ke kawasan yang terbakar.

Akibat kebakaran ini, kawasan kami di Miri dan Marudi pun dalam keadaan yang sentiasa berjerebu. Di bandar Marudi, di Baram kita tidak tahu berapa seriusnya tekanan jerebu kerana Marudi belum mempunyai sebuah unit Air Pollution Index Equipment, jadi saya minta jika boleh kerajaan menyumbang sebuah unit equipment API ini kepada bandar Marudi di sana.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, dengan ucapan yang demikian saya menyokong. Sekian terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Tenom

7.20 mlm.

Tuan Radin Malleh [Tenom]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, kerana memberi peluang kepada saya untuk turut sama membahaskan Titah Ucapan Perasmian Pembukaan Penggal Keempat, Parlimen Kesembilan oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertua Agong pada 23 Mac, 1998 yang lalu.

Titah ucapan Baginda yang merangkumi semua aspek merupakan satu amanat dan nasihat yang amat penting pada semua lapisan masyarakat termasuklah pemimpin-pemimpin politik dan kakitangan awam serta juga sektor swasta untuk dihayati bersama terutama sekali di saat-saat apabila negara sedang menghadapi kegawatan ekonomi dewasa ini. Untuk mengatasi krisis ekonomi ini adalah amat penting semua pihak menggemblengkan tenaga untuk memperbaiki, menjaga serta memperkukuhkan keadaan ekonomi bagi seluruh negara supaya keadaan beransur pulih di dalam tempoh yang tidak berpanjangan.

Langkah-langkah yang disarankan oleh kerajaan untuk berjimat cermat, membeli barangan buatan tempatan, penggunan buruh tempatan, rakyat diseru bercucuk tanam dan sebagainya adalah satu langkah praktikal yang difikirkan perlu dan mesti dilakukan oleh semua rakyat untuk membantu kerajaan mengatasi krisis ekonomi yang sedang melanda negara kita sekarang ini. Di samping itu, di pihak kerajaan juga, sama ada di peringkat Persekutuan, mahupun di peringkat negeri mestilah juga memainkan peranan yang penting untuk memulihkan ekonomi di peringkat negeri masing-masing, dengan pengurusan berhemat dan juga penggunaan yang baik serta berfaedah kepada sumber alam dan kekayaan negeri.

Saya bercakap demikian, kerana berasaskan sumber ekonomi seperti di Sabah iaitu tertumpu kepada hasil pertanian khususnya hasil eksport kelapa sawit dan koko yang mana harga telah melambung tinggi di samping sumber ekonomi yang lain, maka sepatutnya negeri Sabah tidak terlalu tertekan oleh kegawatan ekonomi yang berlaku sekarang ini. Tetapi akibat daripada tindakan pemimpin-pemimpin Barisan Nasional Negeri yang angkuh dan lupa daratan kerana mereka tahu mereka bukan dipilih oleh rakyat untuk mentadbir negeri Sabah, maka itulah mereka hentam kromo sahaja sebab tiada responsibility dan akauntability kepada rakyat. Pemimpin-pemimpin Barisan Nasional negeri Sabah tahu bahawa karier politik mereka masing-masing adalah seperti salah satu filem yang diarah oleh Dato' Jins Shamsuddin iaitu yang bertajuk *Tiada Esok Bagimu*, maka mereka kelam kabut menjual harta-harta dan syarikat-syarikat milik Kerajaan Negeri Sabah dengan cara 'hairan bin ajaib'. Contohnya, kenderaan-kenderaan kerajaan telah dijual kepada Angkatan Hebat Sdn. Bhd. kononnya untuk mengurangkan perbelanjaan mengendali kenderaan perkhidmatan awam, tetapi setelah berbuat demikian kos pengurusan kenderaan kerajaan negeri melambung tinggi daripada RM10 juta kepada RM60 juta setahun.

Satu lagi yang menakjubkan, ialah penjualan ekuiti SAPI Plantation secara tergesa-gesa kepada sebuah syarikat yang dimiliki oleh Pengurus Besar SLDB sendiri dan konco-konconya sementara kerajaan negeri pula sedang dalam proses menjual keseluruhan harta komersial kepunyaan SLDB. Tambahan pula harga jualan kepada harta-harta milik kerajaan adalah terlalu rendah di bawah harga pasaran. Misalnya harta-harta Koperasi Pembangunan Desa (KPD) iaitu anak syarikat kepada negeri, kepunyaan negeri Sabah yang mempunyai keluasan tanah yang besar di Sabah dan tidak kurang 1 juta ekar tanah ladang lembu di Australia telah dijual dengan harga RM85 juta sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, banyak lagi harta-harta negeri Sabah yang telah dijual tanpa ketelusan dan di bawah harga pasaran seperti Sabah Cement Industri yang juga telah dijual kepada Timbalan Pengurus Besar Sabah Economic Development Corporation (SEDCO). Kita difahamkan bahawa Peguamcara di Kementerian Kewangan Persekutuan telah memberi pandangan yang penjualan ini telah bertentangan dengan Ordinan Darurat 22. Kes-kes yang saya sebut di atas, hanyalah sebahagian kecil penjualan harta-harta milik kerajaan negeri yang telah dibuat oleh pemimpin-pemimpin Barisan Nasional Negeri Sabah tanpa ketelusan dan dengan cara yang penuh dengan tandatanya. Oleh itu, saya meminta Badan Pencegah Rasuah untuk membuat penyiasatan yang rapi lagi teliti terhadap semua penjualan harta milik rakyat negeri Sabah oleh Kerajaan Barisan Nasional Negeri Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun Barisan Nasional kalah di dalam Pilihanraya Umum Negeri Sabah pada tahun 1994, namun kuasa mentadbir negeri telah dirampas daripada tangan PBS melalui 'pembelian' beberapa ADUN PBS yang kemudiannya membantu pembentukan Kerajaan Barisan Nasional Negeri Sabah. Kita masih ingat, berapa megah dan angkuh Barisan Nasional telah berjanji untuk mencurahkan wang membangun negeri Sabah supaya berubah wajah menjadi Sabah Baru dalam tempoh 100 hari selepas Barisan Nasional, memerintah di mana tiada lagi kemiskinan, setiap rakyat Sabah akan diberi sebuah rumah oleh Kerajaan Barisan Nasional Negeri. Kini hampir 5 tahun Barisan Nasional mentadbir negeri Sabah tetapi Sabah Baru tidak juga kesampaian ataupun tidak menjadi kenyataan. Sekarang kegawatan ekonomi pula dijadikan sebagai alasan Barisan Nasional Negeri Sabah gagal membawa pembangunan seperti yang telah dijanjikan semasa kempen Pilihanraya Umum Negeri pada tahun 1994. Namun demikian, Barisan Nasional Negeri Sabah terus juga menabur janji walaupun kerajaan negeri tiada mempunyai wang yang cukup untuk melaksanakan janji-janji seperti membina lapangan terbang di Keningau, membina pelabuhan darat di Tenom, iaitu kawasan saya serta pembinaan kilang besi di Kudat dan juga pembinaan kilang pemasangan kapal terbang di Kota Kinabalu Industrial Park dan lain-lain lagi. Dalam hubungan ini, saya teringat satu pantun tradisi Melayu yang telah dilafazkan oleh Yang Berhormat daripada Kepong pada persidangan lalu yang berbunyi demikian:

Dang Nila memangku puan,
Berembang buah pedada,
Adakah gila bagimu tuan,
Burung terbang dipipiskan lada.

Tuan Yang di-Pertua, kendatipun kegawatan ekonomi sedang melanda negara kita dewasa ini, kita berharap ianya tidak dijadikan sebagai penghalang oleh Kerajaan Persekutuan untuk membangun negeri Sabah mengikut bidang kuasanya di bawah sistem Kerajaan berPersekutuan di mana kedua-dua Kerajaan Persekutuan dan negeri mempunyai peranan dan

tanggungjawab masing-masing untuk membawa pembangunan di sesebuah negeri di dalam Persekutuan.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh tentang kedatangan pendatang asing tanpa izin di negara kita, saya telah membawa perkara ini di setiap persidangan Parlimen sejak saya pertama sekali menjadi Ahli Parlimen pada tahun 1990. Kita telah memberi pandangan kepada kerajaan tentang gejala dan masalah yang akan ditimbulkan oleh pendatang-pendatang asing tanpa izin antara lainnya seperti masalah sosial, penyeludupan dadah, pertambahan perlakuan jenayah, pertambahan pengangguran di kalangan rakyat tempatan, pendatang-pendatang asing tanpa izin menjadi warga negara sewenang-wenangnya tanpa mengikut proses undang-undang dan banyak lagi risiko yang rakyat tempatan akan terima kerana kehadiran pendatang asing tanpa izin yang tanpa dikawal ini.

Jelas terbukti sekarang, bahawa pendatang asing tanpa izin ini, bukan bertujuan untuk balik ke negara asal masing-masing, tetapi mahu menjajah negara kita. Ini terbukti apabila mereka bukan sahaja berani membunuh penduduk-penduduk tempatan, tetapi juga anggota-anggota pasukan keselamatan dan rusuhan di pusat-pusat tahanan kini oleh pendatang-pendatang asing tanpa izin kini sudah menjadi commonplace, dengan izin dan seolah-oleh kerajaan tidak berupaya mengatasi masalah ataupun fenomena ini.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya kita atau kerajaan tidak akan menghadapi masalah hingga ke tahap sekarang ini, jika kerajaan sungguh-sungguh mengawal kemasukan pendatang asing tanpa izin ini daripada awal-awal lagi. Malangnya, kerajaan tidak menghiraukan teguran-teguran yang kita buat. Nah! sekarang sudah terhantuk baru tengadah. Kenapa tidak dari awal-awal lagi kerajaan tidak, nip in the bud, dengan izin, kemasukan beramai-ramai pendatang-pendatang asing tanpa izin ini. Rakyat tidak dapat menerima alasan kerajaan bahawa negara mempunyai 'coastal line' yang begitu panjang, bak kata pepatah, orang mahu seribu daya, orang tak mahu seribu dalih, di mana ada kemahuan, di situ ada jalan. Seperti di Sabah mengikut laporan akhbar tempatan, *The Borneo Post* pada 16 Jun 1996, bahawa dianggarkan lebih 500 ribu daripada 2.5 juta penduduk Sabah yang memiliki kad pengenalan biru ataupun yang sah melibatkan pendatang asing tanpa izin. Begitu juga pada 5 Julai 1997, di dalam akhbar *Berita Harian*, Setiausaha Agong UMNO, telah mengumumkan terdapat lebih daripada 4 ribu Ahli UMNO di Sabah telah menggunakan kad pengenalan palsu. Dalam hubungan ini juga, pada 25 Julai 1997 di dalam laporan akhbar-akhbar tempatan seperti dalam *Daily Express* dan *Borneo Mail*, "Pengurus Besar KWSP Sabah telah mengumumkan terdapat 14,789 orang pendatang asing tanpa izin telah mencarum di dalam tabung KWSP dengan jumlah caruman sebanyak RM32.54 juta".

Tuan Yang di-Pertua, bukan itu sahaja, tetapi pendatang asing tanpa izin ini telah mendaftar dan didaftar sebagai pengundi di Sabah. Ini jelas berlaku di Sabah, sebab saya mempunyai bukti di mana saya telah membuat laporan polis di Balai Polis Kota Kinabalu pada 18 Januari 1996, di mana saya telah menerima 10 keping kad pengenalan biru yang baru siap dibuat tetapi nama dan nombor kad pengenalan mereka sudahpun terdaftar di dalam buku daftar pemilih sungguhpun mereka belum menerima kad-kad pengenalan berkenaan. Begitu juga semasa bantahan kepada buku daftar pemilih di dalam Senarai B bagi kawasan P158 Tenom pada 28 Januari 1997, kita dapati banyak pengundi-pengundi yang mendaftar tidak kita kenali. Ada pula suami isteri yang mempunyai 4 keping kad pengenalan biru yang berlainan butir-butirnya. Semua mereka ini adalah pendatang asing tanpa izin. Di dalam urusan pendaftaran pengundi ini pula ada kejadian di mana beribu orang tempatan telah dipindahkan ke lain tempat kawasan pilihan raya tanpa pengetahuan ataupun permohonan pengundi itu sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, bila kita timbulkan masalah ini, di Dewan yang mulia ini, kita sering di beri jaminan bahawa pihak berkuasa akan menjalankan tugas dan juga tanggungjawab mereka mengikut undang-undang. Namun ianya adalah menjadi 'lips service' sahaja. Memandangkan pendatang asing tanpa izin mendapat layanan yang lenient dengan izin, berbanding dengan anak-anak tempatan seperti yang berlaku di Kampung Matabian, Kota Kinabalu di mana penduduk-penduduk tempatan yang sudah menduduki lebih 20 tahun di tempat itu bukan sahaja diusir keluar tetapi rumah-rumah mereka telah dirobohkan kerana Native customary rights mereka telah dimansuhkan oleh kerajaan negeri Barisan Nasional tetapi setinggan-setinggan, pendatang asing tanpa izin yang tumbuh bagai cendawan di seluruh Sabah, seperti kawasan saya sahaja iaitu di Pampang, Motou, Tenom Lama dan di lain-lain tempat tidak diambil tindakan oleh pihak-pihak berkuasa.

Inilah dikatakan oleh Yang Berhormat daripada Benut tadi "kera di hutan disusui, anak di pangkuan mati kehausan" kerana perkara ini terus berleluasa di mana pendatang tanpa izin dengan sewenang-wenangnya mendapat kad pengenalan sama ada secara sah atau haram dan kemudian didaftar sebagai pengundi.

Apa yang malang sekali pada akhir-akhir ini pihak SPR atau Suruhanjaya Pilihanraya begitu ghairah sekali mendaftarkan sesiapa sahaja sebagai pengundi tanpa menghiraukan langsung kesahihan ataupun authenticity butir-butir orang-orang berkenaan. Kita khuatir perbuatan ini seperti ada udang di sebalik batu, apatah lagi pilihanraya umum negeri Sabah kini sudah menjelang tiba. Sepatutnya orang-orang luar Sabah tidak boleh masuk campur soal pilihanraya negeri itu.

Bukankah Bapa Malaysia kita Allahyarham Tunku Abdul Rahman Putra ada menyatakan di dalam bukunya yang bernama *Viewpoints*, di mana di dalam muka surat 37, beliau ada berkata dan saya petik, "*It is not for anybody outside Sabah to interfere in the State elections. Let the people themselves decide by popular vote which party they would like to run the state. This is fully in keeping with the democratic principles we are supposed to uphold and whichever party is returned to power, then that party must be accepted by the Central Government as the popularly-elected government of the State*".

Tuan Yang di-Pertua, sudah pastilah menjadi harapan Seri Paduka Baginda dan kita semua mengharapkan agar amanat dan nasihat baginda itu diterima baik oleh lapisan masyarakat yang terus bersatu-padu dan tidak akan lenyap seperti mencurah air di daun keladi. Sebenarnya, inilah landasan dan asas yang kukuh untuk kerajaan gunakan bagi mengatasi apa jua cabaran yang melanda negara pada bila-bila masa. Akan tetapi perpaduan dan integrasi serta kerjasama di kalangan semua lapisan rakyat dan masyarakat kita yang berkekalan akan hanya tercapai jika keadilan wujud dan aspek pentadbiran dan pengurusan ekonomi negara dijalankan menurut Perlembagaan Negeri serta peruntukan Perlembagaan Persekutuan selaku "the universally accepted norms of the Rule of Law", dengan izin. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Lumut.

7.27 mlm.

Dr. Yap Yit Thong [Lumut]: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua atas peluang yang diberikan kepada saya untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan isu penswastaan. Negara kita sedang aktif dalam proses penswastaan banyak perkhidmatan awamnya. Pada keseluruhannya proses ini telah dijalankan dengan licin dan jaya, kebanyakan projek penswastaan ini telah berjaya memperkecilkan bilangan kakitangan dalam perkhidmatan awam dan telah mengurangkan beban kewangan kerajaan. Selain daripada itu, penswastaan juga memastikan bahawa banyak perkhidmatan awam yang diberikan kepada orang ramai adalah lebih cekap, efisien dan teratur.

Walau bagaimanapun, terdapat juga segelintir projek penswastaan yang tidak dijalankan dengan kejayaan. Sebagai satu contoh, Indah Water Konsortium telah gagal memberi perkhidmatan yang baik yang sangat diingini, sebaliknya organisasi ini telah membebankan pengguna-pengguna khususnya mereka dalam sektor komersial dengan caj yang tinggi, penyeliaan yang berkurangan serta kekurangan disiplin di antara pekerjanya telah menjejaskan imej IWK.

Lagi satu contoh projek penswastaan dengan kesan negatif ialah FOMEMA yang telah ditubuhkan pada bulan Disember tahun lalu untuk menyelaraskan semua hal berkenaan pemeriksaan perubatan pekerja asing. Kalau saya tidak salah, FOMEMA adalah projek penswastaan terakhir dijalankan selepas pengumuman oleh kerajaan bahawa semua projek penswastaan diberhentikan kerana kegawatan ekonomi. Difahamkan bahawa FOMEMA telah melanggar perjanjian yang telah ditandantangani dengan persetujuan Kabinet kerana ia telah mengganggu proses pemeriksaan perubatan pekerja asing.

Sebenarnya, mengikut syarat-syarat perjanjian FOMEMA dikehendaki menguruskan dan menyelaraskan ujian pemeriksaan perubatan pekerja asing sahaja. Malangnya, banyak surat aduan telah diterima daripada pihak doktor swasta di Ipoh bahawa FOMEMA telah mengarahkan doktor untuk menghantar sampel darah dan air kencing kepada Premio Diagnosis Lab untuk ujian, walaupun di bawah perjanjian dengan pihak kerajaan, doktor swasta mempunyai hak untuk memilih mana makmal yang telah dilantik oleh FOMEMA. Berkenaan aduan oleh doktor swasta, belum di dapati sebarang jawapan daripada Ketua Setiausaha Kementerian Kesihatan atau daripada FOMEMA. Yuran makmal

sebanyak RM75.00 untuk pemeriksaan perubatan setiap pekerja asing adalah paling tinggi berbanding dengan kadar pasaran RM40.00. Kadar tersebut patut dikurangkan memandangkan negara kita sedang menghadapi masalah kemerosotan.

Sebagai makluman, Kementerian Sumber Manusia telah pun mengurangkan yuran insurans oleh Syarikat London dan Pacific untuk setiap pekerja asing daripada RM120.00 ke RM96.00. Tambahan pula, London dan Pacific telah membenarkan lain syarikat insurans untuk menyertai dalam penjualan insurans kepada pekerja asing. Teladan London dan Pacific ini patut diikuti oleh FOMEMA. Seperti yang sedia maklum, difahamkan bahawa kita menghadapi kekurangan satu sistem untuk mengawasi dan mengawal kebanyakan projek yang telah diswastakan, dengan izin, check and balances. Walaupun terdapat mekanisme tersebut dipercayai ini tidak berkesan.

Sehubungan dengan ini, saya ingin tahu apakah langkah yang telah diambil oleh EPU untuk mengawasi projek yang telah diswastakan. Tugas siapa pihak yang bertanggungjawab untuk menyelia dan mengawasi projek tersebut. Adakah pihak EPU ataupun Kementerian? Saya juga ingin minta EPU untuk memberitahu bilangan projek penswastaan yang telah menyeleweng daripada pelaksanaan dasar asalnya.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan kesihatan pekerja asing. Telah dilaporkan bahawa daripada 45,000 orang pekerja asing yang telah diperiksa, sebanyak 3% iaitu 1,350 daripada mereka telah dijangkiti oleh penyakit TB (tuberculosis), penyakit kusta dan lain-lain penyakit. Kebanyakan penyakit tersebut patut dikenal pasti dalam proses pemeriksaan perubatan sebelum pekerja asing meninggalkan negara asalnya. Untuk mengelakkan terdapat pekerja asing yang tidak sihat, tindakan harus diambil untuk memastikan bahawa prosedur pemeriksaan perubatan yang dijalankan di negeri asal pekerja asing diperketatkan.

Sehubungan dengan ini, saya ingin tahu, apakah langkah yang telah diambil oleh kerajaan terhadap pekerja asing yang tidak sihat, yang telah masuk ke negara kita kerana mereka akan menjejaskan kesihatan rakyat kita. Adakah langkah untuk menghantar mereka balik ke negara asalnya?

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin sentuh berkenaan dasar makanan di peringkat negara. Satu alasan yang telah menyebabkan berlakunya defisit akaun semasa negara kita ialah perbelanjaan yang paling tinggi atas import makanan. Daripada perbelanjaan RM1 bilion pada tahun 1992, bil import makanan telah naik ke tahap RM11.4 bilion pada tahun 1997. Dalam masa 5 tahun sahaja import makanan telah melebihi tahap RM10 bilion dan kejadian ini mungkin disebabkan oleh perkembangan ekonomi pesat yang telah memberi lebih pendapatan kepada rakyat untuk berbelanja. Import yang paling besar merupakan satu beban berat yang telah mengakibatkan pengaliran keluar mata wang kita.

Sehubungan dengan itu, saya berpendapat bahawa kerajaan telah gagal menyedari perbelanjaan yang paling tinggi dan gagal bertindak untuk mengatasi masalah 'tidak sara diri'. Dalam bekalan bahan-bahan makanan seperti sayur-sayuran, ikan, beras yang kebanyakannya perlu diimport. Negara kita mempunyai banyak tanah terbiar yang belum dibuka untuk perkembangan serta satu population, population desa yang besar yang bergantung kepada pertanian sebagai sara hidup. Oleh yang demikian kerajaan patut memberi fokus kepada pembukaan tanah untuk perkembangan sektor pertanian supaya kita boleh mengeluarkan lebih bahan-bahan makanan yang mencukupi yang akan mengurangkan keperluan mengimport khasnya pada masa kegawatan ekonomi.

Seperti sedia maklum, satu bil import yang tinggi akan membawa, yang pertama kadar inflasi import. (imported inflation) dengan izin. [Yang kedua, pengaliran keluar mata wang asing yang akan menambah lagi defisit akaun semasa kita.

Yang ketiga, ancaman keselamatan, keamanan negara kita untuk menjamin kesejahteraan negara, kita sangat memerlukan satu stockpile bahan-bahan keperluan kerana makanan dianggap sebagai barang sekuriti.

Anggota tentera kita tidak boleh menjaga keselamatan negara atau berkawad dengan perut yang kosong. Tiap-tiap hari kita dengar cerita tentang beberapa ribu pendatang haram yang telah mendarat di pantai kita. Mereka datang kerana kekurangan makanan di negara asalnya. Kita tidak mahu situasi yang sama timbul di negara kita. Oleh yang demikian, tindakan untuk meningkatkan pengeluaran bahan-bahan makanan tempatan harus diambil dengan serta merta, kerana perut yang kosong akan menimbulkan banyak masalah kekacauan sama ada sosial ataupun politik, tambahan pula anggota tentera memang tidak boleh berfungsi dengan berkesan kalau perut kosong. Oleh yang demikian, kita mesti menjadi 'sara diri' dalam pengeluaran bahan-bahan makanan. Kerajaan harus mewujudkan satu polisi makanan nasional. Kita

memerlukan satu sektor pertanian yang berkesan, canggih serta inovatif. Selain daripada sayur-sayuran tempatan dan beras, kerajaan juga perlu mempertingkatkan lagi pengeluaran makanan laut. Yang berikut adalah tindakan-tindakan yang dicadangkan.

Yang pertama, zonkan negara dalam kawasan untuk pengeluaran makanan.

Yang kedua, membenarkan tanah terbiar digunakan untuk pertanian dan kolam perlombongan bijih timah untuk menternak aquaculture.

Yang ketiga, menambahkan peruntukan untuk tabung makanan, 'fund for food', dengan izin serta memberhentikan amalan yang tidak sihat atau penyalahgunaan hak atau kuasa.

Yang keempat, memberi lebih insentif cukai kepada indusrti makanan.

Yang kelima, mengadakan penyelidikan dan pembangunan 'research and development'.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya mohon menyokong, sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Bukit Mas.

7.32 mlm.

Tuan Michael Lisa Kaya [Bukit Mas]: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih atas kesempatan yang diberi kepada saya untuk mengambil bahagian di dalam perbahasan ini.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong pada hari Isnin minggu yang lalu, Baginda menasihati seluruh rakyat di Malaysia supaya bersabar di dalam menghadapi krisis ekonomi yang sedang melanda negara kita. Baginda juga menyatakan keyakinan dan kepercayaan kepada Kerajaan Barisan Nasional di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad dan Timbalannya Yang Amat Berhormat Dato' Seri Anwar bin Ibrahim, yang juga selaku Menteri Kewangan kita.

Tuan Yang di-Pertua, saranan dan nasihat ini perlu diambil berat ataupun diambil kira oleh semua rakyat dan juga pemimpin-pemimpin di semua lapisan masyarakat, termasuk mereka daripada parti pembangkang. Sekaranglah masanya Tuan Yang di-Pertua, untuk kita berdiri teguh di belakang pemimpin-pemimpin negara kita supaya apa yang dialami oleh negara-negara jiran ataupun negara-negara di rantau Asia ini kita tidak alami di sini. Misal kata, apa yang berlaku di negara jiran Indonesia, di South Korea dan di Thailand, kita berharap dan berdoa tidak berlaku di Malaysia. Oleh kerana itu, kita seharusnya memberi sokongan penuh kepada pemimpin kita supaya mereka dapat menjalankan tugas dengan penuh dedikasi dan komitmen untuk melaksanakan beberapa strategi ataupun program yang dapat memulihkan keadaan ekonomi kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong penuh saranan ataupun rayuan presiden Backbencher kita pada masa yang lalu di mana beliau menyaran ataupun menyeru kepada kerajaan supaya di dalam kita menghadapi kegawatan ekonomi ini peranan media massa sangat perlu diambil kira. Ia perlu oleh kerana keadaan atau kegawatan ekonomi sekarang ini amat serius.

Saya ingin menyokong saranan ini supaya melalui media massa, kerajaan dapat membantu ataupun berunding kepada masyarakat tertentu dan menyebarkan maklumat terkini supaya unsur-unsur ataupun pandangan-pandangan bersifat positif yang dapat membantu kita dan rakyat keseluruhan, dengan izin, to build the confidence of the people in this country.

Oleh kerana itu, saya sekali menyaran apakah salahnya Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir sebagai Perdana Menteri kita ambil kira peranan media massa. Kerana, Tuan Yang di-Pertua, kita selama ini membaca banyak surat khabar dan majalah yang diterbitkan. Saya rasa peranan media massa untuk membantu kita menyebarkan maklumat terkini yang dapat membantu kita, dengan izin, to build self-confidence kita tidak dapat nafikan. Misal kata, majalah *Asiaweek*, saya telah baca *"The Pressure Mounts: Malaysia - Mahathir grapples with the economic crisis and party politics"*. Kalau tidak ada majalah *Asiaweek*, banyak Ahli Parlimen saya jumpa, belum pernah baca kerana sibuk sekarang. Misal kata parti kita PBB pun menghadapi pilihan bahagian seperti rakan kita dalam parti UMNO.

Tuan Yang di-Pertua, kita telah difahamkan betapa pentingnya sekarang ini kita sebagai pemimpin-pemimpin di peringkat akar umbi, di peringkat kawasan, ingin bersependapat dengan pemimpin-pemimpin negara kita supaya kita dapat membantu ke arah untuk, dengan izin, to build this confidence in this country. Kita pernah membaca dalam surat khabar bahawa Executive Director Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) pernah mengatakan, dengan izin, it is a self-confidence in this country that is important.

Oleh kerana itu, saya berharaplah selain daripada memberi peranan kepada media massa, di sini saya

ingin menyarankan sekali lagi, kalau tidak, apakah salahnya satu kerusi diperuntukkan di dalam MTEN kepada seorang daripada Sarawak ataupun satu daripada Sabah memandangkan negeri Sarawak dan Sabah sebesar dengan Semenanjung Malaysia. Inilah harapan saya dan saya minta pandangan daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tentang hal ini kerana kita ingin betul-betul dapat membantu beliau di dalam menghadapi masalah yang kita sedang hadapi sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada masalah kegawatan ekonomi ini, saya juga ingin menyentuh satu perkara yang begitu penting, tetapi tertentu di kawasan utara negeri Sarawak. Rakan saya dari Sipitang telah mengatakan atau membangkitkan banyak perkara tentang hal ini iaitu keadaan kemarau yang berlarutan sejak bulan Disember dan juga keadaan kemarau yang menyusahkan para petani dan juga kebakaran hutan dan tanah gambut yang selama dua bulan ini di kawasan saya Limbang dan Lawas, kawasan Bukit Mas begitu teruk.

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya ingin mengambil perhatian khusus kepada Dato' Menteri yang mempengerusikan, dengan izin, The National Disaster Committee. Saya memohon supaya Dato' Menteri Penerangan dapat melawat kawasan saya Bukit Mas dan meninjau keadaan di kawasan Limbang dan Lawas untuk memberi sedikit maklumat khusus untuk Jemaah Menteri.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak ingin mengulangkan beberapa perkara yang telah dibangkitkan oleh saudara rakan saya, Yang Berhormat dari Sipitang. Di sini, saya ingin mengatakan kawasan saya Bukit Mas selama dua minggu yang lalu, sebanyak 23 kawasan kebakaran. Tadi saya menelefon RTM, kawasan ini bertambah sampai 48 kawasan dan kita berterima kasih kerana Kerajaan Persekutuan bertindak dengan begitu cepat menghantarkan 200 orang pegawai bomba ke kawasan saya di Limbang dan Lawas. Terima kasihlah kepada kementerian. Menteri tidak ada di sini, tidak apa, kita berharap mereka dapat baca *Handsard* ini. Saya selalu melawat kawasan saya dalam dua bulan ini melalui Kota Kinabalu, oleh kerana tidak ada pilihan yang lain, pesawat Twin Otter daripada Miri ke Limbang, Lawas dalam dua bulan ini langsung tidak berjalan.

Kita berterima kasih, Tuan Yang di-Pertua, kerana kawasan Bukit Mas diwakili oleh orang daripada Kerajaan Barisan Nasional. Saya tidak hairan, Tuan Yang di-Pertua, kenapa Ketua Pembangkang dalam ucapan beliau pada permulaan menyatakan tentang 'haze' ataupun jerebu di Miri. Dalam dua minggu ini, semua sekolah tadika di kawasan saya dan kawasan Miri telah pun ditutup. Sebetulnya saya merasa sedih, sedih oleh kerana para petani, rakyat jelata di kawasan pedalaman menderita. Bagaimana anak mereka dapat bertanding bersama-sama dengan anak daripada bandar kalau kita tutup dua minggu sekolah tadika? Inilah erti kata yang saya ingin maksudkan di sini. Saya minta terus terang, dengan ikhlas, Dato' Menteri lawatlah ke kawasan saya. Nanti malu, Tuan Yang di-Pertua, kerana Duta Malaysia ke Brunei, dengan izin, The High Commissioner of Malaysia in Brunei telah melawat kawasan kita dan bersalaman bersama-sama rakyat di sana, mengadakan taklimat, memberi salam daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Saya berterima kasih kepada beliau, berterima kasih kepada Menteri Luar Negeri oleh kerana dapat mengatur lawatan ini ke kawasan saya.

Sebetulnya, Tuan Yang di-Pertua, saya tidak ingin menyuarakan hal ini. Tetapi yang penting iaitu banyak pemimpin mungkin tidak sedar bagaimana rakyat, petani di sana dan para nelayan di kawasan pesisiran langsung tidak dapat berbuat apa-apa. Dalam satu lawatan saya, saya pernah menangis kerana tengok kawasan begitu sedihlah, dan saya berharap sekiranya Dato' Menteri melawat kawasan ini, jangan lawat sahaja, bawa peruntukan, Tuan Yang di-Pertua, untuk menggembirakan rakyat kita di sana. Kadang-kadang saya merasa sedih oleh kerana di dalam tiap-tiap pilihan raya, kita berkempen minta rakyat sokong Barisan Nasional. Dalam pilihan raya Dewan Undangan Negeri yang lepas, sejarah kawasan Bukit Mas, Tuan Yang di-Pertua, tiga kerusi menang tanpa bertanding. Sejarah di negeri Sarawak, sejarah di negara kita. Apakah yang kita hendak balaskan kepada mereka ini? Saya berharap menteri yang berkenaan betul-betul dapat mengambil kira kerana saya pun didesakkan, mereka ingin mendengar apa yang saya suarakan.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita baca apa mereka keluarkan dalam Internet, saya menjadi, dengan izin, I am the scapegoat, saya tidak merasa apa-apa kerana inilah beban dan tanggungjawab kita sebagai pemimpin dalam Barisan Nasional. Tetapi yang pentingnya saya mengatakan di sini, adakah pemimpin kita di peringkat atasan sedar tentang masalah yang dihadapi oleh rakyat kita, rakyat jelata.

Dengan ini saya menyaran sekali lagi, minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan melawat kawasan Bukit Mas, Tuan Yang di-Pertua, kalau tidak ada Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Timbalan Menteri, Setiausaha Parlimen. 48 kawasan, Tuan Yang di-Pertua, yang kena kebakaran sampai sekarang, kerana tempat yang terbakar ini tanah gambut dan susah dipadamkan. Kalau kita tidak buat apa-apa, saya rasa Setiausaha

Parlimen boleh berjabat tangan dengan pasukan bomba daripada Semenanjung, 200 orang, Tuan Yang di-Pertua, di kawasan saya, ada dari Kedah, ada dari Terengganu, ada dari Pulau Pinang. Saya sendiri merasa megah kerana pada masa kita memerlukan bantuan mereka ada, tetapi saya mahu pemimpin peringkat pusat, tolong datanglah ke kawasan kita.

[Tuan Yang di-Pertua ***mempengerusi mesyuarat]***

Tuan Yang di-Pertua, kawasan Bukit Mas dahulu, Bruno Manser yang diam di kawasan ini. Selepas kita menjadi ahli Parlimen kita ambil alih tempat itu. Perkara Sahabat Alam, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua the environmentalist, all this thing no more now, tetapi tolonglah lawat orang di sana.

Tuan Yang di-Pertua, saya merasa sekaranglah masanya pemimpin kita harus bersama rakyat di dalam menghadapi masalah ini. Kegawatan ekonomi adalah salah satu masalah yang kita hadapi di seluruh negara. Tetapi masalah yang tertentu yang saya katakan ini misal kata jerebu, saya tak akan menerangkan API reading dengan izin, lebih teruk. Saya pernah jalan tidak dapat tengok, hujung sana tak dapat tengok. Kalau saya sebutkan API reading mungkin saya salah, lebih teruk. Di dalam sangkaan saya lebih tujuh ratus API reading tetapi di kawasan kita di Limbang dan Lawas, kita bergantung dengan API reading daripada negara jiran di muara dan di Temerong. Malu saya oleh kerana itu saya menyaran supaya Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar saya ingin bertanya berapakah harga mesin API ini, sedangkan kita dapat membelanjakan untuk membantu rakan, jiran kita di Indonesia kenapa rakyat kita di kawasan saya tidak dapat bantuan satu ratus, dua ratus ribu. Kalau dua ratus ribu saya boleh tolong. Kutip wang daripada rakyat, separuh dibelanjakan oleh kerajaan separuh oleh rakyat, inilah Barisan Nasional, dengan izin, fair and square, tetapi kalau daripada kerajaan tidak ada apa-apa langsung cadangan rakyat pun rasa tidak gembira.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak ingin menyentuh secara terperinci tentang hal ini sekali lagi saya ingin supaya Menteri Luar Negeri dapat mengirim teleks atau E-mail kepada negara jiran kita di sana di negara Brunei Darussalam, saya rasa mereka betul-betul bantu kita. Pada satu masa dalam lawatan saya Tuan Yang di-Pertua saya tengok kenderaan kerajaan negeri Brunei dalam kawasan kita, saya rasa terkejut. Apabila saya tanya mereka lebih satu bulan mereka di sana, bantu kita. Tolonglah Menteri Luar Negeri ucapkan terima kasih kepada negara jiran kita negara Brunei Darussalam kerana rela membantu negara kita di dalam masalah yang kita sedang hadapi.

Mengenai jerebu Tuan Yang di-Pertua, saya pernah bangkitkan perkara ini pada masa dulu, kadang-kadang ucapan saya tidak begitu seronok sebab journalist mungkin tidak peka. Yang penting Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyuarakan sekali lagi jerebu ini akan datang tiap-tiap tahun, asalkan kita tidak dapat menguasainya tetapi yang ingin saya cadangkan di sini sekali lagi iaitu apakah perancangan kerajaan untuk jangka masa yang panjang , iaitu misal kata sekiranya lima tahun yang akan datang, sekiranya ada penyakit yang berkaitan dengan jerebu apakah tindakan kerajaan?

Inilah harus kita fikir mulai daripada sekarang, kita takut pada masa itu ada rakyat kita di Malaysia ini yang betul-betul pandai seperti kawan kita di sebelah sana bawa kerajaan ke mahkamah. Ini yang kita betul-betul dapat elakkan sekarang kerana saya sendiri pernah mendengar perkara ini, itulah sebabnya saya berasa sekiranya setakat ini belum ada apa-apa yang dilakukan mengenai masalah jerebu ini, jangan selalu buat mesyuarat yang penting itu tindakan mesti ada, ini yang penting.

Tuan Yang di-Pertua, dengan perkara seperti begini saya juga ingin menyarankan kepada Yang Amat Berhormat Datuk Menteri Kewangan kita ada kemungkinan besar banyak peruntukan diperlukan di kawasan saya. Oleh kerana setakat ini Tuan Yang di-Pertua, kurang lebih 35 buah pam air dibekalkan, hampir habislah peruntukan saya (MRB). Saya ingin supaya dalam masa yang akan datang sekiranya ada permintaan untuk menambahkan peruntukan, saya berharap dapat diambil kira dan diberi perhatian.

Tuan Yang di-Pertua, kita berterima kasih oleh kerana kerajaan walaupun di dalam menghadapi masalah kegawatan ekonomi dapat baru-baru ini menambahkan satu peruntukan satu bilion untuk beberapa projek, khas untuk golongan berpendapatan rendah di seluruh negara. Dengan ini saya ingin bertanya kepada kementerian ataupun Menteri Pembangunan Luar Bandar apakah rancangan untuk kawasan saya di Bukit Mas tentang pembinaan klinik kesihatan, klinik desa, tentang bekalan air dan tentang bekalan elektrik luar bandar. Khas untuk tahun ini dan tahun yang akan datang. Saya minta ini supaya Dato' Menteri dapat memberi tumpuan kepada kawasan ini.

Sebetulnya Tuan Yang di-Pertua, dengan izin I am very proud to be MP in that area kerana saya melawat kawasan sekurang-kurangnya tiap-tiap satu

kali seminggu kerana takut Bruno Manser datang lagi ke kawasan itu, tetapi yang penting Tuan Yang di-Pertua, kita harus merancangkan supaya dua belas suku kaum di kawasan Bukit Mas, kaum Melayu Brunei di kawasan persisiran pantai, kaum Cina di pekan-pekan di bandar, kaum Kedayan, kaum Bisayan, kaum Tagal , kaum Lembawang, saya Lembawang Tuan Yang di-Pertua, kaum Kelabit yang 'long ear', kaum Tabun, kaum Penan, kaum Kayan dan kaum Kenyah. Dua belas suku kaum di kawasan saya dan saya takut Tuan Yang di-Pertua, lepas dua penggal ini kalau misal kata rancangan untuk kawasan luar bandar tidak dirancang dengan rapi, ada kemungkinan besar segolongan kaum ini akan ketinggalan zaman. Inilah harapan saya supaya Dato' Menteri dapat melawat kawasan Bukit Mas kerana sekarang Tuan Yang di-Pertua, mereka banding Limbang dengan negara jiran Brunei. Itulah sebab saya katakan dalam Dewan yang mulia ini dari masa yang dulu kalau kita melawat kawasan saya di Limbang yang bersempadan dengan negara jiran mereka ada gambar potret Yang di-Pertuan Agong sebelah dan potret Sultan Brunei sebelah. Kita tidak dapat menyalahkan mereka yang penting siapa yang dapat memberi kesan untuk kehidupan seharian mereka, inilah saranan saya .

Tuan Yang di-Pertua, saya sekali lagi - ini perkara penting menyarankan kepada Menteri Pengangkutan Malaysia supaya dapat meneruskan pembinaan lapangan terbang baru Limbang yang selama ini menjadi 'cerita dongeng' di Limbang. Tentang projek ini Tuan Yang di-Pertua, saya faham tentang kegawatan ekonomi sekarang, sekiranya peruntukan yang diperlukan 100 juta tak semestinya kita membelanjakan satu ratus juta tahun ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya 12 tahun di dalam bank, saya faham tentang perkara ini, tetapi yang pentingnya dalam tahun 1991, Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri Malaysia datang ke Limbang berkempen mengumumkan projek ini akan dijalankan.

Setakat ini belum ada apa-apa, dengan izin, 1991 to .1998. Selain daripada itu, saya semak rekod-rekod JKR, projek ini diluluskan dalam Rancangan Malaysia Keempat dan sekarang Rancangan Malaysia Ketujuh.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa malu kadang-kadang, ini hanya RM100 juta tetapi projek berbilion ringgit yang lain, kita tegaskan tolong Tuan Yang di-Pertua, cakap kepada Menteri berkenaan kerana sekarang mereka tiada di sini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ada gambar salah satu pesawat pasal satu passenger yang berada di dalam pesawat ini mengatakan: "If i died in this accident, you be sure my relatives will sue the Federal Government". Tunggu siapa lagi, Tuan Yang di-Pertua, empat kemalangan di dalam waktu saya menjadi Ahli Parlimen. Kita tunggu siapa lagi, tunggu DAP menyuarakan, Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Sarawak mengatakan kepada saya sendiri setuju ada tempat disediakan di Langau diberi oleh Kerajaan Negeri, Dato' Menteri Kerajaan Tempatan di sana, Yang Berhormat Dato' Amar James Wong pernah beberapa kali menulis surat kepada Kementerian dan saya beberapa kali menyuarakan kalau boleh, dengan izin, please tell them, we need the airport in Limbang.

Tuan Yang di-Pertua, cuba bayangkan sekarang, ini saya hantar claim saya kalau boleh tengok, dari Kota Kinabalu saya terbang ke Kuala Lumpur, bayangkan 3 jam lebih kadang-kadang saya rasa, sorrylah almost giving up sometime, kenapa? Yang pentingnya saya rasakan kalau kita setuju inilah saranan rakyat di sana Tuan Yang di-Pertua, tolong cakap kepada Menteri Pengangkutan, mereka katakan Kerajaan Barisan Nasional tidak jujur sekarang. Susah kita pertahankan, kalau boleh teruskan lapangan baru Limbang ini. Saya beberapa kali cerita sama rakan perjuangan saya tidak sampai kepada tahap Menteri, kerana saya Ahli Parlimen biasa sahaja, yang penting itu suara rakyat, rakyat dapat membantu kerajaan, rakyat dapat membentuk kerajaan dan rakyat dapat mengguling kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ahli BN bukan daripada pembangkang, itulah harapan saya mengenai lapangan terbang baru di Limbang ini. Tolonglah start bina ini, tanah sudah disediakan oleh Kerajaan Negeri, saya akan serahkan ini, Tuan Yang di-Pertua, tolong, minta maaf, serah kepada Menteri Pengangkutan.

Tuan Yang di-Pertua, sehubungan dengan ini banyak perkara yang saya ingin sentuhkan iaitu mengenai projek hidroelektrik Paya Bakun. Saya ingin meminta penjelasan daripada Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, kalau boleh terangkan kedudukan projek hidroelektrik Bakun ini sekarang kerana projek ini berada di negeri Sarawak. Yang kita dengar dan tahu adalah kita baca melalui surat khabar sahaja, bagaimana kedudukan ataupun pampasan yang diberi kepada Ekran, bagaimana kedudukan sekarang, walaupun kita menghadapi kegawatan ekonomi. Yang saya maksudkan di sini ialah satu penjelasan yang begitu jelas kepada rakyat supaya rakyat jangan bimbang khususnya projek ini terletak di kawasan suku kaum saya Orang Ulu dan saya ingin tahu adakah masalah-masalah yang dihadapi oleh rakyat tempatan di sana tentang penangguhan

projek ini. Saya difahamkan ada rakyat tempatan membeli banyak mesin berat sekarang ini projek ditangguhkan, bagaimana. Saya ingin bertanya sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memberi sedikit peringatan faktor mengenai cadangan kerajaan untuk menggabungkan bank-bank di negara ini. Satu cadangan yang baik memandangkan keadaan yang kita hadapi sekarang ini tetapi saya ingin memperingatkan di sini iaitu orang ataupun pihak-pihak tertentu janganlah kita lupakan dengan sekelip mata peranan ataupun sokongan yang dimainkan oleh kakitangan-kakitangan ataupun pekerja-pekerja di bank-bank tertentu. Saya tidak perlulah dengan panjang lebar menyuarakan hal ini, saya faham kerana dahulu saya pernah berkhidmat selama 12 tahun di bank antarabangsa. Saya menyokong penuh saranan rakan seperjuangan saya tadi iaitu Yang Berhormat dari Sepang.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam kita, dengan izin, in our speed of action to resolve the crisis janganlah kita lupakan isu perikemanusiaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memberi sedikit pandangan mengenai Majlis Tindakan Ekonomi Negara, tadi saya menyaran supaya satu kerusi mungkin diberi kepada penerangan dan satu kepada Sarawak dan satu kepada Sabah dan saya lupa sebetulnya di dalam persediaan teks saya, saya meminta satu kerusi diberikan kepada Presiden Backbencher kita sebagai mewakili Ahli Parlimen.

Tuan Yang di-Pertua, sebetulnya kita dipilih oleh rakyat, kita ada mandat tetapi mandat ini tidak boleh diturun macam itu. Itulah sebabnya salah satu orang sekiranya tidak, Presiden Backbencher kita penyokong-penyokong kerajaan, Timbalan pun boleh. Kita menyokong supaya beliau dapat mengumpul Ahli-ahli Parlimen memberi sedikit pandangan dan bawa pandangan ini di dalam Mesyuarat Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN). Saya minta maaf, saya menghormati keputusan yang diberi oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri kita tetapi kadang-kadang ada saranan kita seperti ahli biasa macam ini perlu diambil kira oleh kerana inilah pandangan rakyat biasa.

Tuan Yang di-Pertua, inilah harapan saya dan kita juga betul-betul berharap dan masing-masing berdoa, sebagai seorang Kristian saya pun berdoa, supaya kegawatan ekonomi ini dapat kita, dengan izin, we can get through it. Inilah harapan kita dan pemimpin-pemimpin kita harus bekerjasama untuk mengatasi masalah ini sebagai satu team ataupun satu golongan. Dengan ini saya ingin menyokong dan menyerahkan gambar ini kepada Dewan yang mulia. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Bagan.

8.20 mlm.

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Isu yang paling hangat pada hari ini tidak lain daripada ekonomi dan kemelesetan kewangan di negara kita dan pelbagai langkah telah diambil oleh kerajaan dan juga pemimpin-pemimpin di negara kita. Mereka sering menyeru supaya rakyat berjimat-cermat dan juga memotong perbelanjaan sebanyak 18 peratus daripada kerajaan di peringkat pusat dan juga di peringkat negeri. Ahli Parlimen juga digesa supaya ditolak 3 peratus daripada elaun mereka dan juga ada kempen untuk menyeru rakyat supaya menyumbang kepada tabung negara.

Semua langkah ini adalah langkah yang ingin mengukuhkan mata wang dan juga ekonomi negara kita tetapi walaupun seruan demi seruan diberi oleh pemimpin-pemimpin negara, ada juga di pihak negeri atau di kerajaan tempatan, mereka tidak hirau langsung dengan seruan-seruan ini. Saya mengambil satu contoh di mana kerajaan tempatan di kawasan saya iaitu Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP). Mereka menjalankan satu open tender, dengan izin, iaitu tawaran nombor T84/97. Tender ini ialah untuk perkhidmatan membekal, menghantar, menanam dan menyelenggara pokok jenis annuals - A.N.N.U.A.L.S - di kawasan MPSP dan apabila kami menyebut pokok jenis annuals di dalam tender ini ada berbunyi;

"Pokok bunga yang dibekalkan hendaklah terdiri daripada beberapa spesis dan pelbagai warna. Keadaan pokok yang dibekalkan mestilah sihat dan sederhana matangnya iaitu berada di peringkat awal berbunga atau hampir berbunga. Kontraktor mestilah memastikan bahawa pokok yang ditanam boleh bertahan di tapak untuk sekurang-kurangnya satu bulan selepas d tanam dan masih di dalam keadaan baik".

Tuan Yang di-Pertua, pokok bunga ini had umurnya hanya satu bulan boleh tahan dan mereka memanggil satu tender untuk membekal, menghantar, menanam dan menyelenggara bunga jenis annuals ini. Tender dipanggil pada 6 September tahun lepas dan ditutup pada 27 September tahun lepas. Ini bukan sudah lama, ini hanya enam bulan yang lepas sahaja.

Pada masa itu bulan September negara kita sedang dilanda oleh kemerosotan ekonomi dan dalam tender ini ada 11 kontraktor yang menawarkan tender mereka masing-masing. Saya hendak membaca 11 tender ini dengan harga tender mereka. Yang paling rendah sekali ialah RM5,216,400, ini untuk membekal sebanyak 35,000 pokok bunga setiap bulan untuk 36 bulan - 3 tahun - 1 bulan 35,000 pokok bunga ini - annuals, bukan pokok yang besar tetapi bunga-bunga di dalam polybag yang ditanam di sekitar simpang-simpang jalan, round-about dan juga di tepi-tepi tempat yang ada orang melalui.

Tender yang pertama harganya ialah RM5,221,440; kedua RM5,216,400; ketiga RM5,418,000; yang keempat RM6,048,000; yang kelima RM7,308,000; keenam RM5,968,000; yang ketujuh RM6,935,000; yang kelapan RM5,355,000; yang kesepuluh RM5,922,000; dan akhirnya kesebelas RM7,192,000; 11 tender. Yang paling rendah sekali ialah RM5,216,4000 manakala yang tertinggi sekali RM7,308,000 dan kerajaan tempatan ini memberi tender ini kepada tender yang tertinggi sekali iaitu Syarikat Mulia - RM7,308,000. Antara yang terendah berbanding dengan tertinggi adalah RM2.1 juta. Cuba bayangkan satu angka RM2 juta - satu angka yang besar.

Tadi kami ada mendengar Yang Berhormat dari Bukit Mas kata, rakyat di kawasan mereka sedang kelaparan, mereka sangat sedih. Kami juga mendengar daripada Yang Berhormat dari Yan penduduk-penduduk di kawasan beliau hanya untung RM200 sampai RM300 satu bulan tetapi pada masa yang susah ini ada tempat yang tiada beras untuk dimakan tetapi kerajaan tempatan di kawasan saya masih ada wang yang lebih sampai berbelanja lebih kurang RM200,000 satu bulan untuk memberi kontrak kepada kontraktor-kontraktor menanam pokok bunga ini. Apa yang lebih mustahak, beras lebih mustahakkah atau bunga lebih mustahak?

Kalau di masa ekonomi yang baik seperti dua, tiga tahun dahulu tidak ada orang tanya, belanja sahaja! Fasal itulah hari ini negara kita menghadapi kesusahan tetapi pada masa ini masih ada pemimpin-pemimpin di peringkat negeri dan tempatan tidak langsung hirau kepada seruan pemimpin-pemimpin atasan ini.

Sebagaimana yang kita tahu kerajaan tempatan ada dua di Pulau Pinang, satu ialah Majis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) dan satu lagi Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP). Kedua-dua ini diketuai oleh ahli politik. Di Seberang Perai diketuai oleh Yang Berhormat Daud Taha - Yang Berhormat dari kawasan Penanti dan di Pulau Pinang diketuai oleh Yang Berhormat Dr. Ting Hock Nan, Yang Berhormat dari Kebun Bunga. Pada masa dahulu kerajaan tempatan diketuai oleh kakitangan-kakitangan awam tinggi. Pada masa itu tidak berlaku begitu banyak penyelewengan dan penyalahgunaan kuasa tetapi masa ini perkara sudah berubah.

Jikalau dibandingkan kakitangan-kakitangan awam dengan ahli politik, saya agak ahli politik lebih tamak, lebih suka menggunakan kuasa mereka, sama ada mereka mendapat kepentingan dari segi kewangan atau tidak saya tidak, dapat pastikan tetapi dalam.....

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yan bangun.

Tuan Lim Hock Seng: .....saya habiskan dahulu. Dalam hal ini terus terang kami boleh nampak satu angka RM2.1 juta bezanya - tinggi sama rendah - saya beri peluang kepada Yan.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Tuan Yang di-Pertua, saya minta Bagan tarik balik perkataan 'ahli politik tamak'. Tidak semua orang politik tamak. Kalau Yang Berhormat kata ahli politik tamak, termasuk Ahli Yang Berhormat sekalilah. Yang Berhormat pun tamak juga kot. Jadi, saya minta Yang Berhormat perbetulkan perkataan itu balik kerana saya tidak tamak, yang lain-lain pun tidak tamak. Yang Berhormat bersetujukah pandangan saya?

Tuan Lim Hock Seng: Ya.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Perbetul balik, ya.

Tuan Lim Hock Seng: Tuan Yang di-Pertua, sama ada tamak atau tidak tamak, masa akan membuktikan. Kami telah menyaksikan ramai ahli politik telah dalam keadaan yang sedemikian. Baru-baru ini Pengerusi Bahagian di Selangor ada menerima RM1 juta. Ini perlu satu penjelasan. Menteri Besar Selangor meminta satu penjelasan. Adakah ini dia dikira tamak? Wang itu untuk apa saya tidak tahu, ini urusan UMNO.

Tuan Yang di-Pertua, jikalau seperti dikatakan oleh Yang Berhormat dari Yan, mungkin beri tender yang paling rendah beliau tidak mampu menjalankan tugas, sebab itu dia diberi kepada paling tinggi. Saya tidak bersetuju. Sebab dalam satu tender yang bernilai berjuta-juta ini mesti ada satu prequalification, dengan izin. Jikalau 11 kontraktor tidak layak menjalani tender, mengapa mereka diberi peluang untuk menyertai tender. Mesti ada satu prequalification. Jika mereka telah di'qualify' atau

dilayakkan untuk menjalankan tender, bermakna mereka mampu menjalankan kerja-kerja ini, dan di samping itu, jikalau satu-satu kontraktor yang mendapat kerja ini mereka perlu memberi wang jaminan, wang pertaruhan atau bank guarantee apa-apa bentuknya kepada kerajaan. Jadi, kerajaan adalah secure.

Jikalau tidak mahu memberi tender kepada yang paling rendah di mana mungkin beliau silap kira. Mungkin beliau tidak boleh menjalankan kerja ini. Mengapa berkenaan dengan RM6 juta, RM5.8 juta, sampai RM7 juta, RM6.9 juta pun ada, mengapa tidak pilih, mengapa patut kena ada yang paling tinggi sekali.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Tuan Yang di-Pertua, saya minta Yang Berhormat dari Bagan tengok kepada Tuan Yang Speaker, saya bukan terlibat dalam syarikat ini, tengok kepada saya buat apa, tengok kepada Tuan Speaker. *[Ketawa]*

Tuan Lim Hock Seng: Tuan Yang di-Pertua, selalunya kami perlu menghadapi Tuan Speaker. Tetapi Yan ini kawan baik saya. Tadi saya ingat dia mahu membela, tetapi saya menunjukkan 11 tender dengan harga mereka masing-masing. Adakah munasabah di mana tender yang tertinggi ini diambil. Masalah sekarang tanam bunga bukan satu kontrak yang specialise scale, dengan izin, bukan satu projek yang mesti dijalankan, kalau tidak jalan tidak boleh. Apa yang lebih penting? Beras lebih penting atau kerja-kerja lain untuk meringankan beban rakyat penting?

Kalau kerajaan tempat di kawasan saya ada kelebihan revenue, dengan izin, mereka boleh mengurangkan cukai pintu kepada rakyat. Satu tahun RM2 juta lebih, tiga tahun RM7 juta lebih beri diskaun kepada pembayar cukai, tentu mereka akan merasa terima kasih, kerana pada masa ekonomi yang baik mereka perlu membayar lebih. Pada masa ekonomi tidak baik di mana rumah-rumah tidak dapat disewakan, di mana kedai-kedai tidak dapat disewakan, kalau disewa pun, sewa bulanan ditekan sampai bawah sekali. Berilah diskaun.

Dalam hal ini, bukan saya seorang, tetapi ramai juga akan membangkitkan soalan, mereka tidak mengamalkan prinsip jimat-cermat pada masa ekonomi yang merosot sekarang. Kemungkinan ada penyelewengan guna kuasa dan juga rasuah dan juga membazirkan wang pembayar cukai. Juga 35,000 pohon bungan ditanan pada satu bulan, siapa ada senang pergi kira satu pohon demi satu pohon, 35,000 pohon bunga tiap-tiap bulan sama ada kontraktor ini tanam atau tidak. Mungkin kalau dikira purata, satu pohon, satu polybag pokok bunga ini RM5.80. Inilah di mana wang kami telah lesap, telah hilang jikalau tidak dijaga dengan baik. Dalam konteks ini, saya menyeru supaya pihak BPR kalau ada di sini tolong jalankan satu siasatan yang teliti supaya perkara ini tidak akan berulang lagi.

Tuan Yang di-Pertua, yang kedua saya ingin menyentuh ialah Certificate of Fitness atau Occupation Certificate (OC) juga dikatakan. Baru-baru ini Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan ada berkata mungkin kementeriannya akan mengesyorkan supaya CF dimansuhkan, tidak perlu meminta CF, tuan rumah boleh menduduki rumah itu. Dalam konteks ini, ada baik dan ada tidak baiknya. Baiknya di segi di mana - ini kurang 'red tape', di mana kerajaan tempatan mungkin tiada peluang untuk menerima sebarang, saya tidak mahu sebut lebih dalam. Tidak baiknya, kontraktor atau pemaju sahaja membina rumah itu dan tidak perlu melalui satu peperiksaan, bukan satu sahaja jabatan, mungkin 10 jabatan untuk mendapat satu OC. Jikalau dikatakan jalan, mungkin jalan itu tidak cukup standard dan cepat rosak. Kalau DIB atau JPS, mungkin saliran air tidak sempurna dan sebagainya.

Tetapi apa yang saya hendak menyentuh di sini ialah Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, beliau pernah berkata beliau tiada hak campur tangan dalam isu OC ini. Banyak rungutan dari pemaju-pemaju, banyak rungutan dari pembeli-pembeli rumah membuat aduan bahawa dalam proses memohon OC, mereka telah juga, kalau saya pakai perkataan 'dianiayai' dengan berbagai-bagai sebab. Beliau berkata beliau tiada kuasa langsung untuk mencampur tangan.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ada membuat satu pertanyaan dalam Dewan yang mulia ini iaitu saya menyatakan apakah peranan yang dimainkan oleh kementerian beliau dalam isu atau masalah permohonan Sijil Kelayakan Menduduki (OC) oleh pemaju-pemaju. Kuota unit bumiputera dan harga rumah yang berlaku di peringkat negeri. Saya bertanya apakah peranan beliau? Mengapa Menteri berkata, beliau tiada hak campur tangan dalam masalah ini. Apa yang saya dapat satu jawapan ialah perkara berkaitan mendapatkan Sijil Kelayakan Menduduki (OC), kuota unit bumiputera dan harga rumah di peringkat negeri adalah merupakan bidang kuasa kerajaan negeri masing-masing. Kementerian berperanan mengadakan garis panduan sahaja untuk membantu kerajaan negeri melaksanakannya.

Tuan Yang di-Pertua, semua ini meunjukkan bahawa Menteri atau Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dalam memainkan peranan mereka dalam isu OC ini, cuma menjadi satu badan penasihat sahaja, mereka tidak ada kuasa untuk mempengaruhi kerajaan tempatan, sebab itulah berlakunya banyak salahguna kuasa.

Tuan Yang di-Pertua, pernah juga saya berkata dalam Dewan yang mulia ini bahawa pemaju-pemaju dipaksa untuk membayar 5% diskaun ke atas unit-unit bumiputera kepada UDA di Pulau Pinang .....

Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ada yang bangun Yang Berhormat.

Tuan Lim Hock Seng: Saya habiskan perkara ini dahulu. Saya habiskan ini. Mereka dipaksa membayar wang tunai dari potongan 5% atas harga rumah atau unit yang diperuntukkan kepada bumiputera sebelum kerajaan negeri boleh melepaskan unit-unit ini dijual kepada bukan bumiputera dan rungutan-rungutan juga dibangkit di pelbagai peringkat.

Baru-baru ini Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri telah mengumumkan bahawa pemaju-pemaju hanya perlu membayar 30% atas harga yang perlu dipotong dan selepas unit-unit ini boleh dilepaskan kepada bukan bumiputera. Inilah membuktikan apa yang saya katakan dalam Dewan yang mulia ini pada masa yang lepas bahawa pemaju-pemaju dipaksa untuk membayar wang tunai ini supaya mereka dapat melepaskan unit-unit ini kepada bukan bumiputera dan sekarang telah disah dan di'confirm' oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri. Ya, silakan.

Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Tuan Yang di-Pertua, giliran saya bercakap!

Tuan Yang di-Pertua: Ya?

Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Saya bukan minta penjelasan tetapi hendak suruh dia berhenti. *[Ketawa]* Kerana masa untuk dia sudah terlalu lama, saya dok tunggu lama hendak bercakap, dia sudah bercakap lebih dari setengah jam.

Tuan Lim Hock Seng: Tuan Yang di-Pertua, saya pun salah anggap, saya ingat dia mahu membuat penjelasan, kalau begitu saya akan cepat habiskan ucapan saya.

Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Saya minta Tuan Yang di-Pertua suruh dia gulung. *[Ketawa]* Saya hendak bercakap juga.

Tuan Yang di-Pertua: Besok Yang Berhormat.

Tuan Lim Hock Seng: Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat tidak boleh berbuat demikian.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ya.

Tuan Lim Hock Seng: Kuasa ada ditangan Tuan Yang di-Pertua dan setiap orang dihadkan untuk berucap selama 30 minit, masa saya belum cukup Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan pertanian. Pemimpin-pemimpin juga menggesa supaya rakyat semua boleh melibatkan diri dalam pertanian. Tetapi tidakkah kerajaan sedar bahawa pelbagai masalah dan kerumitan yang dihadapi oleh petani dan juga penternak-penternak. Kerajaan boleh menyeru rakyat untuk menanam sayur di atas bumbung dan menanam di mana-mana tempat tetapi tidakkah petani-petani yang menanam sayur-sayuran ini akan menghadapi harga yang rendah sampai mereka tidak boleh survive, dengan izin. Bukankah penternak-penternak ayam, itik dan saya beritahu sahaja khinzir, mereka mengalami kerugian begitu besar, tetapi semua orang hendak memasuki bidang pertanian, pasarannya merosot, harganya sangat rendah sehingga mereka tidak boleh survive, dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, jikalau hari ini semua orang menanam sayur dan yang betul-betul profesional menanam sayur itu mereka akan berhenti dan pada satu hari sayur di pasaran tiada lagi. Masa itu harga sayur akan melambung tinggi sebab sebulan yang lepas, telur ayam hanya 16 sen sebiji sekarang 26 sen dan pada harga 16 sen setiap seorang penternak mereka mengalami kerugian yang sangat teruk, ada ladang-ladang yang mengalami kerugian beribu-ribu ringgit satu hari.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, masa Yang Berhormat sudah cukup.

Tuan Lim Hock Seng: Saya sambung besok ya.

Tuan Yang di-Pertua: Ya?

Tuan Lim Hock Seng: Boleh sambung?

Tuan Yang di-Pertua: Besok sambung lagi!

Tuan Lim Hock Seng: Besok sambung lagi, baik, terima kasih.

Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Sambung lima minit, dia ada lima minit lagi Yang Berhormat.

Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Tuan Yang di-Pertua, selepas dia berucap, minta saya berucap.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ya. *[Ketawa]*

Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditangguhkan hingga jam 2.30 petang esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 8.45 malam.